

"KITA juga terus melangkah mengemaskan diri menghadapi persaingan global, iaitu dengan melihat dan mengkaji sistem pengurusan yang ada termasuk perundangan-peraturan lama yang perlu diubah dan disesuaikan, perubahan minda dan sikap positif, usaha untuk mengelakkan pembaziran serta mengurangkan defisit dan meningkatkan pendapatan negara." - Titah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-54 Tahun pada 15 Julai 2000.



"TIDAK ada kesudahan atau bala bencana yang menimpa seseorang melainkan dengan izin Allah, dan siapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya untuk menerima apa yang telah berfikir itu dengan tenang dan sabar dan ingatlah Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu." - Surah At-Taghaabun ayat 11.

Menerima mengadap Pemerintah Tertinggi ATD Thailand

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Diraja Thailand, Yang Berbahagia Laksamana Narong Yuthavong di Istana Nurul Iman di sini pada 1 Mei lalu.

Yang Berbahagia Laksamana Narong Yuthavong berada di negara ini bagi lawatan muhibah kali pertama sejak dilantik menjadi Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Diraja Thailand. Lawatan beliau adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan ketenteraan di antara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Angkatan Tentera Diraja Thailand.

Di Majlis Mengadap itu, Yang Berbahagia diiringi oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar.

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan hadir sama di Majlis Mengadap itu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Diraja Thailand, Yang Berbahagia Laksamana Narong Yuthavong. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi ditubuhkan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri pada 30 April lalu telah memaklumkan bahawa baginda telah memperkenankan bagi penubuhan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi yang akan bertanggungjawab bagi hal-ehwal berkaitan dengan landskap, alam sekitar dan pemeliharaan taman-taman rekreasi di seluruh negara.

Jabatan berkenaan akan ditempatkan di bawah Kementerian Pembangunan sebagai sebuah jabatan penuh dengan diketuai oleh seorang Pengarah.

Dengan penubuhan jabatan ini, semua bahagian

dan unit yang terdapat di kementerian dan jabatan berkenaan yang memberikan perkhidmatan landskap akan diserapkan ke Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi yang mana seperti berikut :

- 1) Bahagian Keindahan Alam, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya.
- 2) Unit Industri Tanaman Hiasan Rimba, Jabatan Pertanian.
- 3) Bahagian Taman dan Rekreasi, Jabatan Bandar-bandar Seri Begawan.
- 4) Bahagian Taman Bunga Kuala Belait dan Seria, Jabatan Bandar-bandar Seri Begawan.
- 5) Bahagian Taman Bunga dan Tempat Persiaran, Jabatan Bandar-bandar Tutong.

Lihat muka 16

TAHUKAH AWDA

MENJADI kesalahan jika warga Negara Brunei Darussalam menerima rasuah, menawarkan rasuah, memberi rasuah semasa di luar negara di bawah Seksyen 37 Akta Pencegahan Rasuah.

Pihak swasta perlu bantu kerajaan Mengatasi pengangguran

Oleh Samle Haji Jait

BERAKAS. - Menteri Pendidikan yang juga selaku Pemangku Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berkata, Negara Brunei Darussalam sedang menyaksikan pertumbuhan ekonomi sejak mendapat kemerdekaan penuh.

"Tetapi peristiwa-peristiwa di luar kawalan menimbulkan kesukaran bagi perancangan masa depan yang berhubung kait dengan kebajikan rakyat bagi tempoh jangka panjang dan pendek," jelas Yang Berhormat ketika merasmikan Ulang Tahun Ke-55 Penubuhan Dewan Perniagaan Tionghoa Bandar Seri Begawan di Pusat Persidangan Antarabangsa, 1 Mei lalu.

Menurut Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam juga menghadapi cabaran-cabaran utama yang perlu diberi perhatian da-

lam usahanya membentuk ekonomi yang mantap.

"Selaku pentadbir, pemimpin perniagaan dan pendidik, kebimbangan utama ialah kebajikan jangka panjang penduduk negara," jelas Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai masalah kekuangan kerja yang semakin meningkat ketika ini, Yang Berhormat berkata, Negara Brunei Darussalam kini sedang menghadapi masalah pengangguran terutama di kalangan golongan belia.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat menjelaskan bahawa perkara itu merupakan bidang di mana kerajaan dan sektor swasta perlu bekerjasama lebih rapat.

"Dewan Perniagaan Tionghoa dengan sektor swasta yang lain dapat memberikan sumbangan ke arah menyelesaikan isu tersebut," ujar Yang Berhormat.

Ketika menyentuh timbal balik yang menggalakkan dari sekolah-sekolah

Ucapan tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 6 Mei telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Presiden Jacques Chirac di atas kemenangannya dalam Pilihan Raya Presiden Republik Perancis.

Dalam titah perutusan tersebut, baginda telah melahirkan hasrat untuk terus bekerjasama rapat dengan Tuan Yang Terutama Presiden Jacques Chirac dan seterusnya memperkukuhkan hubungan baik dan kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Perancis.

bukan kerajaan terhadap sistem pendidikan yang ada sekarang di negara ini, Yang Berhormat menjelaskan, sistem pada masa ini bertujuan untuk menghasilkan sistem pendidikan seragam yang dapat membentuk satu identiti Brunei bersepadu.

Lihat muka 16

KONTAK PELITA BRUNEI
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
 e-mel: pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING PELITA BRUNEI
 02 383941 / 02 383804 / 02 382192
 Faks : 02 381004 / 02 380507

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Pendidikan bersepadu asas penting dalam pembangunan insan

- Muka 2

Melirik Masa Silam :

Biar Terus Timbul Seperti Sabut

- Muka 3

Jangan amalkan fenomena 'scope creep'

- Muka 10

Ubah strategi kerja bagi menarik minat orang ramai

- Muka 11

Daftar segera Kad Pengenalan Pintar

- Muka 13

Allah meningkatkan darjat orang yang sabar

- Muka 3

ANEKA

Seminar Antarabangsa Perniagaan Islam Dalam Era Globalisasi

- Muka 10

ANEKA



8 MEI 2002 BERSAMAAN 1423 25

RAKYAT PERLU BERSYUKUR

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sering kali mengadakan lawatan mengejut ke kampung-kampung, mukim-mukim dan jabatan-jabatan kerajaan di seluruh pelusuk tanah air. Keberangkatan baginda secara mengejut itu bagi memastikan setiap rancangan pembangunan, pentadbiran negara berjalan dengan lancar dan teratur.

Langkah baginda meninjau dan melakukan lawatan itu sesungguhnya sesuatu yang unik bagi negara kita. Selaku ketua negara, baginda amat mengambil perhatian yang berat terhadap taraf kehidupan rakyat baginda terutama sekali yang berhubung kait dengan kesejahteraan dan kebajikan. Keberangkatan baginda baru-baru ini ke Mukim Berakas 'B' memberikan pengertian yang amat berharga dan cukup bermakna kepada penduduk di mukim berkenaan. Tidak syak lagi ianya merupakan manifestasi keprihatinan, pemedulian serta kasih sayang baginda kepada rakyat dan penduduk yang baginda kasih. Sememangnya baginda cukup dikenali sebagai seorang raja yang penyayang, yang sentiasa mengutamakan kebajikan serta kesejahteraan rakyat dan negara.

Melalui lawatan formal sedemikian, kesempatan baginda untuk bertemu rakyat baginda lebih mesra dan terbuka iaitu antara raja dan rakyat. Dalam kesempatan itu, baginda akan sentiasa bersedia menerima aduan dan sungutan mengenai sebarang apa jua permasalahan dan kesulitan yang dihadapi oleh rakyat dalam kehidupan seharian. Yang amat membanggakan baginda berangkat mengunjungi rumah-rumah sambil berinteraksi secara bersemuka dalam suasana mesra dan harmoni. Selain itu baginda memanfaatkan masa keemasan itu untuk melihat secara dekat dan meninjau secara terperinci aktiviti-aktiviti penduduk kampung, kemajuan dan pembangunan yang dicapai.

Berkat kepimpinan baginda, negara kita bertamabah maju dan makmur. Hampir merapusi seluruh negara sehingga ke daerah-daerah pedalaman menikmati berbagai-bagai kemudahan asas seperti sekolah, masjid, jalan raya, bekalan air dan elektrik, telefon, rumah sakit, klinik perubatan dan kemudahan-kemudahan lain yang disediakan oleh kerajaan.

Kita memang amat patut bersyukur di atas sikap keprihatinan dan pemedulian baginda serta kerajaan baginda dalam memeduli kebajikan rakyat dan penduduk negara ini. Baginda dan kerajaan baginda mengutamakan kepentingan rakyat dari segala-galanya. Ini terbukti di mana segala kekayaan negara telah dapat diagih-agihkan menurut yang sewajarnya iaitu ke arah pembangunan dan kemajuan negara yang boleh mendatangkan kemakmuran, kesejahteraan, kebajikan dan keselamatan kepada rakyat dan negara.

Sesungguhnya, kita juga perlu bersyukur di atas segala nikmat dan kesenangan yang kita kecapi selama ini. Bidang kesihatan dan pendidikan diberikan secara percuma. Bantuan subsidi bagi makanan asas seperti beras dan gula termasuk perumahan dengan kadar bayaran yang murah dan ketiadaan cukai pendapatan. Pendek kata sejak kecil sehingga dewasa kebajikan kita sentiasa diberikan perhatian yang sewajarnya oleh kerajaan. Sehingga di hari tua pun kebajikan kita terus diberi perhatian iaitu dengan diberikan pencen tua bagi mereka yang mencapai umur 60 tahun.

Walau bagaimanapun, kita selaku rakyat juga perlu sedar dan menyedari akan bebanan besar dan berat yang ditanggung oleh kerajaan dalam mengurus negara. Jangan hanya terus berharap daripada kerajaan semata-mata, bahkan sebaliknya kita perlu membantu kerajaan dalam membangun dan memajukan negara terutama sekali dalam membantu pertumbuhan ekonomi negara. Sememangnya inilah ramuan yang mesti ada di mana rakyat amat mustahak berganding bahu dengan kerajaan dalam melaksanakan apa-apa jua corak pembangunan.

Kita perlu sedar adalah mustahil bagi mana-mana kerajaan di dunia ini untuk memenuhi segala tuntutan dan keperluan semua rakyatnya. Bagi negara kita sendiri, kerajaan dalam memenuhi keperluan pembangunan negara adalah sentiasa menitikberatkan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan dan kemajuan iaitu menurut prioriti dan keutamaan serta kepentingan-kepentingan asas rakyat dan penduduk negara ini.

Pada kesimpulannya memang banyak usaha-usaha atau amalan-amalan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ditumpukan dan dilaksanakan ke arah kesejahteraan rakyat dan penduduk. Sebagai rakyat yang bernaung di bumi Darussalam semestinya lah menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada baginda dan kerajaan baginda serta sentiasa memberikan kerjasama yang erat dan padu dalam mengunyahkan misi dan visi kepesatan pembangunan negara. Perpaduan dan kerjasama yang terlakar selama ini adalah kunci kejayaan yang membawa kita terus menikmati kehidupan yang aman damai, makmur dan maju jaya.

HALUAN...

Pendidikan bersepadu asas penting dalam pembangunan insan

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Perjumpaan Dengan Pengetua dan Guru Besar Sekolah Kerajaan dan Bukan Kerajaan Seluruh Negara pada pagi ini.

Saya seterusnya merakamkan penghargaan kepada Unit Perhubungan Awam dalam mengaturkan majlis perjumpaan ini dalam suasana yang informal dan kekeluargaan. Ianya lebih bermakna lagi dengan kehadiran pengetua, guru besar dari sekolah di bawah Jabatan Pengajian Islam yang alhamdulillah telah bercantum di bawah satu bumbung di bawah Kementerian Pendidikan.

Saya amat bersyukur dan berbangga kerana dapat bertemu dengan kumpulan besar dari pemimpin-pemimpin sekolah di seluruh negara sebagai satu perhimpunan muhibah secara informal dalam mana kita berharap akan dapat antara lain bertukar-tukar pendapat dalam pelbagai topik terutamanya mengenai dengan percantuman sekolah agama di negara ini di bawah satu bumbung. Saya berdoa semoga hasil perjumpaan kita di majlis ini akan mendatangkan kemanfaatan kepada kita semua dan mendapat keberkatan dari Allah Subhanahu Wataala.

Pendidikan di negara ini sejak tahun 50-an mengalami perkembangan dan peralihan mengikut kemudahan yang ada dan keperluan semasa yang akhirnya telah mewujudkan dua sistem pendidikan iaitu akademik dan agama. Sistem pendidikan agama yang telah dilancarkan atas inisiatif Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (semoga Allah mengurniakan rahmat pada baginda) telah wujud pada tahun 1956, dalam situasi Negara Brunei Darussalam yang belum mencapai kemerdekaan sepenuhnya pada ketika itu dan dalam keadaan serba kekurangan dalam beberapa segi. Walau bagaimanapun adalah difikirkan Jabatan Hal Ehwal Ugama yang paling sesuai untuk mengendalikannya. Ini telah berjalan dengan baik dan walaupun ianya telah dengan sendirinya melahirkan sistem dualisme dalam struktur pentadbiran dan sistem pendidikan di negara ini tetapi pada waktu itu, itulah pilihan yang paling terbaik. Tujuan asal bagi mewujudkan pendidikan agama antaranya ialah untuk mengimbangi proses pembangunan insan dengan keperluan spiritual. Sistem ini banyak memberikan sumbangan dalam penyebaran agama Islam di negara ini, khususnya memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk belajar agama dengan kadar masa yang mencukupi. Ini sedikit sebanyak telah memberikan sumbangan kepada perkembangan beragama dalam masyarakat Islam di negara ini. Nampak agak jelas kepada kita bahawa amalan beragama dalam

masyarakat Islam di negara ini selepas tahun 1956 adalah lebih baik dari masa sebelumnya. Budaya suka beribadat di kalangan orang Melayu Islam di negara ini telah menjadi amalan turun-temurun seperti bertahsil, berzikir, bertadarus, sembahyang hajat adalah antara ibadat yang sudah junterah di negara ini. Walaupun perkembangan ini tidak dapat dikatakan seluruhnya hasil dari sistem persekolahan agama berkenaan, tetapi tidak diragui bahawa sebahagiannya adalah sumbangan dari sistem tersebut.

Pendidikan agama juga telah menyumbangkan dalam menyediakan sumber tenaga manusia yang terdidik dalam bidang keagamaan dengan menghasilkan antaranya tenaga pengajar yang terlatih bagi keperluan di sekolah-sekolah agama dan sekolah Arab dan Pegawai Masjid dan Imam yang beribadah di masjid-masjid dan surau. Di peringkat tinggi pula, pendidikan agama telah membukakan peluang yang luas kepada rakyat negara ini untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang keagamaan di dalam dan di luar negeri yang telah membuahkan hasil dalam mana dari mereka ini telah menyumbangkan khidmat bakti kepada negara dalam pelbagai tugas yang penting seperti menteri, timbalan menteri, setiausaha-setiausaha tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan. Kita catatkan penghargaan yang tinggi kepada semua mereka yang telah berjasa dalam bidang ini dan bagi mereka yang telah pulang ke rahmatullahitaala, marilah kita sama-sama menghadihkan Faatihah kepada mereka. Al-Faatihah...

Keadan dunia masa kini telah berubah yang dibawa oleh perkembangan sains dan teknologi dan ditambah lagi dengan perkembangan pesat Informasi Teknologi Maklumat (ICT), mengubah bersamanya kehidupan dan pemikiran manusia sejagat. Perubahan ini memaksa kita turut mengubah semua aspek kehidupan kita termasuk keperluan pendidikan di negara ini. Ternyata sistem pendidikan dualisme kurang menepati dengan perkembangan dunia masa kini dan objektif pendidikan yang sebenarnya untuk melahirkan insan yang berpengetahuan tinggi dalam semua bidang, berakhlak dan bertakwa. Maka sebab itulah kurikulum pendidikan yang bersepadu perlu diwujudkan yang menyatukan pendidikan akademik termasuk sains, teknologi dan pendidikan agama. Ianya ibarat sepon pohon pokok, pendidikan akademik sebagai pokoknya dan pendidikan agama sebagai akarnya.

Selepas kita mencapai semula kemerdekaan negara, kita menyedari bahawa jika sistem dualisme ini terus-menerus diamalkan, ianya boleh mewujudkan masyarakat intelek yang berpisah, iaitu berasaskan pendidikan yang berorientasikan ilmu-ilmu keagamaan dipisahkan daripada pendidikan yang berorientasikan ilmu-ilmu duniawi. Maka terdapatlah kelompok masyarakat yang terdidik menerusi sistem berorientasikan pendidikan ilmu-ilmu keagamaan tipis dalam ilmu duniawi, manakala kelompok yang terdidik menerusi sistem berorientasikan



UCAPAN Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz di Majlis Perjumpaan Dengan Pengetua dan Guru Besar Sekolah Kerajaan dan Bukan Kerajaan Seluruh Negara di Dewan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 14 Safar 1423/27 April 2002.

pendidikan ilmu-ilmu duniawi pula samar-samar dalam ilmu keagamaan; kedua kelompok ini sama-sama berat sebelah seakan-akan satu tembok pemisah yang kukuh. Padahal Islam mementingkan kedua sistem pendidikan tersebut dan tidak wujud pemisahan apatah lagi pertentangan di antara keduanya. Dalam satu hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud: "Bukanlah sebaik-baik kamu yang meninggalkan dunia kerana akhiratnya dan bukan juga yang meninggalkan akhiratnya kerana dunianya, hinggalah ia mengambil dari kedua-duanya sekali, kerana dunia adalah kepada akhirat dan janganlah kamu menjadi beban kepada manusia lain." (Riwayat Ibnu Asakir).

Dari segi pembangunan manusia pula haruslah disepadukan dalam satu pendidikan ilmu pengetahuan untuk membentuk insan yang sempurna yang mahir dan cekap dalam bidang kerjayanya tetapi dalam masa yang sama ia juga haruslah mempunyai keperibadian yang sempurna iaitu melalui pendidikan keagamaan dan pendidikan kerohanian. Maka dalam hal ini, kesepaduan pendidikan keduniaan dan kerohanian adalah merupakan satu asas yang penting dalam pembangunan insan. Apabila membicarakan tentang konsep ilmu kita boleh terperangkap dengan pemikiran yang membezakan di antara kedua ilmu iaitu ilmu yang diperolehi melalui akal dan ilmu yang diwahyukan; seolah-olah kita cuba memberikan satu garisan pemisah di antara ilmu duniawi dan akhirat dan tidak mengendahkan untuk menemukan dua bidang ilmu ini. Saya percaya ilmu pengetahuan yang diperolehi dengan menggunakan akal fikiran dan intelek manusia haruslah disepadukan dan diasaskan dengan ilmu pengetahuan yang kita dapat daripada wahyu Allah Subhanahu Wataala. Apabila kedua bidang ilmu ini dapat disepadukan maka kita akan dapat melahirkan para intelek Islam yang 'complete' lagi cemerlang dalam apa sahaja bidang profesionnya dan pada masa yang sama mereka akan lahir sebagai seorang yang beretika dan bermoral serta mempunyai keperibadian yang mulia.

Konsep ilmu dan tanggungjawab dalam Islam membahagikan kepada Fardu Ain dan Fardu Kifayah memberi erti bahawa Fardu Ain melibatkan setiap individu Muslim yang mukalaf tanpa mengira apa bidang pengkhususan yang diambil misalnya sembahyang, manakala ilmu Fardu Kifayah pula merupakan bidang-bidang pengkhususan yang melibatkan sebahagian sahaja dari anggota masyarakat dalam setiap bidang mengikut kemampuan kecenderungan dan pencapaian masing-masing. Inilah konsep tolong-menolong dalam pembinaan masyarakat Islam. Setiap anggota masyarakat mempunyai peranan berasaskan kepada kemampuan dan kebolehan masing-masing dan saling bantu-membantu dan lengkap-melengkap dalam rangka pembinaan masyarakat Islam yang kuat.

'NASIB sebut timbul, nasib batu tenggelam' - satu lagi perumpamaan orang-orang dahulu bila bercakap mengenai hidup dan kehidupan yang selanjutnya. Perutusan yang dimaksudkan dalam perumpamaan seumpama ini adalah cukup difahami di kala itu dan ianya juga tidak asing di kalangan orang-orang sekarang ini. Di kalangan yang arif dan suka berfikir, terdapat anggapan bahawa perumpamaan yang demikian itu tidak dapat mendorong semangat untuk maju apabila yang berkaitan dengan yakin diri dan membentuk keperkasaan di sepanjang menjalani hidup dan kehidupan dan menyimpan rasa tanggungjawab sebagai anggota masyarakat dan bangsa yang tidak kaku, hipokrit, kopersi dan segala macam yang tidak 'menyebabkan' bangsa yang aktif, produktif dan inovatif dalam memandang masa depan yang menuntut pelbagai cabaran itu. Maka itu, perumpamaan yang demikian itu adalah milik orang-orang yang lemah semangat dan hanya berserah pada takdir sahaja.

Hari ini, mungkin perumpamaan seperti itu tidak dihiraukan lagi disebabkan berubahnya iklim keliling yang tidak lagi sesuai dengan harapan 'yang pipih datang melayang, yang bulat datang bergolek', malah semua orang perlu hidup dengan usaha yang berteraskan keyakinan di samping ilmu, pengalaman dan keupayaan fizikal yang mengizinkan.

Namun demikian, orang dahulu itu, mungkin ada sesuatu yang tersirat di sebalik yang tersurat dalam makna perumpamaan itu. Mungkin saja ianya lebih memberatkan kepada sifat-sifat 'bertawakal' ke hadrat Allah, kerana jika dikaitkan kepada rezeki, jodoh pertemuan, mati dan hidup serta buruk dan baik itu adalah atas ketetapan Allah semata-mata. Ini adalah antara pegangan orang dahulu dalam melakukan dan melaksanakan sesuatu usaha atau kerja yang besar seperti ketika hendak menunaikan haji, ketika hendak belayar menuntut ilmu atau melakukan perjalanan yang jauh, mengadakan

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

BIAR TERUS TIMBUL SEPERTI SABUT

pertemuan untuk satu perundingan yang besar seperti mengenai dengan negara dan lain-lain lagi. Maka 'kalau sabut timbul', adalah matlamatnya. Dengan yang demikian 'sabut'lah merupakan asas perjuangan mereka dan langsung tidak akan mengingati 'batu' yang merupakan penghalang kepada yang diperjuangkan oleh mereka itu. Ertinya, 'batu' adalah setiap sesuatu yang boleh-boleh saja berada di hadapan kita dan akan mengheret kita untuk ditenggelamkan bersamasama dengan yang bernama 'kegagalan' itu.

Jadi, secara positifnya, perumpamaan tersebut adalah merupakan 'amaran' dan nasihat yang berguna seperti menjadi pegangan orang-orang di masa silam agar biarlah setiap usaha dan kerja yang dilakukan itu hendaklah mendapat kejayaan dan diredai oleh Allah Yang Berkuasa menentukan segala sesuatu itu. Itulah antara disiplin hidup yang tidak tertulis yang mungkin menjadi amalan atau nenek kita di masa silam itu.

Rasanya di kalangan kita yang pada masa ini, baik jua merenung sebentar terhadap perkara seperti disebutkan di atas kerana ia mungkin berguna dalam membentukkan jati diri kita yang antaranya berfungsi melalui rohani yang senantiasa dipadati dengan pemikiran dan pemahaman yang positif demi pembangunan dan keperkasaan bangsa sendiri itu.

Maka itu, dalam kaitan ini, memang amat patut kita renung-mrenung, tegur-menegur, ingat-mengingat dan berbetul-betulan, terutama apabila segala sesuatu yang timbul itu sangkut-menyangkut dengan diri kita jua. Sebagai misal sahaja,

bagaimana negara kita yang semakin indah dan menarik ini, terus melangkah dan memasuki pelbagai bidang yang tentunya, matlamat utamanya ialah antaranya, supaya orang-orang kita, terutamanya yang terdiri di kalangan generasi baru supaya lebih berani dan bersedia memperkasakan diri demi masa depan yang lebih cemerlang. Untuk ini, tentunya anak-anak Brunei yakin dan akan bertambah keyakinan mereka melalui dorongan yang kuat dari kalangan yang diharapkan mereka dalam memperkuatkan keyakinan sebagai bangsa Brunei.

Contoh : Bidang pekerjaan sudah semakin terbuka luas. Ia tidak setakat di darat bahkan di laut-tan yang maha luas dan tidak ber tepi. Cabaran inilah antara yang sedang dihadapi oleh anak-anak Brunei yang akhir-akhir ini selalu saja dicabar supaya lebih berani mencari kerja di sektor-sektor yang bukan sepenuhnya kerajaan walaupun terpaksa di luar negeri. (Cabaran ini akan lebih bagus lagi dibuktikan sama oleh anak-anak mereka yang pernah berhujah tentang hal ini di kemudian hari nanti).

Sebenarnya, peluang untuk itu sudah pun dibukakan oleh sektor-sektor bukan kerajaan atau separuh kerajaan seperti mana yang dilakukan oleh Syarikat Brunei Shell dan Gas Cecair Asli Brunei Sendirian Berhad (BLNG) yang semakin berkembang maju dan akan terus mengembangkan sayapnya ke dunia yang lebih luas lagi. Rakyat Brunei tentunya merasa bangga atas pencapaian-nya dan merasa lebih bangga lagi bilamana sudah lebih ramai anak-anak Brunei sendiri membukakan hati mereka untuk berkhidmat dan seterusnya

menyumbang tenaga dan ilmu yang ada, ala kadarnya untuk tumpang membantu dengan menyahut seruan yang membuka peluang kepada anak-anak tempatan untuk mengisikan bidang-bidang pekerjaan yang ditawarkan. Mereka yang layak yang kesemuanya terdiri dari lepasan peringkat maktab atau institusi-institusi profesional menyahut tawaran itu ditambah lagi dengan restu dan dorongan semangat dari ibu bapa atau penjaga-penjaga mereka yang juga merasa bangga atas keputusan anak-anak mereka itu untuk menceburi diri berkhidmat di lapangan yang menjadi kebanggaan negara dan bangsa Brunei itu, juga senantiasa mengibarkan bendera negara di mana jua mereka merapat.

Apa yang diharapkan oleh mereka itu dan juga diharapkan oleh ibu bapa mereka, bukan semata-mata pendapatan yang berpatutan, tetapi sebagai 'anak mentah' dalam banyak hal, sudah barang tentu diharapkan petunjuk-petunjuk yang tepat dan dihormati oleh semua orang yang berada di keliling mereka. Sebagai orang baru apatah lagi berumur muda dan ditambah lagi berada di lingkungan yang benar-benar asing dalam hidup mereka, maka di sinilah, mereka itu perlu dilihat secara positif agar tidak akan timbul tohmahan yang mengkononkan bahawa anak-anak Brunei belum layak atau tidak perkas menghadihi cabaran. Atau akan ada yang berkata anak-anak Brunei hanya tahu senang sahaja. Tetapi apa yang penting ialah melihat mereka itu melalui mata Brunei sendiri dan menilai melalui cara orang Brunei. Ertinya penglihatan yang benar, jangan sampai berlaku lain jawatan yang dipohonkan, lain kerja yang disuruh buat dan akhirnya nanti dikatakan orang Brunei memilih kerja, sedangkan kita tidak tahu di sebalik itu. Dan inilah antara misal yang tidak mengena dengan 'nasib sabut' itu kerana ditakuti ada ciri-ciri yang cuba menyelar dan meletakkan bangsa yang kecil ini di bukur yang kecil jua.

Dari muka 2

Perkara persepaduan atau integrasi ini bukanlah satu perkara baru. Sebenarnya sejarah telah membuktikan bahawa orang Islam sudah pernah menjadi masyarakat dinamik, menguasai ilmu pengetahuan dan teknologi dan seterusnya menguasai dunia pada abad ke-8 hingga ke-12 lagi. Ketika seluruh Benua Eropah berada di dalam zaman gelap (dark ages), umat Islam sudah berada di puncak kecemerlangan dalam bidang intelek, malah peradaban Islam di waktu itu telah memainkan peranan besar dalam mewujudkan peradaban moden pada hari ini sehingga orang Eropah berduyun-duyun menuntut ilmu di pusat-pusat pengajian tinggi Islam terutamanya di Andalusia. Islam yang berpusat di Andalusia telah membawa cahaya dan mengeluarkan orang-orang itu dari zaman kegelapannya. Institusi pengajian tinggi di Andalusia dan juga di Maghribi, Mesir, Anatolia, Iraq, Daerah Levantin dan Parsi menjadi tumpuan pengajian di waktu itu kepada sesiapa sahaja termasuk orang bukan Islam. Para lepasan institusi-institusi itu balik ke negara masing-masing dengan ilmu dan cara berfikir yang progresif dan dinamis menyebarkan ilmu pengetahuan yang diperolehi di tempat-tempat mereka. Di zaman kegemilangan Islam itu terdapat ramai sarjana Islam yang terkemuka antaranya Ali Al-Hassan ibni Haitham (Al-Hazen) iaitu seorang ahli optik, matematik, astronomi dan falsafah; Abu Musa Jabir ibni Zakaria Al-Razi (Rhizex), sarjana kedokteran dan kimia dan Abu Ali Al-Husain ibni Sina iaitu ahli falsafah dan perubatan. Mereka inilah merupakan pelopor ke-

pada bidang ilmu masing-masing yang universal hingga kepada terhasilnya karya-karya ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu yang setengahnya masih lagi dijadikan buku rujukan di pusat-pusat pengajian tinggi yang terkemuka di dunia hingga pada hari ini. Dengan kata lain, bidang-bidang ilmu yang sekarang ini kita kenali sebagai ilmu keduniaan, baik dari yang dikategorikan sebagai ilmu kemanusiaan atau ilmu sains kesemuanya adalah ilmu Islam belaka, yang diperolehi oleh intelek-intelek Islam. Sayang sekali ilmu-ilmu yang dulunya diperkenalkan oleh umat Islam kini sudah berpindah ke tangan masyarakat bukan Islam. Kegagalan umat Islam mewarisi ilmu datuk moyang kita itu dan kemunduran yang berlaku di masyarakat Islam sejak beberapa abad yang lalu menunjukkan kelemahan dan sesuatu yang tidak kena pada masyarakat kita dan bukannya pada agama itu sendiri. Sudah lebih beberapa dekad pemikir Islam menyuarakan hasrat untuk melakukan usaha pengislaman ilmu, namun demikian usaha yang bersungguh-sungguh masih belum dilakukan, hampir di semua negara Islam, sistem dualisme dalam pendidikan masih wujud di mana-mana.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, pendidikan Islam berlandaskan Al-Quran yang menekankan kepada pengkhususan ilmu yang seimbang antara duniawi dan ukhrawi adalah ideal kepada Negara Brunei Darussalam yang mengamalkan Islam sebagai cara hidup yang lengkap. Sejak kemerdekaan lagi usaha terus dijalankan oleh Kementerian Pendi-

dikan ke arah pembentukan satu sistem pendidikan kebangsaan yang bersepadu berlandaskan kepada falsafah Melayu Islam Beraja bagi memupuk dan memperkembangkan kebolehan pelajar-pelajar ke arah kecemerlangan sebagai insan dan warganegara yang seimbang dan bertanggungjawab terhadap diri, masyarakat dan negara. Ia merangkumi pendidikan akademik, pendidikan agama dan pendidikan kokurikulum. Kementerian Pendidikan merasa yakin bahawa dengan adanya pendidikan yang seimbang dalam ketiga-tiga aspek berkenaan, pendidikan di negara ini insya-Allah akan dapat menghasilkan generasi para intelek yang berilmu tinggi, beriman, bertakwa dan bersatu padu. Antara langkah yang telah diambil sejak tahun 1994 ialah menubuhkan Projek Rintis Pengajaran Al-Quran dan Pengetahuan Agama Islam (PAI) di sembilan buah sekolah-sekolah rendah di Daerah Brunei dan Muara. Projek PAI ini juga dihasratkan untuk menjadikan pelajar-pelajar berpengetahuan dan mengamalkan nilai-nilai keagamaan dalam bentuk rohani dan jasmani, berpanduan kepada hukum syarak. Di samping itu pelajar juga dapat mempelajari Al-Quran dan agama Islam lebih awal iaitu mula darjah satu. Awal-awal lagi mereka sudah disedarkan dengan hakikat sebenar tentang kebesaran Allah. Dengan itu kita harap mereka akan berkemampuan menangkis pelbagai cabaran kerohanian ketika berada di peringkat yang lebih tinggi di dalam negeri mahupun luar negeri insya-Allah. Alhamdulillah, setelah projek ini berjalan lebih kurang tujuh tahun, PAI telah dapat memenuhi objektif ianya diadakan di mana penghayatan dan pencapaian pelajar-pelajar

berkecuali adalah di tahap yang baik. Sekarang pelajar-pelajar itu mengikuti pengajaran di sekolah menengah. Projek PAI ini insya-Allah akan dikembangkan dan dilartakan ke sekolah-sekolah lain di negara ini dan merupakan model dan bayangan kepada pendidikan bersepadu. Kurikulumnya akan sentiasa diperbaiki dan dipertingkatkan mutunya dari masa ke semasa.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin-Nya dan atas kebijaksanaan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hasrat untuk mempunyai sistem pendidikan kebangsaan yang bersepadu telah menjadi kenyataan apabila percantuman Pengajaran Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama di bawah satu bumbung di bawah Kementerian Pendidikan, bermula dengan berpindahnya Jabatan-jabatan Kurikulum, Peperiksaan, Kenaziran di Kementerian Hal Ehwal Ugama ke Kementerian Pendidikan pada tahun lepas dan seterusnya perpindahan sekolah-sekolah agama keseluruhannya di bawah Kementerian Pendidikan pada bulan Mac 2002. Percantuman ini insya-Allah akan dapat melahirkan pelajar-pelajar yang berpendidikan lengkap dan menyeluruh dari segi rohani, akal dan jasmani serta berilmu dan berkepercayaan yang boleh memenuhi pelbagai keperluan dan kehendak negara melalui dasar pendidikan yang bersepadu. Sistem pendidikan yang bersepadu dengan sendirinya mengelakkan duplikasi dan akan menghasilkan satu sistem belanjawan, perancangan dan pengurusan dari segi infrastruktur pendidikan dan fizikal yang akan lebih

efektif dan ekonomikal, insya-Allah.

Saya berharap dengan penuh ikhlas supaya percantuman ini dianggap sebagai satu hikmah yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala yang akan menghasilkan keberkesanan ke arah sistem islamiisasi pendidikan yang lebih efektif untuk melahirkan generasi baru tidak mengira bangsa dan agama yang mempunyai calak Brunei yang berilmu tinggi, berakhlak, beriman dan bertakwa, beridentitikan keislaman dan kebruneian bersesuaian dengan keperluan negara dan bersedia menghadapi sebarang cabaran dalam arus perkembangan globalisasi dengan penuh keyakinan. Sebagai pendidik dan pemegang amanah ke arah pendidikan anak bangsa, kita janganlah menganggap percantuman ini sebagai satu kemenangan atau kejayaan kepada satu-satu pihak, te-

tapi anggaplah ia satu ikatan untuk kita bersatu padu dalam satu keluarga yang semakin lebih besar untuk meneruskan tanggungjawab dan tugas-tugas kita sebagai pegawai kerajaan dalam satu kementerian semata-mata kerana Allah jua. Anggaplah ianya hanya perpindahan dari segi fizikal tetapi dalam hati dan sanubari kita menekadkan bahawa keperluan negara dan bangsa perlu diutamakan yang mana semua kita mempunyai tanggungjawab. Umat Islam adalah ibarat satu jasad kalau anggotanya tidak dapat bekerjasama, malah bertentangan maka keadaan ini sudah tentu menjejaskan keupayaan badan tersebut. Oleh itu dalam rangka membina satu masyarakat umat yang bersatu dan kuat, setiap kita masyarakat Islam dalam bidang masing-masing perlulah bekerja secara bersatu padu sebagai satu pasukan untuk menjayakan

cita-cita yang satu iaitu menegakkan kalimah Allah. Kementerian Pendidikan terutama para guru adalah pendukung amanat, kejayaan kita menyebarkan ilmu yang bermanfaat akan mendatangkan pahala yang tidak putus-putus waima pun kita sudah berpindah ke alam barzakh. Sebaliknya jika kita gagal, kita akan disoal oleh Allah Subhanahu Wataala di akhirat kelak. Jika kita tidak mengambil kesempatan ini untuk mengambil bekal akhirat, yang ruginya adalah kita sendiri. Jasad kita hanya mampu hidup beberapa tahun sahaja namun demikian tempoh yang singkat itu akan menentukan untung nasib kita di akhirat kelak. Marilah kita tetapkan azam untuk memperolehi keredaan Allah Subhanahu Wataala.

Sekian, Wabillahi Tau-fik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan menyertai pergerakan tai chi oleh Persatuan Tai Chi Daerah Brunei dan Muara di bawah pimpinan Awang Leong.

DYTM berangkat ke Senaman Amal Beramai-ramai

BERAKAS. - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan berangkat ke Senaman Amal Beramai-ramai Untuk Tabung Rakyat Awam Afghanistan yang dianjurkan oleh Persatuan Peniaga dan Usaha Wanita (Peniaganita) Brunei.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dijunjung oleh Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Dayang Hajah Zainab binti Haji Zainal Abidin dan ahli-ahli jawatankuasa yang lain pada 5 Mei lalu.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Majlis bermula dengan gerakan tai chi yang disembahkan oleh Persatuan Tai Chi Daerah Brunei dan Muara di bawah pimpinan Awang Leong di mana Duli Yang Teramat Mulia sendiri berkenan ikut serta dalam pergerakan tai chi tersebut dengan pergerakan lemah lembut tetapi memberi kesan mendalam terhadap kesihatan badan.

Kemudian diteruskan dengan senam aerobik oleh Kumpulan Body Motion Fitness Ladies yang diketuai oleh Dayangku Salina binti Pengiran Dato Paduka Haji Asmalee.

Pergerakan aerobik tersebut juga di-

ikuti oleh Duli Yang Teramat Mulia bersama dengan Yang Teramat Mulia dan ahli-ahli jawatankuasa penganjur.

Setelah itu ahli-ahli Persilatan Majlis Perundingan Kampong Perpindahan Mentiri mempersenbahkan tiga pergerakan silat iaitu Bunga Cekak Asli, Kuntau Selindang Merah dan Kuntau Hailam yang diketuai oleh Awang Supian.

Ketika persembahan itu diadakan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan dan berkenan bergambar ramai serta menerima junjung ziarah dari para peserta.

Tema Senaman Amal Beramai-ramai 'Bergerak Untuk Kesihatan' yang disertai oleh peniaga-peniaga, persatuan-persatuan peniaga, sektor swasta, persatuan-persatuan kebajikan dan orang ramai.

Senaman itu juga atas kerjasama Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB), Persatuan Peniaga-peniaga Melayu Brunei (PPMB), Persatuan Bekas Kakitangan Kerajaan (PEKIRA), Koperasi Usahawan Nasional (KUNUB), Persatuan Pengguna Brunei (CAB), Koperasi Padi Kebangsaan Berhad, Koperasi Kesan, Gabungan Perniagaan Bumiputera (GPB), Dewan Perniagaan Tionghoa Brunei, Persatuan Tai Chi, Persatuan Teksi, Koperasi GPB serta peniaga-peniaga persendirian.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan menyertai senam aerobik yang dipimpin oleh Kumpulan Body Motion Fitness Ladies (atas). Sementara gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia dengan diiringi oleh Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Dayang Hajah Zainab binti Haji Zainal Abidin berkenan menerima junjung ziarah para peserta yang menyertai Senaman Amal Beramai-ramai.

Liputan
Abdullah Asgar
Gambar-gambar
oleh
Hamadi HM dan
Masri Osman

DULI Yang Teramat Mulia berkenan bergambar ramai sebagai tanda kenangan bersama Ahli-ahli Persatuan Tai Chi Daerah Brunei dan Muara (kanan) dan bersama Ahli-ahli Persilatan Majlis Perundingan Kampong Perpindahan Mentiri (kiri).



PENGUATKUASAAN peraturan di stesen-stesen minyak baru-hari ini yang menegaskan supaya setiap pemandu hendaklah mematikan enjin kenderaan dan telefon bimbitnya (hand phone). ertinya tidak boleh menggunakan telefon bimbit sama ada untuk menjawab panggilan atau membuat panggilan semasa membeli atau berada di stesen-stesen minyak kerana perbuatan itu boleh menyebabkan ledakan dan kebakaran. Kita sedia maklum tempat-tempat yang terdapat minyak seperti di stesen-stesen minyak adalah terdedah kepada kebakaran bukan saja dari api rokok, malahan juga dari percikan api yang wujud dari enjin atau benda-benda yang mempunyai arus elektrik seperti telefon bimbit.

Berikutan larangan itu, semua pekerja di stesen-stesen minyak diarahkan supaya bersikap tegas kepada pelanggan mereka iaitu selagi enjin kenderaan belum dimatikan atau masih ada yang menggunakan telefon bimbit, minyak tidak boleh diisikan ke dalam tangki kenderaan berkenaan. Dengan kata lain mereka yang ingkar dari mematuhi peraturan keselamatan itu tidak akan dilayan. Ini menunjukkan bahawa keselamatan itu sangat penting dan semua pihak hendaklah sama-sama memainkan peranan untuk mengelakkannya dari berlaku.

Larangan itu merupakan sebahagian daripada langkah-langkah keselamatan yang mustahak diberi perhatian oleh setiap stesen-stesen minyak yang bertujuan untuk menjaga keselamatan bukan sahaja untuk pekerja-pekerja di stesen berkenaan, malahan juga semua pihak yang berurusan dengan mereka, terutamanya

Kan Halnya ...

Mencabar bala mengundang bencana

para pelanggan yang datang untuk membeli minyak. Peraturan itu meliputi semua jenis kenderaan bermotor dan tidak kira apa jenis minyak yang hendak dibelinya. Ada sesetengah orang berpendapat pembeli minyak diesel tidak perlu mematikan enjin kereta atau telefon bimbitnya. Ini adalah tidak benar kerana dari segi logiknya semua jenis minyak yang terdapat di stesen-stesen minyak adalah mudah terbakar, apatah lagi setiap jenis minyak itu kedudukan pamnya berdekatan di antara satu sama lain.

Peraturan seumpama ini sudah lama diimplementasikan di negara-negara lain terutamanya di negara-negara maju yang sangat mengutamakan disiplin meningkatkan keselamatan untuk semua pihak. Kita dapat saksikan di negara-negara berkenaan disiplin itu berjaya dilaksanakan kerana setiap orang ramai mematuhi dan memberi kerjasama dengan penuh tanggungjawab. Sikap mereka itu memberi natijah yang baik sehingga kemalangan yang berpunca dari kebakaran atau letupan di stesen-stesen minyak dapat dielakkan. Agama Islam sendiri telah menekankan pentingnya usaha dan ikhtiar untuk menjaga atau mengelakkan

dari sesuatu kejadian yang tidak diinginkan. ertinya kita tidak boleh semata-mata berserah kepada takdir. Langkah menguatkuasakan peraturan tersebut menepati dengan apa yang dikehendaki oleh Islam dalam menjaga kepentingan semua pihak.

Kan halnya di negara ini sebaik-baik sahaja peraturan tersebut dikuatkuasakan terdapat sedikit kekecohan sehingga berlaku beberapa pertengkaran di antara pemandu (pembeli minyak) dengan atendan atau pekerja di stesen-stesen minyak. Malahan telah tersiar di media massa mengenai satu pergaduhan di antara pelanggan dengan atendan di salah sebuah stesen minyak kerana atendan tersebut tidak mahu mengisi minyak kereta pelanggan berkenaan disebabkan beliau tidak mahu mematikan enjin keretanya. Sehingga sekarang masih ramai pemandu yang tidak mahu mematuhi peraturan tersebut walaupun amaran terpampang dengan jelas di stesen-stesen minyak dan di media massa. Sebaliknya mereka mengancam untuk bertindak kepada atendan stesen minyak yang tidak mahu melayaninya, akhirnya ada atendan yang terpaksa tunduk kepada ancaman dan peraturan tinggal nama atau ada yang melihat papan-papan tanda amaran mengenai peraturan itu cuma sebagai hiasan.

Sikap sedemikian itu menunjukkan bahawa pengajaran dari pepatah Melayu yang mengatakan 'sediakan payung sebelum hujan' sudah tidak dihiraukan lagi, sebaliknya mereka mahu 'sediakan hujan sebelum berpayung'. Dengan istilah lain sikap seumpama itu seolah-olah mencabar bala mengundang bencana.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain ketika berlepas bagi menghadiri Mukhtar Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam Ke-7 di Kuala Lumpur. - Gambar ihsan Pusat Da'wah Islamiah.

Hadiri Mukhtar Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam

Oleh Haji Ahat HI

BERAKAS. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain telah berlepas ke Kuala Lumpur bagi menghadiri Mukhtar Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam Ke-7 pada 5 Mei lalu.

Mukhtar yang berlangsung tiga tahun sekali itu dikendalikan oleh Kerajaan Malaysia dan dihadiri oleh Menteri-menteri Wakaf dan Menteri yang bertanggungjawab mengenai Islam dari Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC).

Antara perkara utama yang akan dibincangkan semasa mukhtar itu ialah meningkatkan aktiviti dakwah menerbitkan bahan-bahan penerangan yang

berkaitan Islam dan bertukar pandangan yang berkaitan dengan pengutipan zakat.

Sejumlah lapan kertas kerja akan dibentangkan untuk dibincangkan dan pada akhir mukhtar itu juga akan dikeluarkan resolusi mukhtar.

Dalam mukhtar itu Negara Brunei Darussalam menyediakan dua penerbitan khas yang akan diedarkan kepada para perwakilan dengan matlamat untuk memberikan penerangan terperinci mengenai aktiviti dakwah dan pengurusan pengislahan, pengalaman Negara Brunei Darussalam mengenai pembangunan dan pemeliharaan tulisan jawi dan kaligrafi.

Semasa mukhtar tersebut Yang Berhormat dijadualkan akan memberikan ucapan sebagai wakil negara-negara Asia, manakala negara-negara Arab akan diwakili oleh Republik Arab Mesir dan negara-negara Afrika akan diwakili oleh Senegal.

Isu mengeksploitasi kanak-kanak dibincangkan di PBB

BERAKAS. - Isu-isu mengenai eksploitasi kanak-kanak akan menjadi perbincangan di Sesi Khas Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Kanak-kanak (United Nations General Assembly Special Session For Children) selama dua hari bermula 8 hingga 10 Mei.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang

Oleh Abdullah Asgar

Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr) Haji Awang Hussain mewakili Negara Brunei Darussalam di perhimpunan itu. Yang Berhormat disertai oleh empat orang pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Haji

Dani memberitahu wakil PELITA BRUNEI sebelum berlepas ke New York pada 4 Mei lalu, Yang Berhormat dijangka menyampaikan kenyataan mengenai perkembangan dan keadaan kanak-kanak di negara ini antaranya termasuk bidang kesihatan, pendidikan, sosial, penjagaan dan kebajikan mereka.

Isu lain yang menjadi tajuk perbincangan di perhimpunan itu berkaitan

dengan hal-ehwal kanak-kanak termasuklah perdagangan, perburuhan, pelacuran, pendidikan dan kanak-kanak terbiar.

Bagi Negara Brunei Darussalam isu-isu kritikal mengenai kanak-kanak tidaklah terjadi kerana pihak kerajaan dan swasta telah menubuhkan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan untuk memeduli kebajikan kanak-kanak dan orang-orang cacat, jelas Yang Berhormat.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr) Haji Awang Hussain ketika berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sebelum berlepas ke New York. - Gambar oleh Hamadi HM.

RESIT DIBATALKAN

BERIKUTAN dengan kehilangan resit-resit pembayaran rasmi kerajaan dalam satu kecurian di Pejabat Kemajuan Perumahan Tutong, pada 15 April 2002, Jabatan Kemajuan Perumahan memaklumkan bahawa penggunaan resit-resit pembayaran rasmi kerajaan bilangan C5148477 hingga C5148500 dan dari C5148584 hingga C5148600 adalah dibatalkan.

Oleh Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN. - Percantuman Jabatan Pengajian Islam di bawah Kementerian Pendidikan akan dapat melahirkan pelajar-pelajar yang berpendidikan lengkap dan menyeluruh dari segi rohani, akal dan jasmani serta berilmu dan berkepandaian yang boleh memenuhi pelbagai keperluan dan kehendak negara melalui dasar pendidikan yang bersepadu.

"Sistem pendidikan yang bersepadu dengan sendirinya mengelakkan duplikasi dan akan menghasilkan satu sistem belajarnya, perancangan dan pengurusan dari segi infrastruktur pendidikan dan fizikal yang akan lebih efektif dan ekonomikal," kata Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz yang juga Pemangku Sementara Menteri Kesihatan di Majlis Perjumpaan Menteri Pendidikan de-

ngan Pengetua dan Guru Besar Sekolah Kerajaan dan Bukan Kerajaan Seluruh Negara pada 27 April lalu di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanali Bolkiah.

Yang Berhormat berkata, percantuman itu dianggap sebagai satu hikmah dikurniakan Allah yang akan menghasilkan keberkesanan ke arah sistem Islamisasi pendidikan yang lebih efektif, dan untuk melahirkan generasi baru tidak mengira bangsa dan agama yang mempunyai calak Brunei yang berilmu tinggi, berakhlak, beriman dan bertakwa beridentitikan keislaman dan kebruneian serta yang bersesuaian dengan keperluan negara dan bersedia menghadapi sebarang cabaran dalam arus perkembangan globalisasi dengan penuh keyakinan.

Sebagai pendidik dan pemegang amanah ke arah pendidikan anak bangsa, jelas Yang Berhormat, janganlah menganggap

Pendidikan bersepadu lebih efektif, ekonomikal

percantuman ini sebagai satu kemenangan atau kejayaan kepada satu-satu pihak, tetapi anggaplah ia satu ikatan untuk bersatu padu dalam keluarga yang sekarang lebih besar untuk meneruskan tanggungjawab dan tugas.

"Kementerian Pendidikan terutama para guru adalah pendukung amanah, kejayaannya menyebarkan ilmu yang bermanfaat akan mendatangkan pahala yang tidak putus-putus waima pun mereka sudah tiada," jelas Yang Berhormat.

"Jika kita tidak mengambil ini untuk mendapat bekalan akhirat, yang rugi adalah kita sendiri, jasad hanya mampu hidup beberapa tahun saja namun demikian tempoh yang singkat akan menentukan untuk nasib kita," tambah Yang Berhormat lagi.



MENTERI Pendidikan yang juga Pemangku Sementara Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz ketika berucap di Majlis Perjumpaan Menteri Pendidikan Dengan Pengetua dan Guru Besar Sekolah Kerajaan dan Bukan Kerajaan Seluruh Negara. Majlis berlangsung di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanali Bolkiah pada 27 April lepas. - Gambar oleh Masri Osman.

Perjumpaan tersebut dihadiri oleh kira-kira 300 orang terdiri dari pengetua, penolong pengetua, guru besar, penolong guru besar dari sekolah kerajaan

dan bukan kerajaan seluruh negara.

Perjumpaan tersebut merupakan julung kalinya diadakan sejak percantuman

an Jabatan Pengajian Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Kementerian Pendidikan.

Majlis juga diteruskan

dengan sesi soal jawab bersama Menteri Pendidikan mengenai dengan banyak perkara yang timbul dari percantuman tersebut.



YANG Dimulakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, Mufti Kerajaan, menyampaikan buku-buku sumbangan IBB di bawah Skim Wakaf Buku Terbitan Jabatan Mufti Kerajaan kepada seorang pegawai Kementerian Pendidikan bagi perpustakaan-perpustakaan sekolah. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Jabatan Mufti Kerajaan sediakan peluang berwakaf dalam bentuk buku

Oleh Awangku Jefferi PD

BANDAR SERI BEGAWAN. - Umat Islam perlu merebut peluang beramal dalam bentuk penyebaran ilmu Islam kerana amal yang sedemikian itu menjanjikan pahala yang sangat besar di sisi Allah. Perkara ini dapat dibuat dengan dua cara; pertama, menghasilkan sendiri melalui penulisan atau penyusunan sesuatu ilmu dan kedua, memanfaatkan apa yang telah sedia ada (dalam bentuk buku) sebagai sedekah atau wakaf dan seumpamanya.

Memandangkan betapa pentingnya umat Islam diberi panduan dan disediakan kemudahan serta saluran untuk berwakaf atau beramal jariah, satu skim wakaf telah diperkenalkan iaitu 'Skim Wakaf Buku Terbitan Jabatan Mufti Kerajaan' yang merupakan langkah Jabatan Mufti Kerajaan ke arah memandu masyarakat Islam pada sama-sama

mengembangkan dan menyebarkan ilmu Islam yang lebih luas skop dan bentuknya, di samping dengan niat beramal kerana Allah yang mana ianya dapat memakmurkan negara dengan ilmu serta menyuburkan lagi intelektualisme.

Perkara itu telah dijelaskan oleh Yang Dimulakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, di Majlis Penyampaian Buku-buku Sumbangan IBB kepada perpustakaan-perpustakaan yang berlangsung di Darulifta Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri pada 15 April lepas.

Menurut Yang Dimulakan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan dalam menyediakan 'Skim

Wakaf Buku Terbitan Jabatan Mufti Kerajaan' bertujuan menyediakan peluang berwakaf bagi semua lapisan umat Islam dalam bentuk buku, kepada institusi-institusi masjid, sekolah dan pusat-pusat rujukan awam.

Antara prosedurnya, pihak yang berwakaf hanya akan diminta untuk memilih pakej wakaf yang telah disusun dan menentukan tempat untuk buku-buku itu diwakafkan, kemudian menyerahkan wang wakafnya untuk diuruskan oleh Bahagian Penerbitan Jabatan Mufti Kerajaan. Pakej-pakej wakaf yang disediakan berupa set buku yang bernilai antara \$40.00 - \$50.00, terdiri dari Fatwa Mufti Kerajaan, Irsyad Hukum dan sebuah buku pilihan.

Pewakaf juga boleh berwakaf set penuh yang mengandungi 20 naskah buku yang telah diterbitkan setakat ini dengan harga B\$234.00 selain dibolehkan juga memilih dan menentukan sendiri set buku

yang hendak diwakafkan dari senarai terbitan Jabatan Mufti Kerajaan. Pewakaf boleh berwakaf kepada masjid, sekolah dan perpustakaan orang-orang Islam di luar negeri.

Bagi tujuan itu IBB menyumbangkan 1,322 buah buku kepada masjid-masjid, sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi, pusat-pusat rujukan awam dan kementerian-kementerian kerajaan. Buku-buku berkenaan adalah Isu-isu Kewangan dan Soal Jawab Perbankan Islam. Kedua-dua buah buku berkenaan merupakan terbitan Jabatan Mufti Kerajaan dan diterbitkan dalam visi Inggeris dan Melayu.

Buku Isu-isu Kewangan diedarkan semasa APEC 2000, manakala buku Soal Jawab Perbankan Islam pula diterbitkan sempena Persidangan Islam Brunei (BIC) dalam bulan Ogos tahun lalu. Buku berkenaan tertumpu mengenai pelbagai isu berkaitan peraturan-peraturan perbankan Islam.

Borang-borang Pendaftaran Haji diedarkan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama sukacita memaklumkan kepada mereka yang berhajat untuk menunaikan fardu haji bagi musim haji tahun 1423 Hijrah/2002 Masihi bahawa:-

i). Borang-borang Pendaftaran Menunaikan Fardu Haji telah mula diedarkan pada hari Khamis, 5 Safar 1423 Hijrah bersamaan 18 April 2002 Masihi. Borang-borang tersebut boleh diperolehi di tempat-tempat berikut dengan harga \$2.00 setiap seorang pada waktu pejabat dibuka:-

a). Di Bahagian Pendaftaran dan Penerbangan, Jabatan Urusan Haji, Bangunan Lama Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

b). Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria ketika melancarkan Perkhidmatan Pos Gagag. Majlis berlangsung di Kementerian Perhubungan. - Gambar oleh Halim HS.

Rakyat dan penduduk Mukim Berakas 'B'

Sokong kepimpinan Kebawah DYMM

Oleh Haji Ahat HI

BERAKAS.- Rakyat dan penduduk Mukim Berakas 'B' berazam akan sentiasa memberikan sokongan dan dukungan kepada kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara ini.

Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Ismail bin Apong dalam ucapan sembah alu-aluan sempena keberangkatan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah ke mukim tersebut pada 25 April lepas juga menyembah rasa taat setia rakyat dan penduduk ke hadapan majlis baginda.

"Dalam kesempatan ini lapisan rakyat dan penduduk Mukim Berakas 'B' meneruskan rasa cinta dan kasih sayang serta taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya sama-sama berusaha menjaga keselamatan dan kemakmuran negara," sembahnya.

Menyentuh mengenai keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke mukim tersebut, beliau menyifatkannya sebagai penghormatan tertinggi yang akan menjadi ristaan sejarah kepada penduduk mukim berkenaan.

Keprihatinan dan sikap baginda yang sentiasa mengambil berat terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduk sembahnya, sukar ditandingi oleh mana-mana pemimpin di rantau ini.

"Kepimpinan tulen Kebawah Duli Tuan Patik yang sentiasa mengambil berat dan prihatin akan kebajikan rakyat serta sanggup turun padang bersama rakyat, sememangnya sukar ditandingi oleh mana-mana pemimpin besar negara di rantau ini," sembahnya.

Di atas kewibawaan dan kepimpinan

Kebawah Duli Tuan Patik sembahnya, rakyat dan penduduk mukim itu khususnya dan Negara Brunei Darussalam amnya telah dapat menikmati berbagai bentuk kemudahan serta dapat hidup makmur, harmoni dan aman sentosa.

Mukim Berakas 'B' mengandungi Kampong-kampong Sungai Akar, Manggis Satu dan Dua, Madang, Sungai Hanching dan Salambigar, Sungai Tilong, Kawasan Satu hingga Lima Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan.

Perusahaan-perusahaan yang dilaksanakan oleh para penduduk antaranya pemborong kontraktor, perniagaan dan perusahaan ternakan ayam, kaligrafi dan kerja tangan, tenunan, perkhidmatan aluminium, pengusaha bunga hidup, kuih-muih tradisi serta kraf tangan tempatan.

Perkhidmatan Pos Gagag memenuhi keperluan pengguna

Oleh
Abu Bakar HAR

BERAKAS.- Jabatan Perkhidmatan Pos dengan kerjasama Syarikat TNT memperkenalkan satu lagi perkhidmatan pengirisan persuratan dan barangan dengan tempoh penghantaran tidak melebihi 3 jam.

Perkhidmatan yang dipanggil Perkhidmatan Pos Gagag merupakan perkhidmatan pengirisan persuratan dan barangan yang cepat dengan kadar berat penghantaran tidak melebihi 30 kilogram dan buat permulaannya tertumpu kepada Daerah Brunei dan Muara.

Kadar bayaran bagi setiap penghantaran melalui perkhidmatan tersebut \$8.00 bagi dokumen yang beratnya di bawah dua kilogram dan \$12.00 bagi bungkusan di bawah berat 30 kilogram.

Manakala bagi jaminan lewat penghantaran, pihak pengurusan Perkhidmatan Pos Gagag akan memulangkan wang pengirim bergantung kepada ke-

lewatan masa seperti lewat satu jam pulangan wang akan diterima sebanyak 50 peratus dari bayaran asal dan jika lebih dua jam pulangan wang akan diterima sebanyak 75 peratus dan jika terlambat tiga jam atau lebih penghantaran akan menerima wang pulangan 100 peratus dari kadar bayaran.

Hadir merasmikan pelancaran Perkhidmatan Pos Gagag ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria di Kementerian Perhubungan pada 25 April lepas.

Dalam ucapan Yang Berhormat di majlis tersebut beliau menekankan, dalam mengukuhkan perkhidmatan baru tersebut Jabatan Perkhidmatan Pos akan dapat memenuhi keperluan pelanggan dengan mengadakan tatacara pengendalian yang cekap dan berkualiti tinggi.

Jelas Yang Berhormat, perjanjian antara Jabatan Perkhidmatan Pos dengan syarikat yang dilantik itu merupakan usaha sama yang baru antara sektor

awam dengan sektor swasta sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menitikberatkan penglibatan sektor swasta bagi sama-sama membangun ekonomi dan kemajuan negara.

Katanya, pengendalian perkhidmatan pos baru itu adalah bersesuaian dengan matlamat ke-4 dalam Strategi Pos Beijing iaitu bertindak secara berkesan melalui peningkatan pengetahuan dalam pemasaran dan kemajuan produk kepada kehendak dan harapan pelanggan perkhidmatan-perkhidmatan pos.

Menteri Perhubungan juga menerangkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos akan meneruskan usaha sama seperti itu dengan syarikat-syarikat yang lain seperti mengadakan perkhidmatan internet di Pejabat Pos Pekan Bangar dan perkhidmatan Hybrid Mail yang akan diadakan di Pusat Memproses Mel dan Bungkusan tahun ini.

Sementara itu dalam

ucapan alu-aluan Pemangku Ketua Pos Agung selaku pengerusi bersama majlis, Awang Haji Azahari menerangkan bahawa Perkhidmatan Pos Gagag merupakan susulan dari Perkhidmatan Pos Laju yang diperkenalkan sejak 10 tahun lalu yang menjanjikan penghantaran surat dalam masa 24 jam dan memandangkan Perkhidmatan Pos Laju sudah dianggap tidak lagi memenuhi kehendak atau keperluan pihak pelanggan yang tertentu maka wujudlah perkhidmatan pos yang lebih cepat atau lebih laju daripadanya.

Walau bagaimanapun Awang Haji Azahari mengingatkan kepada pemandu kenderaan syarikat TNT supaya mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya di negara ini.

Tumpuan utama Jabatan Perkhidmatan Pos mengadakan perkhidmatan baru ini ialah untuk memelihara syarikat-syarikat mel order, agensi-agensi kerajaan dan gedung-gedung kerajaan untuk menghantar barang-barang mereka kepada pelanggan yang telah membuat tempahan 'home shopping' sama ada melalui e-mel atau telefon.

Perkhidmatan tersebut boleh didapati sama ada di kaunter premium Pusat Memproses Mel dan Bungkusan atau melalui talian 02-381711 dan 02-380405 untuk mengambil barang tersebut dari alamat mengespos.

Hadir di perasmian tersebut termasuklah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah, perwakilan dari negara-negara sahabat serta pegawai dan kakitangan kerajaan.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith ketika menerima kunjungan muhibah Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Admiral Narong Yuthavong, di pejabat Yang Amat Mulia di Bolkiah Garison. - Gambar ihsan Kementerian Pertahanan.

Lawatan rasmi Pemerintah Tertinggi ABD Thailand

BERAKAS.- Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Admiral Narong Yuthavong dan isteri berserta rombongan telah tiba di negara ini bagi lawatan rasmi selama tiga hari bermula pada hari Selasa, 30 April hingga 2 Mei 2002.

Tujuan lawatan Admiral Narong Yuthavong ialah untuk mengeratkan lagi hubungan dua hala dari segi pertahanan di antara Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam dan Royal Thai Armed Forces yang telah lama wujud.

Pada 1 Mei lepas Admiral Narong Yuthavong telah mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.

Sejurus tiba di Negara Brunei Darussalam pada 30 April lalu, Admiral Narong Yuthavong telah mengadakan lawatan rasmi ke Kementerian Pertahanan dan diberi penghormatan untuk memeriksa

Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei dan mengadakan kunjungan muhibah kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith.

Beliau juga mengadakan kunjungan muhibah berasingan kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz.

Admiral dan isteri berserta rombongan telah diraikan dengan jamuan makan malam yang diberikan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Datin di rumah kediamannya di Jerudong pada 1 Mei lalu.

Di samping itu Admiral dan isteri serta rombongan juga mengadakan lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dan melawat ke Kampong Ayer.



PEMERINTAH Tertinggi ABD Thailand, Admiral Narong Yuthavong ketika membuat kunjungan kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar. - Gambar ihsan Kementerian Pertahanan.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) JABATAN KEHAKIMAN

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Memproses/Penyediaan dokumen untuk kemudahan awam	
a.	Pengesahan sivil dan dokumen	1 hari
b.	Surat perjanjian kontrak amah	1 hari
c.	Surat perjanjian membina rumah	1 hari
d.	Surat pengakuan (surat sumpah)	1 hari
e.	Salinan nota perbicaraan kesalahan lalu lintas	2 - 5 hari
f.	Salinan nota perbicaraan dan penghakiman (judgement- sivil atau jenayah)	7 - 30 hari
g.	Waran untuk bebas pesalah sivil (Warrant to discharge)	1 hari
h.	Waran untuk bebas pesalah jenayah (gagal bayar denda)	1 hari



Gambar- keberan Kebawa ke Mala

MENGAMINKAN DOA ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam binti Al-Marzuqi, Paduka Tuanku Syed Sirajuddin dan Raja Permaisuri Agong, bertaatilah mengaminkan doa sejeurus sebelum baginda dan rombongan m...



Gambar-gambar dirakamkan oleh Haji Haranadi HB

MENGABADIKAN GAMBAR KENANGAN ... Baginda, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam binti Al-Marzuqi, Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bertaatilah mengabadikan gambar kenangan di rumah kediaman Perdana Menteri Malaysia di...



BERSALAMAN ... Baginda bersalaman dengan Yang Dipertuan Agong sejeurus sebelum baginda berangkat meninggalkan Kuala Lumpur (atas).

BERBUAL MESRA ... Kebawah DYMM Raja Isteri dan DYTM Pengiran Isteri serta YAB Datu Seri Dr. Siti Hasmah berbuwal mesra (kiri).

BAGINDA ... semasa menghadiri Majlis Makan Malam yang diselenggarakan oleh Perdana Menteri Malaysia (kanan).



BAGINDA ... ma junjung pegawai Su Negara Bru di Kuala Lumpur sebelum baginda berangkat.

BAGINDA ... Raja Isteri, Isteri, ket masuk ke E ngan diring dana Menle Datu Pa (kanan).



DYTM Pengiran Isteri berbuwal mesra dengan YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kiri sekali).

KEBAWAH DYMM Raja Isteri dan Yang Amat Berbahagia Datu Seri Dr. Siti Hasmah berbuwal mesra (kiri).

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz semasa berangkat ke Majlis Jamuan Makan Malam (kanan).



ambar katan DYMM sia

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Pertuan Agong Malaysia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Tuanku Fauziah menadah tangan di Kuala Lumpur (kiri).

Raja Isteri dan DYTM Pengiran Isteri bergambar kenangan bersama Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah sejurus sebelum Majlis Jamuan Melaya (kanan).



KEBAWAH DYMM dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia membincangkan sesuatu (kanan).

MEMBINCANGKAN SESUATU ... Baginda, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia berbual mesra sambil berbincang (bawah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah berangkat di Majlis Jamuan Makan Malam (kanan dan kanan sekali).



Jangan amalkan fenomena 'scope creep'

Oleh Abdullah Asgar

GADONG. - Pengurus-proje dan program di jabatan-jabatan kerajaan diingatkan supaya tidak mengamalkan fenomena 'scope creep' bagi memenuhi kepentingan peribadi atau pihak-pihak yang tertentu.

Apabila fenomena ini berleluasa, negara sudah berhadapan dengan isu-isu di luar bidang teknikal pengurusan projek.

"Ia sudah menjadi isu moral dan etika, rasuah ataupun penipuan. Dengan isu-isu seperti ini, semangannya sasaran 'value for money' akan susah untuk dicapai," jelas Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abdul Wahab bin Juned.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri membuat peringatan demikian ketika berucap di Majlis Perasmian Kursus Pengurusan Projek/Program pada 29 April lalu di Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Gadong.

Katanya, harga-harga projek mempunyai nilai relatif yang tinggi, peruntukan kewangan yang sudah ditentukan mudah mengalami perubahan yang ketara dan drastik, projek-proje rata-rata tidak mempunyai 'saving', kualiti dan tempoh pelaksanaan menjadi habuan.

Walau bagaimanapun jelasnya, kita perlu membezakan perubahan di bawah fenomena 'scope creep' dari perubahan yang wajar disebabkan faktor-faktor seperti perubahan teknologi, perubahan peraturan atau dasar, potongan peruntukan atau perubahan

skop yang berasas dan dibenarkan.

"Isu etika adalah menjadi satu kemestian untuk ditangani bersama, asas utama etika ialah kejujuran dan disiplin," tambah beliau.

Menurutnya, terdapat pertalian yang kuat di antara etika, kejayaan dan kecekapan kerja.

"Sudah tiba masanya secara bersepadu jika ada amalan-amalan tidak ber-

etika seperti 'scope creep' rasuah di dalam semua peringkat dan bentuk, pakatan jahat dan penipuan untuk diawasi dan dibenarkan supaya efisiensi projek-proje pembangunan lebih menepati sasaran," ujarnya.

Kira-kira 40 orang pegawai-pegawai dari 25 agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam pengurusan projek/program menyertai kursus selama lapan hari itu yang dianjurkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri dengan kerja-

sama IPA.

Ia dibahagikan kepada dua kumpulan A dan B dan dikendalikan oleh Awang Tony Lavender dari Tony Lavender Associates, United Kingdom.

Ia diharap menjadikan kefahaman proses projek/program dan mengenali proses, alat dan teknik pengurusan projek.

Selain itu juga diharapkan peserta-peserta akan dapat menjalin hubungan tugas sesama peserta dan mewujudkan jaringan kerjasama dengan pegawai-pegawai JPKE.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abdul Wahab bin Juned (dua dari kanan) ketika hadir merasmikan Kursus Pengurusan Projek/Program yang berlangsung di IPA. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.



SEBAHAGIAN para pegawai dari 25 agensi kerajaan yang menyertai Kursus Pengurusan Projek dan Program. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

Zulhilmi dan Dyg. Ommi Kalthum juara membaca Al-Quran UBD

Oleh Abu Bakar HAR

RIMBA. - Awang Zulhilmi bin Haji Abidin muncul sebagai johan bahagian lelaki setelah menewaskan peserta yang lainnya di Pertandingan Membaca Al-Quran Antara Mahasiswa/Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam pada 17 April lalu.

Dalam bahagian perempuan, johan telah disandang oleh Dayang Ommi Kalthum binti Pengiran Haji Abdul Razak setelah menewaskan tiga peserta yang lain.

Tempat kedua dan ketiga bahagian lelaki disandang

oleh Awangku Muhd. Khairuddin bin Pengiran Haji Metali dan Awang Hardeenurrahim bin Haji Ibrahim.

Hadir menyempurnakan hadiah ialah Dr. Kassim bin Haji Daud selaku tetamu kehormat dan wakil Naib Canselor UBD.

Pertandingan yang merupakan kali ketiga dianjurkan itu antara lain bertujuan untuk melahirkan pembaca-pembaca Al-Quran yang baik di samping untuk menghayati isi kandungan Al-Quran tersebut.

Pertandingan tersebut dianjurkan bersama oleh Nadi Agama dan Akhlak (BKMPI) dan Seksyen Kerohanian dan Kebajikan (GMFS).



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menyampaikan hadiah kepada seorang peserta yang mengambil bahagian dalam peraduan sampingan sempena gerai jualan anjuran Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Bunut. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Lebih \$12 ribu berjaya dikutip

Oleh Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Bunut telah berjaya mengutip \$12,288.00 dalam gerai jualan bagi anak-anak yatim Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah dan Tabung Anak-anak Yatim Brunei dan Muara.

Selain mengadakan gerai jualan jawatankuasa penganjur juga mengadakan pelbagai peraduan sampingan bagi mengutip kewangan tabung.

Pada 28 April yang lalu, semua pemenang peraduan sampingan menerima hadiah masing-masing dari Menteri Perhu-

bungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria di Majlis Doa Selamat dan Penyampaian Hadiah Pertandingan sempena gerai jualan itu yang berlangsung di sebuah hotel dekat ibu negara.

Kutipan bagi kedua-dua tabung itu akan diserahkan pada Januari tahun depan kerana jawatankuasa akan mengadakan gerai jualan bertujuan menambah wang kutipan.

YSHHB raikan Kanak-kanak Istimewa

Oleh
Ak. Jefferi PD

BANDAR SERI BEGAWAN. - Lebih kurang 30 orang kanak-kanak istimewa dari Persatuan KACA diraikan dengan pelbagai aktiviti di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanol Bolkiah.

Kegiatan yang diadakan pada bulan April lepas itu menunjukkan keprihatinan Yayasan Sultan Haji Has-


sanal Bolkiah (YSHHB) terhadap kanak-kanak istimewa dengan menyediakan beberapa aktiviti seperti Kiddies Playland yang dikendalikan oleh Syarikat Britmart Sendirian

Berhad secara percuma, selain menyajikan minuman dan makanan yang ditaja oleh beberapa penyewa kompleks YSHHB.

Pada sebelah petang, Kiddies Playland juga mengadakan aktiviti seperti permainan bouncer, melukis muka dan persembahan karnival seperti badut, permainan lambung tangkap dan juga silap mata.

Kiddies Playland diadakan selama tiga bulan bermula 5 April lepas pada masa-masa tertentu sahaja khususnya semasa cuti persekolahan, selepas hari persekolahan, Jumaat, Sabtu dan Ahad dengan bayaran sebanyak \$1.00 bagi setiap 10 minit permainan.

Acara lain termasuklah pameran lukisan kanak-kanak istimewa dari Persatuan KACA yang diadakan di kompleks tersebut bertujuan untuk menarik perhatian orang ramai dan diharapkan akan dapat menimbulkan perasaan keprihatinan orang ramai terhadap keperluan kanak-kanak istimewa.



SEORANG mahasiswa Universiti Brunei Darussalam mempersembahkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran di Pertandingan Membaca Al-Quran Antara Mahasiswa/Mahasiswi UBD. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Ubah strategi kerja bagi menarik minat orang ramai

Oleh Aliddin HM

BERAKAS. - Sebagai penyampai maklumat kepada rakyat dan orang ramai, Jabatan Penerangan perlu mengadakan strategi kerja termasuk strategi di dalam menggunakan media cetak bagi memastikan orang ramai tertarik dan berminat untuk membaca dan melihat bahan-bahan penerbitan Jabatan Penerangan.

"Strategi komunikasi hendaklah diubah formatnya sesuai dengan tuntutan zaman teknologi maklumat dan globalisasi," jelas Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Adnan di Majlis Bengkel Penyuntingan dan Rekaletak anjuran Jabatan Penerangan sempena Jubli Emas Penubuhan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang berlangsung di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan di sini pada 29 April lalu.

Kalau dulu, jelasnya, ianya disampaikan secara konvensional tetapi dengan wujudnya teknologi-teknologi baru, corak penyampaian hendaklah berubah, selera penerima dan pembaca yang semakin sofistikated perlu diambil kira di dalam menyampaikan bahan-bahan maklumat kepada mereka.

"Usaha-usaha untuk menyebarluaskan maklumat supaya sampai kepada orang ramai atau masyarakat di negara ini perlu dipertingkatkan. Kandungan dan format penyampaian hendaklah sentiasa dinilai dan seterusnya diperbaiki supaya semakin mantap dan memberikan saingan kepada bahan-bahan cetak swasta atau komersil," katanya.

Dato Paduka menambah, bagi tujuan untuk memastikan 'relevancy' dan 'dynamism' Jabatan Penerangan dan keberkesanan penyampaian maklumat kepada orang ramai, strategi-strategi semasa perlu sentiasa dinilai dan diberikan pembaharuan sebagai nilai tambah yang bersesuaian dengan perubahan dan kehendak semasa.

Walau bagaimanapun, katanya, peranan Jabatan Penerangan bukan setakat menjadi penyampai maklumat kepada orang ramai tetapi lebih daripada itu. Jabatan Penerangan perlu menjadi pusat simpanan maklumat atau khazanah maklumat dengan mengumpulkan maklumat-maklumat daripada agensi-agensi kerajaan bagi penyaluran kepada setiap peringkat komuniti dan lapisan rakyat dan penduduk di negara ini dan juga negara luar.

Dato Paduka menjelaskan, pengumpulan maklumat yang baik dan berkesan memerlukan masa yang bersesuaian dan ianya juga memerlukan komitmen yang berterusan, kreativiti, mengenal pasti mekanisme yang terbaik dan efektif, jati diri yang kukuh serta sentiasa membuat pembaharuan mengenai perhubungan mengikut arus perkembangan dan kemajuan terkini.

Kebaikan dan keberkesanannya hanya akan dapat dilihat jika ianya dipraktikkan dengan bersungguh-sungguh dan pada masa yang sama penyampaian maklumat tersebut perlu juga dipelbagaikan dengan kaedah-kaedah yang tertentu agar semua pihak berpeluang untuk mengikutinya, katanya.

Dato Paduka menjelaskan, komunikasi yang berkesan dan pemikaran, pengolahan dan berkualiti tinggi akan memudahkan lagi maklumat disalurkan dan maklumat yang ingin disampaikan itu mestilah mempunyai tujuan yang tertentu agar objektif dapat dicapai sepenuhnya.

"Jika Jabatan Penerangan mengeluarkan penerbitan-penerbitan yang membosankan sudah tentunya akan gagal

memenuhi hasrat jabatan iaitu untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai yang berkesan. Dari itu adalah penting bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dan juga di Kementerian dan jabatan kerajaan yang lain menyedari bahawa untuk bersaing dengan media-media, kita perlu menyedari hakikat penyampaian," ujarnya.

Bengkel itu katanya, sudah tentunya akan dapat menyedarkan bagaimana pentingnya cara penyampaian, penyusunan grafik, reka letak dan bahasa yang digunakan di dalam menyebarkan maklumat.

Di dalam menghadapi arus cabaran di masa hadapan, Dato Paduka menyarankan kepada semua pegawai dan kakitangan di Jabatan Penerangan dan di jabatan-jabatan kerajaan yang lain supaya sentiasa peka kepada isu-isu semasa di mana kita mempunyai peranan mendidik dan menggariskan contoh yang baik bagi menangani masalah itu kepada orang ramai.

Dato Paduka menambah, kita juga harus mempunyai pengetahuan yang relevan dan maklumat yang cukup, tepat dan terkini serta dapat menguasai serta memanfaatkan pengurusan dan perhubungan teknologi maklumat seperti ICT.

Masa hadapan Jabatan Penerangan katanya, akan terus bergolak dengan cabaran dari dalaman dan luaran yang perlu ditangani dengan bijak.

Dari itu setiap pegawai dan kakitangan di semua peringkat, katanya, hendaklah komited, bekerjasama sebagai 'team work' dan bertanggungjawab bagi memastikan jentera Jabatan Penerangan boleh bergerak dengan berkesan dan penuh makna bagi mencapai misi dan matlamat penubuhannya khususnya ke arah Membudayakan Masyarakat Bermaklumat.

Bengkel empat hari itu dihadiri lebih 40 peserta dari pelbagai kementerian dan jabatan kerajaan yang bertujuan untuk mendedahkan para pembekal maklumat di Jabatan Penerangan khususnya dan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan di negara ini amnya, bagi meningkatkan kemahiran memproses maklumat dengan mengambil kira strategi penyuntingan dan reka letak terkini yang dinamik. Falsafah dan strategi penyuntingan dan reka letak dan kemahiran 'desktop design' diberi penekanan dalam bengkel tersebut.

Secara spesifik, bengkel itu bertujuan untuk mendedahkan para peserta kepada falsafah penyuntingan, prinsip reka letak, strategi penyuntingan dan reka letak,

pemilihan grafik visual dan gambar, penyesuaian bahan dengan khalayak dan reka letak berkomputer untuk pelbagai media.

Bengkel tersebut dikendalikan oleh dua orang pakar dari Universiti Teknologi MARA, Malaysia iaitu Profesor Madya Mohd. Rajib Abdul Ghani dari Jabatan Kewartawanan dan Penerbitan Fakulti Sebaran Am dan Profesor Madya Dr. Mokhtar Mohammad, Ketua Program Kewartawanan Fakulti Sebaran Am dan disampaikan melalui empat peringkat pembelajaran dan latihan kepakaran iaitu teori dan perbincangan falsafah dan prinsip, penganalisisan serta kajian format dan reka letak media, reka letak berkomputer-hand on dan penilaian.

Pengarang, penyunting menentukan matlamat sesebuah penerbitan

Oleh Abdullah HM

BERAKAS. - Dalam oraganisasi akhbar atau media cetak antara yang memainkan peranan penting selain sidang pengarang ialah penyunting kerana mereka itulah yang menentukan matlamat dan membina kekuatan sesebuah penerbitan.

Berita hangat atau sesuai sahaja belum cukup untuk menjadikan pembaca terus terpuakau untuk membacanya, melainkan ada unsur-unsur lain yang turut memberi kekuatan dan daya tahan kepada sesebuah akhbar atau majalah itu seperti persembahan dari segi mutu penulisan atau 'news design' dan reka letak di mana kedua-duanya terletak di atas kebijaksanaan penyunting.

Pengarah Penerangan, Abd. Ghani berkata demikian ketika memberikan ucapan alu-aluan di Majlis Pembukaan Rasmi Bengkel Penyuntingan dan Rekaletak anjuran Jabatan Penerangan sempena sambutan Jubli Emas Penubuhan Jabatan Pene-



PENYUNTING perlu mempunyai daya kreatif yang tinggi, jelas Pengarah Penerangan, Abdul Ghani. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

rerangan yang berlangsung di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar jabatan berkenaan di sini pada 29 April lalu.

Beliau berkata setiap penyunting perlu mempunyai daya kreatif yang tinggi dalam membina, menyempurnakan, mengadun, melutani, memikat pembaca, bijak mengatur strategi dan sentiasa peka dengan

perkembangan semasa bagi sesebuah penerbitan.

Adalah tidak wajar untuk memenuhi sesebuah akhbar itu penyunting melakukan 'tangkap muat' maksudnya apa yang diterima terus dimasukkan untuk terbitan ada juga yang bersikap 'asal berisi', iaitu tujuannya semata-mata untuk cepat siap tanpa memikirkan adakah ianya akan disukai oleh pembaca atau sebaliknya," katanya.

Beliau menambah, jika ianya tidak dibaca bererti kita gagal menyampaikan mesej berkenaan, di sinilah letaknya kewibawaan seorang penyunting, ia berhak menentukan sama ada berita itu sesuai atau tidak.

Beliau berkata, dengan kebijaksanaan seorang penyunting, berita yang tidak seberapa boleh menjadi hangat dan akhbarnya akan laris seperti goreng pisang panas. Dengan kata lain perkara yang tidak seberapa itu jika dibeberapakan akan menjadi beberapa.

Dalam era kecanggihan dan kehebatan teknologi maklumat dan komunikasi masa kini jelasnya, tugas penyunting menjadi semakin mudah dan bertambah lancar khususnya dalam pembuatan 'lay out' atau reka letak. Namun demikian, untuk menentukan ianya benar-benar menarik ia masih tetap memerlukan daya kreatif penyunting.

Di samping itu juga tambahnya, gambar yang bagus dan menepati 'journalistic view' akan bertambah menarik lagi jika ia berjaya diolah dengan susun atur atau reka letaknya yang mempunyai nilai tambah tersendiri.

Beliau berharap kepada semua peserta supaya akan dapat mengikuti bengkel itu dengan penuh komitmen, penuh perhatian, patuhi disiplin seperti hadir dan keluar pada masa yang telah ditetapkan dari awal hingga akhir agar beroleh manfaat sebagaimana yang diharapkan oleh jabatan masing-masing.



BENGKEL Penyuntingan dan Rekaletak anjuran Jabatan Penerangan dikendalikan oleh dua pakar dari Universiti Teknologi MARA, Malaysia iaitu Profesor Madya Mohd. Rajib Abdul Ghani dari Jabatan Kewartawanan dan Penerbitan Fakulti Sebaran Am dan Profesor Madya Dr. Mokhtar Mohammad, Ketua Program Kewartawanan Fakulti Sebaran Am. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Adnan menyuarakan agar usaha-usaha untuk menyebarluaskan maklumat kepada orang ramai dipertingkatkan. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Yang tidak berkemampuan sentiasa diberikan perhatian

Ole Hj. Ahmad HS

LUMUT. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berkata negara amat bersyukur mempunyai masyarakatnya yang pemurah dan prihatin akan kesusahan dialami oleh mereka yang kurang berkemampuan.

Yang Berhormat menambahkan bantuan dan usaha sama yang bersepadu di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan dan pihak swasta telah menjadikan impian mereka yang mengalami kesusahan untuk memiliki rumah sendiri telah menjadi kenyataan.

Yang Berhormat menyatakan perkara itu di Majlis Penyerahan Kunci Rumah Awang Sahari bin Salleh yang berlangsung di rumah barunya di ala-

mat Lot 4291, Simpang 93, Kampong Sungai Bakong pada 2 Mei yang lalu.

Di majlis itu Yang Berhormat menjelaskan bahawa pembinaan rumah orang-orang susah merupakan usaha projek pilot yang telah diumumkan oleh Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Kemasyarakatan.

Yang Berhormat seterusnya, berharap peranan dan usaha antara kerajaan, bukan kerajaan dan pihak swasta menangani hal yang berkebakikan akan dapat dilaksanakan serta berterusan bagi membantu mereka yang tidak mempunyai kemampuan.

Di majlis itu Yang Berhormat telah berkesudian menyampaikan kunci rumah dan sumbangan derma daripada Persatuan BAKTI berupa wang sejumlah \$500 kepada Awang Sahari.

Pegawai Tugas-Tugas Khas, Kementerian Kebu-

dayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Sarinah binti Haji Umar berkata, kos pembinaan rumah kayu bagi Awang Sahari di atas tanah seluas 0.25 ekar (suku ekar) berjumlah \$35,000.00 dengan dilengkapi kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air.

Dayang Sarinah berkata kos pembinaan rumah itu 100 peratus adalah sumbangan derma daripada Majlis Ugama Islam Brunei sebanyak \$20,000.00, BLNG \$5,000.00, Badan Kebajikan Orang-

Orang Islam HSBC \$4,000.00; Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad \$3,000.00, IBB \$2,000.00, TAIB \$1,000.00, Bank Baiduri Recreation Club \$1,000.00, Goh Hock Kee Motor \$500.00; Bahagian Pemulihan Akhlak \$55.00. Tabung Kebangsaan menyumbang \$5,000.00 dan Persatuan BAKTI \$500.00.

Pembinaan rumah berkenaan telah bermula pada 5 Mac lepas dan siap keseluruhannya pada 27 April lalu.

Awang Sahari kini memiliki rumah sendiri

LUMUT. - Hasrat untuk memiliki rumah sendiri kini menjadi kenyataan apabila sebuah rumah yang diimpikan tersergam di atas sebidang tanah seluas suku ekar.

Di atas keprihatinan pihak kerajaan dan sikap dermawan pihak swasta

dan masyarakat di negara ini keperluan hidup selama 17 tahun yang dialami oleh Awang Sahari bin Salleh bersama keluarga telah mendapat pembe-

laan. Awang Sahari seorang nelayan yang mempunyai pendapatan tidak menentu dan selain itu beliau juga menghidap pelbagai penyakit seperti kencing manis, sakit kepala dan jantung telah mendorong beliau untuk meminta bantuan kepada pihak-pihak tertentu terutama bagi membina rumah dan hasil daripada penantian beliau selama lebih setahun itu telah mendapat perhatian daripada pihak kerajaan.

Katanya sebelum ini perasaan takut dan bimbang atas keselamatan dirinya dan keluarga sewaktu tinggal di rumah usang milik Haji Osman sentiasa menyelubunginya



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dugadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyerahkan kunci rumah kepada Awang Sahari bin Salleh. Majlis berlangsung di rumah baru Awang Sahari di Lot 4291, Simpang 93, Kampong Sungai Bakong. - Gambar oleh Abdullah HAD.

tetapi kini perasaan sedemikian telah lenyap apabila beliau diberi rumah baru.

Beliau seterusnya melahirkan rasa terharu di atas keprihatinan pihak-pihak terlibat dalam memberikan bantuan yang begi-

tu bermakna kepadanya sekeluarga dan berharap bantuan seumpama itu akan juga dapat diberikan kepada mereka yang memerlukan bantuan.

Kesusahan dan keperluan yang dialami oleh beliau sekeluarga telah men-

dapat liputan meluas oleh media-media tempatan dan ekoran itu pelbagai bantuan daripada pihak kerajaan dan NGO serta masyarakat di negara ini telah menghulurkan bantuan bagi meringankan bebanan yang ditanggung oleh beliau sekeluarga.



AWANG Sahari bersama isteri dan anak-anak merasa amat gembira atas keprihatinan kerajaan dan sikap dermawan pihak swasta dan masyarakat di negara ini sehingga impian beliau memiliki rumah sendiri terlaksana. - Gambar oleh Abdullah HAD.



RUMAH Awang Sahari yang terletak di Lot 4291, Simpang 93, Kampong Sungai Bakong adalah usaha projek pilot Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Kemasyarakatan yang mana kos pembinaannya disumbangkan oleh pihak kerajaan, swasta dan masyarakat di negara ini. - Gambar oleh Abdullah HAD.

KUIZ BONANZA 45 - Sempena Jubli Nilam Perkhidmatan Radio 1957 - 2002

1. Tahun bilakah rancangan ke arah mewujudkan Perkhidmatan Radio Brunei yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri Brunei?

- A. 1954
- B. 1955
- C. 1956

2. Bilakah Perkhidmatan Melayu Radio Brunei sekarang Rangkaian Nasional memulakan siaran awal jam 4.30 pagi?

- A. 15 Julai 1989
- B. 13 Julai 1991
- C. 02 Mei 1990

3. Rangkaian Pilihan 95.9 & 96.9 FM menyiarkan rancangan-rancangan dalam tiga bahasa. Sebutkan ketiga-tiga bahasa tersebut.

4. Sebutkan projek di bawah Memorandum Persefahaman MOU

Antara Radio Televisyen Brunei dengan Radio Televisyen Malaysia tahun 2002 bagi Rangkaian Pelangi.

- A. PUISI Remaja
- B. BAHAS Remaja
- C. PANTUN Remaja

5. Bilakah tarikh Pelancaran NETRADIO Radio Televisyen Brunei?

- A. 2 Mei 2001
- B. 9 Julai 2001
- C. 1 April 2000

6. Semasa Sukan SEA Ke-20 tahun 1999, rangkaian manakah yang bertindak sebagai 'Sports Channel' - Rangkaian Saluran Sukan?

- A. Nasional
- B. Harmoni
- C. Pilihan

7. Rangkaian Nur Islam telah memulakan siaran sepenuhnya pada 2 Mei 1997. Bilakah pula tarikh siaran percubaannya?

- A. 23 Februari 1997
- B. 22 Februari 1997
- C. 01 Januari 1997

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN:

1. Terbuka untuk semua penyertaan kecuali kakitangan RTB.
2. Berumur 12 tahun ke atas.
3. Hanya satu penyertaan sahaja dibolehkan.

Sertailah Kuiz Bonanza 45 dan menangi hadiah-hadiah menarik seperti Telefon Bimbit, Set Tv dan beberapa barangan menarik.

TARIKH TUTUP PENYERTAAN:

Hari Isnin 13 Mei 2002 jam 12 tengah hari.

BORANG JAWAPAN KUIZ BONANZA 45 - Sila Tanda/Jawab.

1. A B C
2. A B C
3.
4. A B C
5. A B C
6. A B C
7. A B C

Nama:

No. K/p:

Alamat:

.....

.....

No. Telefon:

(Sama ada - Rumah/Pejabat/Bimbit)

Hantarkan kepada:

Penerbit Kuiz Bonanza 45 Tingkat Lima

Radio Televisyen Brunei

Bandar Seri Begawan BS 8610,

Negara Brunei Darussalam.

Atau E-mel kepada:

Nasional 923FM @ Radio.FM

ABDB sumbangkan derma lebih \$19 ribu

Oleh
Awangku Jefferi PD

BERAKAS. - Sumbangan demi sumbangan diterima daripada pelbagai pihak di negara ini bagi membantu pelarian Afghanistan yang berlindung di negara-negara jiran untuk meringankan penderitaan mereka.

Baru-baru ini Tabung Kemanusiaan Rakyat Awam Afghanistan telah menerima derma berupa cek sejumlah \$19,011.00 (sembilan belas ribu sebelas ringgit) hasil kutipan pelbagai kegiatan yang di-kendalikan oleh semua unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Derma tersebut diserahkan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz kepada Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Salleh bin Haji Mohiddin berlangsung di Bilik VIP Mess Pegawai Bolkliah Garrison pada 24 April lepas.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith.

Kutipan Tabung Kema-

nusiaan Rakyat Awam Afghanistan yang bermula pada 20 Oktober tahun lepas kini telah berhasil mengumpulkan sejumlah \$2.6 juta di mana \$2 juta telah diserahkan kepada pihak yang terbabit.



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar menyerahkan sumbangan ABDB kepada Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Salleh bin Haji Mohiddin. - Gambar oleh Halim HS.

Kanak-kanak golongan istimewa dihiburkan

BENGKURONG. - Kanak-kanak dan orang-orang istimewa di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam di sini telah diraikan dengan persembahan daripada artis Republik Filipina dan Republik Indonesia di pusat berkenaan di sini pada 21 April lalu.

Persembahan bermula daripada artis adik-beradik yang kerdil Republik Filipina dengan menunjukkan kebolehan mereka dalam bermain silap mata dan akrobatik yang sangat lucu, membuatkan mereka terhibur dan merasa gembira.

Seterusnya artis Republik Indonesia pula membuat persembahan mereka dengan mendendangkan lagu-lagu yang diminta oleh kanak-kanak dan orang-orang istimewa di pusat tersebut dan mereka dibawa bernyanyi dan menari bersama-sama artis berkenaan.

Antara tujuan perhimpunan itu diadakan adalah untuk memberikan peluang kepada

Oleh Aliddin HM

kanak-kanak dan orang-orang istimewa untuk bersama-sama dengan anggota masyarakat dalam sama-sama bergembira dengan persembahan artis Republik Filipina dan Indonesia.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam mempunyai keramaian ahli yang berdaftar lebih 400 orang dan ahli yang aktif ketika ini hanya seramai 60 orang.

Sejak pusat itu dibuka rasmi pada 1 Oktober 2000, pelbagai aktiviti telah dijalankan dan dilaksanakan.

Ini menunjukkan bahawa komitmen masyarakat kepada kanak-kanak dan orang-orang istimewa di negara ini amat diambil perhatian yang serius.



KANAK-KANAK dan orang-orang istimewa di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dihiburkan oleh para artis Republik Filipina dan Indonesia. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Daftar segera Kad Pengenalan Pintar

JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan memaklumkan kepada orang ramai khususnya kepada pemegang kad pengenalan kuning dan ungu yang belum lagi menukar kad pengenalan lama kepada Kad Pengenalan Pintar bahawa tempoh pendaftaran semula adalah dengan ini diperpanjangkan sehingga 30 Jun 2002 untuk memberi lagi masa kepada orang-orang yang belum berkesempatan membuat penukaran tersebut.

Mengikut rekod Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan masih terdapat seramai lebih kurang 18,000 pemegang kad pengenalan kuning dan ungu yang belum mendaftar semula.

Oleh yang demikian, adalah diharapkan kepada mereka yang berkenaan akan segera mendaftar semula dalam tempoh yang diperpanjangkan ini. Bagi pemegang kad pengenalan hijau, tempoh bagi pembuatannya adalah tidak terhad dan berjalan bila-bila masa berdasarkan kepada pemberian Pas-pas Imigresen yang melebihi 3 bulan.

Sehubungan dengan itu juga bagi mereka yang telah mendapat nombor temu janji adalah diharapkan akan datang pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan di dalam borang temu janji yang berkenaan.



DATO Seri Setia Haji Awang Mahalee bin Haji Awang Abdullah menyampaikan hadiah dan sijil kepada qari dan qariah yang terpilih memasuki peringkat separuh akhir Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Kebangsaan. - Gambar oleh Masmaleh HMA.



10 qari dan qariah terpilih memasuki separuh akhir

Oleh
Aliddin HM

GADONG. - Seramai 10 orang qari dan qariah telah terpilih memasuki peringkat separuh akhir dalam Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Kebangsaan yang akan diadakan kemudian.

Qari yang layak memasuki peringkat separuh akhir dalam pertandingan itu ialah Awang Haji Abdullah Haji Sahat, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Manaf, Awang Japarudin bin Haji Sabtu, Awang Haji Hassan bin Haji Taha, Awang Haji Mohd. Aslan bin Haji Metusin, Awang Zulkifli bin Haji Murat, Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman, Awang Mohd. Noor bin Haji Ibrahim, Awang Haji Mahlee bin Haji Besar dan Awang Haji Rosli bin Haji Batang.

Sementara qariah pula terdiri daripada Dayang Hajah Rokiah binti Haji Ibrahim, Dayangku Zainah binti Pengiran Haji Tuah, Dayang Hajah Norzirwatul Fadhillah binti Haji Puteh, Dayang Siti Huzaimah Yadey binti Haji Rosli, Dayang Nor'Aini binti Haji Abdul Latif, Dayang Hajah Hamisah binti Haji Mohd. Husain, Dayang Hajah Sa'adiah binti Haji Hussin, Dayang Hajah Norhamimah binti Haji Hamidon, Dayang Hajah Maidah binti Haji Abdul Rahman dan Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat.

Majlis penyampaian hadiah serta sijil penyerahan kepada para peserta dan pemenang dalam pertandingan itu telah disempurnakan oleh tetamu kehormat di majlis itu, Dato Seri Setia Awang Haji Mahalle bin Haji Abdullah yang berlangsung di Masjid Jubli

Perak, Kampong Jangsak di sini pada 25 April lalu.

Terdahulu sebelum itu seramai 75 orang peserta yang terdiri daripada 61 orang qari dan 14 orang qariah telah memperdengarkan bacaan mereka dalam Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Suku Akhir Kebangsaan yang bermula pada 23 April lalu di Masjid Jubli Perak, Kampong Jangsak di sini.

Para peserta suku akhir pertandingan itu terdiri daripada mereka yang terpilih di peringkat zon atau daerah yang diadakan di masjid-masjid di seluruh negara.

Sementara para pemenang di peringkat separuh akhir pada tahun 1422 Hijrah/2001 Masihi terpilih sebagai peserta menunggu.

Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa merupakan pro-

jek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi memilih peserta qari dan qariah yang terbaik bagi mewakili Negara Brunei Darussalam ke peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia.

Pertandingan suku akhir tahun ini dikendalikan bersama oleh Bahagian Perhubungan dan Kemajuan Syiar Islam dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid Jubli Perak, Kampong Jangsak.

Majlis pada hari itu diserikan dengan persembahan Nasyid Asmaul Husna oleh belia-belia Masjid Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kampong Tamoi.

Bagi memberkati majlis pada hari itu, doa selamat telah dibacakan oleh Imam Masjid Jubli Perak, Imam Awang Haji Suhaimi bin Haji Mohammad.

ARENA SUKAN



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digaong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain diperkenalkan kepada pasukan-pasukan yang mengambil bahagian (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat merasmikan kejohanan itu dengan memulakan permainan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



TEBUAN BENAM JKR KEDAH 5-2

Oleh Abdullah Asgar

SKUAD Tebuan membelasah JKR Kedah 5-2 dalam siri Liga Perdana II setelah mendahului 4-0 di separuh masa pertama, dalam perlawanan di Stadium Negara Hassan Bolkiah, Berakas.

Penyerang import Skuad Tebuan Gueorgui Slavtchev membuat kejutan di minit pertama perlawanan dengan jaringan mudah kerana kesilapan pertahanan JKR Kedah dan ini terus memberi tekanan kepada mereka terutama jurulatih Mostakeen Omar yang terpaksa meninggalkan tempat duduk untuk mengarahkan anak buahnya membuat sesuatu.

Tapi malangnya akibat tertekan sekali lagi pemain pertahanan JKR Kedah membuat kesilapan besar dengan menjatuhkan Irwan Mohammad di petak D dan pengadil tidak teragak-agak memberikan tendangan penalti dan ini tidak disiakan oleh Irwan dengan mudah mengelirukan penjaga gawang JKR Kedah, S. Ragesh.

Perlawanan pada 3 Mei lalu ditontoni lebih 2,000 penyokong setia Skuad Tebuan yang tidak hampa dengan prestasi mereka.

Walaupun, di separuh masa kedua dikuasai Skuad Tebuan namun serangan balas mengejut JKR Kedah di minit ke 20 memaksa Wardun Yusof bekerja keras.

Selang empat minit kemudian kelincahan Silas Liberto pemain import kedua skuad Tebuan mempunyai peluang terbaik untuk menambah jaringan tetapi banyak tersasar.

Pada minit ke 28 dan ke 29 peluang terbuka lagi untuk menambah jaringan bagi Abang Nor Sillmy dan Silas tetapi juga tersasar keluar dan dua minit kemudian keadaan kelam-kabut di depan pintu gol Brunei yang nyaris membawa padah bagi Skuad Tebuan namun Wardun berjaya menepis bola.

Di minit ke 33 Irwan sekali lagi menyumbat gol ketiga dengan tandukan hasil hantaran tepi Ak. Md. Shahrom dan tiga minit kemudian tandukan Ak. Shahrom juga sempat ditepis S. Ragesh dan menjadi tendangan sudut.

Kerana menjatuhkan Irwan, Skuad Tebuan diberikan tendangan percuma yang diambil Haji Md. Subhi dan peluang ini ternyata mendatangkan hasil menambahkan keperitan JKR Kedah.

Di separuh masa kedua perlawanan agak lembap kerana Skuad Tebuan mengubah rentak tetapi JKR Kedah terus membuat serangan dan Skuad Tebuan terus bertahan dan 'counter attack'nya juga nyaris membawa padah JKR Kedah kerana kelincahan Silas di minit 59 yang menghasilkan gol kelima.

Namun JKR Kedah juga mengatur strategi lain dengan menukar hantaran ke bawah yang berkesan dan sering kali hampir membuat kejutan tetapi Wardun lebih cekap membaca setiap pergerakan bola.

Tapi malangnya pemain Shahmini Abd. Rahim pula dilayangkan kad kuning kerana membuat kasar kepada Irwan di minit ke 58 dan di minit ke 62 tendangan kencang Rosmin Haji Kamis hampir menghukum JKR Kedah.

Dengan pertukaran pemain JKR Kedah memasukkan Rosmizan bagi menguatkan bahagian serangan tapi sayangnya di minit ke 74 tandukan Fadlin Gelawat sekali lagi menghukum S. Ragesh dengan hanya menyaksikan bola masuk ke gawangnya.

Tetapi dua minit kemudian atas kelalaian pertahanan Skuad Tebuan, Ahmad Rodi Din berjaya menyumbat gol pertama JKR Kedah untuk merapatkan jurang.

Jaringan pertama itu seolah pembakar semangat pemain JKR Kedah dengan terus membuat asakan hingga mereka berjaya menjaringkan gol kedua melalui pemain gantian Khamal Idris Ali tiga minit sebelum tamat perlawanan.

Kemenangan besar ke atas JKR Kedah sedikit menggemirakan Mike Lyons kerana berjaya mengutip tiga mata, akan tetapi beliau dengan pengalamannya dan pemainnya dengan kebolehan masing-masing mesti terus memburu kemenangan.



KETUA Pegawai Eksekutif Jerudong Club Polo and Country Club, Haji Mohd. Denis menjelaskan Brunei mampu mengendalikan pertandingan berkuda. - Gambar oleh Hamadi HM.



DAYANG Adilah binti Haji Affendy peserta termuda dalam pertandingan berkuda acara 10 kilometer. - Gambar oleh Hamadi HM.

Kejohanan Badminton Kem. Kebudayaan, Belia dan Sukan

BERAKAS. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan kejohanan Badminton bagi pegawai-pegawai dan kakitangan dalam acara regu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digaong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang

Oleh Haji Ahmad HS

Hussain merasmikan kejohanan tersebut dan kemudian diperkenalkan kepada pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

Sebanyak tujuh acara regu dipertandingkan

iaitu regu bagi orang-orang kenamaan (VIP), regu pegawai Bahagian II ke atas lelaki, regu veteran 45 tahun ke atas lelaki, dua regu wanita terbuka dan dua regu lelaki terbuka.

Kejohanan tersebut berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassan Bolkiah di sini pada 30 April lalu.

Joanne juara berkuda perseorangan campuran

JERUDONG. - Persatuan Berkuda Brunei mengadakan Perlumbaan Berkuda Terbuka sejauh 20 kilometer dewasa dan 10 kilometer bagi junior 29 April lalu berlangsung di Padang Polo 3, Jerudong Park Polo and Country Club di sini.

Seramai 15 orang peserta menyertai lima kategori yang dipertandingkan iaitu perseorangan lelaki, wanita, keseluruhan, berpasukan dan perseorangan junior (18 tahun ke bawah). Turut menyertai perlumbaan itu termasuk Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Haji Yaakub bin Haji Abu Bakar.

Perlumbaan yang bermula dan berakhir di Padang Polo 3, dengan melalui beberapa kawasan sekitar Jerudong termasuk melalui jalan pantai. Sepanjang perlumbaan itu kuda-kuda yang digunakan oleh para

peserta direhatkan setelah menamatkan pusingan pertama sejauh 10 kilometer dan lima kilometer bagi memastikan kesihatan kuda yang digunakan sama ada boleh meneruskan perlumbaan atau tidak.

Dalam kategori perseorangan campuran, tempat pertama dimenangi oleh Joanne Wallace, dengan catatan masa 1 jam 46 minit, tempat kedua dengan masa 1 jam 47 minit dimenangi oleh Dayang Hajjah Surita Haji Mohd. Taib dan Aman LP How tempat ketiga dengan masa 1 jam 48 minit.

Sementara kategori perseorangan lelaki, pertama disandang oleh Yang Mulia Dato Paduka Haji Yaakub dengan catatan masa 1 jam 54 minit dan Haji Mohd. Dennis Haji Roslee di tempat kedua dengan catatan masa 2 jam 05 minit.

Manakala perseorangan wanita dengan catatan masa 1 jam 46 minit tempat pertama dimiliki oleh Joanne Wallace, kedua Hajjah Surita Mohd. Taib dengan masa 1 jam 58 minit dan ketiga dimenangi oleh Aman LP How.

Kategori berpasukan pula tempat pertama Jerudong Park and Polo Country Club 'B' (Pasukan Hijau) dengan catatan masa 3 jam 41 minit, kedua ialah Jerudong Park 'C' (Pasukan Putih) dengan masa 3 jam 51 minit dan ketiga dimenangi oleh Jerudong Park 'A' (Pasukan Biru) dengan masa 4 jam 01 minit.

Hadiah disampaikan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Haji Yaakub bin Haji Abu Bakar kepada pemenang.

Perlumbaan dianjurkan bertujuan bagi memperkenalkan sukan berkuda dan seterusnya berharap lebih ramai lagi yang akan menyertai di masa akan datang.

Selain untuk mempromosikan kehidupan yang sihat melalui sukan berkuda, di samping untuk mengenal pasti bakat-bakat baru yang berkebolehan untuk mewakili negara di perlumbaan-perlumbaan peringkat antarabangsa.



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Haji Yaakub bin Haji Abu Bakar menyampaikan hadiah kepada juara kategori perseorangan campuran Pertandingan Berkuda Terbuka kepada Joanne Wallace yang berlangsung di Padang Polo 3, Kelab Polo Jerudong. - Gambar oleh Hamadi HM.

Negara mampu kendali Pertandingan Enduran

JERUDONG. - Negara Brunei Darussalam mampu mengendalikan pertandingan berkuda sama ada peringkat serantau mahupun peringkat antarabangsa jika dipilih menjadi tuan rumah bagi pertandingan tersebut.

Perkara itu dinyatakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Jerudong Park Polo and Country Club, Haji Mohd. Dennis bin Haji Roslee ketika ditemu bual bersama pihak PELITA BRUNEI di Pertandingan Berkuda Terbuka bagi acara 20 kilometer yang berlangsung di Jerudong Park Polo and Country Club di sini.

Katanya negara kita mempunyai kemudahan-kemudahan yang cukup termasuklah mempunyai kuda, kandang kuda, trek-terk pertandingan dan memiliki tenaga kerja yang mencukupi dan mempunyai kemahiran.

Adanya kemudahan-kemudahan itu jelasnya, tidaklah menjadi masalah besar apabila mengendalikan pertandingan tersebut kerana kita sering menganjurkan pertandingan berkuda dalam negara seperti bagi acara 20 dan 60 kilometer.

Dalam pertemuan itu beliau berkata, penyertaan bagi pertandingan yang berlangsung pada hari tersebut adalah sangat menggalakkan, di samping kemudahan-kemudahan seperti trek yang begitu teratur.

Haji Mohd. Dennis juga mengalu-alukan orang ramai yang berminat dalam sukan itu untuk menghubungi pihak kelab dan Persatuan Berkuda Brunei.

Sementara itu Dayang Adilah Haji Affendy berusia 10 tahun merupakan peserta termuda dalam pertandingan bagi acara 10 kilometer junior yang sempat ditemu bual oleh pihak PELITA BRUNEI berkuda, keinginan untuk menyertai pertandingan berkuda ini sudah lama dan minat yang mendalam terhadap sukan tersebut yang mana ia sendiri sering melihat sukan tersebut bersama pak ciknya.

Disebabkan berminat terhadap binatang-binatang peliharaan yang dimilikinya Dayang Adilah telah memasuki sukan tersebut sehingga berani menyertai pertandingan yang dilangsungkan di mana Dayang Adilah telah berjaya menduduki tempat ketiga dengan mencatatkan masa 1.19 minit bagi acara 10 kilometer.

Dayang Adilah yang belajar di Sekolah Antarabangsa menaruh harapan yang tinggi akan terus mengikuti sukan tersebut untuk menambah pengetahuan dan pengalaman serta bercita-cita untuk mewakili negara dalam acara sukan berkuda sama ada di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

ARENA SUKAN

DPMM FC MENANG TIPIS 3 - 2

Oleh
Haji Ahat HI

KELAB Bola Sepak DPMM mencatatkan kemenangan tipis 3-2 ke atas Daerah Temburong di perlawanan pembukaan Kejohanan Bola Sepak Piala Jemputan Kelab Bola Sepak DPMM 2002 di Stadium Negara Hassanah Bolkiah pada 26 April lalu.

Berangkat menyaksikan perlawanan itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran

Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

DPMM FC yang dibarisi lima pemain import menguasai sebahagian besar permainan dengan mempunyai banyak peluang terbuka, namun kebanyakan percubaan tersebut berjaya dihalang oleh penjaga gol Daerah Temburong, Zulamri Haji Emran yang bertindak cemerlang.

Begitupun selepas sebelas minit permainan barulah DPMM FC berjaya membolosi 1 - 0 da-

lam pergelutan dekat pintu gol selepas bola yang ditolak oleh Zulamri dirampas oleh Mohd. Ali Haji Momin dan terus merembat masuk.

Selepas mendahului 1 - 0 DPMM FC terus ligat melancarkan lebih banyak serangan terutama Miotti Luis Dario yang sering melakukan gerakan dari kiri dan mengumpun kepada Grioli Guazana di tengah. Selain percubaan-percubaan dua pemain import itu, pemain tengah Mohd. Ali Haji Momin juga sering

menyumbang beberapa percubaan jarak jauh namun kesemuanya menemui kegagalan.

Dalam keadaan tekanan, Daerah Temburong sekali-sekala juga berjaya melolos pertahanan DPMM FC melalui penyerang Hardi Bujang dan Yunus Lupat yang dapat dikawal oleh penjaga gol Mohd. Sallehin Kee.

Semangat dan persefahaman yang tinggi pemain-pemain Daerah Temburong untuk mendapatkan jaringan tidak luntur dan hampir memperolehi jaringan penyamaan jika rembatan bekas penyerang kebangsaan, Sabtu Lupat tidak terkena palang.

DPMM FC terus mengukuhkan kedudukan mereka di separuh masa kedua mendahului 2 - 0 melalui jaringan Miotti Luis Dario selepas kesilapan pertahanan Daerah Temburong yang membiarkannya bergerak secara solo.

Kedudukan 2 - 0 itu belum menjejaskan semangat berpasukan Daerah Temburong sebaliknya mereka memberikan saingan dan selanjutnya merapatkan jurang 2 - 1 melalui jaringan Zulkumi Dawat.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat menyaksikan perlawanan antara DPMM FC dengan Daerah Temburong. - Gambar oleh Masri Osman.



PENJAGA gol Daerah Temburong, Zulamri Haji Emran cuba menghalang percubaan penyerang DPMM FC, namun bola terlepas masuk ke pintu gol.

PERBEKAL anjurkan Lomba Kereta Kawalan Jauh

Oleh Pengiran Ibni PHH

LAMBAK KANAN. - Persatuan Belia Kampong Lambak (PERBEKAL) akan mengadakan Perlumbaan Kereta Kawalan Jauh yang akan berlangsung pada 12 Mei akan datang bertempat di kawasan Dewan Kemasyarakatan II, Perpindahan Lambak Kanan, Jalan 77 pada jam 8.00 pagi.

Perlumbaan dibahagikan kepada dua acara iaitu Track dan Sprint.

Acara Track akan dibahagikan ke-

pada dua kategori iaitu Kategori A bagi kanak-kanak yang berumur 11 tahun ke bawah dan Kategori B bagi peserta yang berumur 12 tahun ke atas.

Manakala bagi Acara Sprint hanya terbahagi kepada satu kategori saja iaitu terbuka kepada sesiapa sahaja.

Bagi sesiapa yang berminat untuk menyertai perlumbaan tersebut supaya akan berhubung terus kepada pihak penganjur di talian 08-853548 Pengiran Ibni, 08-868581 Pengiran Jofri atau 02-392289/08-811976 Pengiran Indera dan 02-338517 Zamzami.

Pelumba elit berjaya duduki 10 tempat teratas

Oleh Abdullah Asgar

GARA-GARA terpedaya dengan taktik berpura-pura dari pelumba muda, ramai pelumba elit hanya berjaya menempatkan diri dalam kedudukan 10 terbaik di Perlumbaan Basikal MTB Jabatan Penerangan sempena Sambutan Jubli Emas penubuhannya.

Perlumbaan yang dibahagikan kepada Kategori Terbuka, Veteran 40 Tahun Ke Atas dan Novis dilancarkan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah di hadapan jabatan tersebut pada 21 April lalu.

Ini terjadi kerana salah sangka pelumba-pelumba elit yang hanya membiarkan satu-persatu pelumba muda seramai hampir 20 orang memisahkan diri dari kumpulan utama.

Kejadian berlaku hanya lebih kurang 20 kilometer baki perjalanan sejauh 67 kilometer disebabkan keengganan pelumba elit mengejar pemisahan itu sehingga memasuki Lebuhraya Tungku Link tetapi usaha tersebut sudah terlambat kerana keempat-empat pelumba sudah jauh di hadapan.

Di awal perlumbaan yang menggunakan laluan Lebuhraya Sultan Hassanah Bolkiah, Tungku Link, Lebuhraya Muara-Tutong dan berpusing di Pusing Keliling Muara-Kapok untuk kembali semula ke garis penamat, kelompok utama belum berjaya dipisahkan walaupun beberapa usaha telah dicuba tetapi gagal.

Tetapi berbeza bagi Kategori Veteran dan Novis kerana kelompok utama kategori itu tidak boleh dipisahkan sehinggalah ke garis penamat dengan penentuan 'sprint' sehingga

menyukarkan pihak komisar membuat penentuan perlumbaan.

Walaupun pengalaman pertama menganjurkan perlumbaan yang disertai oleh 156 peserta Kategori Terbuka 44 orang, Veteran 33 orang dan Novis 79 orang, tetapi perlumbaan tersebut berjaya tanpa sebarang insiden yang berat dan kemalangan serius kecuali keputusannya lambat sedikit disebabkan masalah teknikal.

Johan bagi Kategori Terbuka ialah Hafizudin Mohammad; kedua, Muhd. Sharul Zainal dan ketiga, Masri Matasan, sementara bagi Kategori Veteran 40 Tahun Ke Atas di tempat pertama, Haji Oslu bin Haji Mohd. Noor; kedua, Haji Jaini Haji Untong dan ketiga, Suboh Haji Mohamad, manakala bagi Kategori Novis johan ialah Muhd. Arbe Shadarul Farni Zainal; kedua, Norsady Robat dan ketiga, Jinie Sapih.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin. Perlumbaan Bahagian Kanak-kanak bagi pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan juga diadakan.

Sementara itu, seorang peserta Kategori Veteran, Haji Ibrahim Tahir, 56 tahun, dipilih menerima hadiah istimewa kerana menjadi peserta tertua yang menyertai perlumbaan tersebut dan berjaya menamatkan perlumbaan dalam masa 2 jam 15 minit 45.03 saat.

Beliau menerima hadiah yang disampaikan oleh Pengarah Penerangan, di satu majlis berasingan di jabatan tersebut pada 22 April lalu.

Perlumbaan Kereta Kawalan Jauh Mini, sukan kanak-kanak dan wanita juga diadakan bagi memeriahkan perlumbaan, di samping gerai jualan.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah melancarkan Perlumbaan Basikal Mountain Bike (MTB) Jabatan Penerangan sempena Sambutan Jubli Emas penubuhannya yang berlangsung di jabatan itu pada 21 April lalu (atas). - Gambar oleh Haji Haranadi HB.

PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin ketika menyampaikan hadiah kepada para pemenang Perlumbaan MTB Bahagian Kanak-kanak sempena Sambutan Jubli Emas penubuhan Jabatan Penerangan (kiri). - Gambar oleh Ramli Tengah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap Puan Pantipa Yuthavong, Isteri Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Diraja Thailand.

Menerima mengadap isteri Pemerintah Tertinggi ATD Thailand

Oleh Aliddin HM dan Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap isteri Pemerintah Tertinggi Angkatan

Tentera Diraja Thailand, Puan Pantipa Yuthavong.

Majlis mengadap itu berlangsung secara berasingan di Istana Nurul Iman dan Istana Nurul Izzah, Jerudong di sini pada 1 Mei lalu.

Puan Pantipa Yuthavong diiringi oleh isteri Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Datin Hajah Salbiah binti Mohd. Yusof dan isteri Duta Besar Thailand ke negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri telah berkenan menerima pesambah yang disembahkan oleh Puan Pantipa Yuthavong.

Puan Pantipa Yuthavong berada di negara ini bagi mengiringi suaminya, Laksamana Narong Yuthavong, Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Diraja Thailand yang membuat lawatan rasmi tiga hari ke negara ini.

Dari muka 1

"Selaku rakyat Brunei dengan tidak mengira latar belakang kaum adalah menjadi tugas dan tanggungjawab utama memelihara cara orang Brunei oleh warga Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan mematuhi undang-undang," jelas Yang Berhormat.

"Di sinilah, pendidikan memainkan peranan untuk membentuk identiti negara yang akan mengekalkan keharmonian dan kebahagiaan masyarakat yang dinikmati sejak dulu lagi," menurut Yang Berhormat.

Dari muka 1

6. Bahagian Pemeliharaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.
7. Bahagian Pemeliharaan dan Perkhidmatan, Jabatan Daerah Belait.
8. Bahagian Pemeliharaan Tempat Penginapan, Jabatan Daerah Tutong.
9. Bahagian Pemeliharaan Taman Perkelahan Kampung, Jabatan Daerah Temburong.

Penubuhan jabatan baru itu berkuat kuasa mulai 1 Mei 2002, sementara peralihan pentadbiran semua bahagian dan unit kepada jabatan ini akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2002.

PELBAGAI PROGRAM, STRATEGI BAGI MANTAPKAN EKONOMI

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS. - Di sebalik menghadapi pelbagai cabaran ekonomi, negara terus berusaha kukuh dengan mengadakan program-program dan strategi-strategi yang membolehkan ekonomi Negara Brunei Darussalam terus mantap.

Antara pelan yang diterokai ialah meluaskan industri minyak dan gas, industri perkhidmatan dan pembuatan serta memusatkan perhatian kepada perkembangan Infokomunikasi Maklumat (ICT) dan perusahaan kecil dan sederhana, pembangunan sumber manusia dan menciptakan persekitaran yang lebih menarik dalam usaha mempelawa pelabur asing ke negara ini untuk membolehkan peluang pekerjaan diwujudkan.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair berucap demikian di Majlis Makan Malam Meraikan Ulang Tahun Ke-55 Dewan Perniagaan Tionghoa (DPT) pada 1 Mei lalu di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menurutnya, dengan mencapai usia ke-55 tahun Dewan Perniagaan Tionghoa boleh menjadi aset yang utama untuk digunakan dan dikongsikan sepenuhnya oleh semua sektor perniagaan di negara ini ke arah memperkembangkan masyarakat dan suasana perniagaan serta progres di negara ini.

"Negara Brunei Darussalam walaupun sebuah negara yang kecil yang seharusnya kita boleh cergas membangunkannya, kita tidak mungkin menjadi besar seperti negara lain memandangkan jumlah penduduk

tetapi ini tidak bererti satu halangan.

Kita memiliki kestabilan dan pimpinan dan bimbingan yang berterusan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kita mempunyai perundangan yang bebas, kita mempunyai kekukuhan kewangan, kita memiliki infrastruktur kelas pertama dan kita mempunyai aset yang besar bagi orang yang berpendidikan," kata beliau.

Salah satu strategi negara sekarang, jelasnya, ialah memusatkan perhatian pada bidang ekonomi, apa yang boleh dimainkan oleh Dewan Perniagaan Tionghoa ialah mencari jalan bagi membinanya walaupun negara tidak boleh bersaing dengan gergasi perniagaan yang lain kerana mereka mempunyai kos yang rendah.

Sekarang apa yang menjadi cabaran ialah bagaimana kita bekerja dengan keadaan tersebut melalui strategi bersekutu atau usaha sama di dalam membangun perniagaan yang cergas, tambahnya.

Majlis malam itu bermula dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Dipertua DPT, Awang Robert Koh Hoe Huat yang kemudiannya diikuti dengan memotong kek oleh tetamu kehormat.

Persembahan tarian dan nyanyian yang melibatkan penyanyi dari Malaysia dan Taiwan juga diadakan.

Dewan Perniagaan Tionghoa ditubuhkan 55 tahun lalu oleh masyarakat Tionghoa di negara ini di era pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien yang semakin berkembang maju dan merupakan dewan perniagaan terbesar di negara ini serta aktif dalam perdagangan, perniagaan dan tajaan serta kegiatan yang berkebakikan.

WALKATON KESIHATAN 12 MEI 2002

BERAKAS. - Walkaton Kesihatan dan Kecergasan Kementerian-kementerian Kali Ke-2 kelolaan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya akan diadakan pada hari Ahad, 12 Mei 2002, bermula jam 7.00 pagi, bertempat di Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Berakas.

Pegawai-pegawai dan kakitangan dari Jabatan Perdana Menteri dan

jabatan-jabatan di bawahnya, kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan orang ramai adalah dialu-alukan menyertainya.

Acara akan dimulakan dengan senaman 'warming up' dan diteruskan dengan walkaton sejauh lima kilometer bagi peserta lelaki dan empat kilometer bagi peserta perempuan.

Hadiri Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan APEC di Lima, Peru

BERAKAS. - Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman, Menteri Perhubungan kini berada di Lima, Peru bagi menghadiri Mesyuarat Ke-3 Menteri-menteri Pengangkutan APEC yang bermula pada 7 hingga 9 Mei.

Mesyuarat tersebut telah didahului oleh Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan pada 6 Mei lalu.

Yang Berhormat Men-

teri Perhubungan akan menyampaikan kertas kerja bertajuk 'Ke Arah Matlamat Bogor' (Towards Bogor Goals) dan mengetuai perbincangan berhubung isu-isu pengangkutan dalam bidang 'Open Skies Agreement'.

Para Menteri Pengangkutan APEC di mesyuarat itu membincangkan isu-isu pengangkutan dalam bidang pembebasan perdagangan, perkembangan kapasiti manusia, keselamatan dan sekuriti

(safety and security).

Satu simposium di antara menteri-menteri berkenaan dengan pihak industri juga diadakan pada 7 Mei. Simposium telah membincangkan isu-isu keselamatan, pengangkutan penumpang, pengangkutan kargo, sistem pengangkutan intelijen, intermodal dan perkembangan sumber tenaga manusia serta e-dagang bagi ketiga-tiga sektor pengangkutan udara, maritim dan darat.

BERGERAK UNTUK KESIHATAN

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان متري دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراچان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

KUALA LUMPUR. - Buku terbitan Negara Brunei Darussalam mendapat sambutan yang sangat menggalakkan di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2002 yang telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini. Pesta tersebut berlangsung 10 hari iaitu dari 26 April hingga 5 Mei 2002.

Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah menyertai pesta yang terbesar itu. Lebih 450 penyertaan dari seluruh dunia termasuk dari United Kingdom, Timur Tengah, Asia dan negara-negara ASEAN. Tema pesta buku berkenaan ialah "Menakluki Dunia Melalui Pembacaan".

Tinjauan wakil PELITA BRUNEI yang berkebetulan berada di ibu negara Malaysia itu mendapati Galeri Jabatan Mufti Kerajaan dan Dewan Bahasa dan Pustaka yang ditempatkan di Tingkat Empat PWTC mendapat sambutan daripada pengunjung.

Menurut Awang Haji Mohidin bin Haji Mustafa dari Jabatan Mufti Kerajaan, jualan buku-buku tebitan jabatan berkenaan amatlah menggalakkan di mana pada hari pertama sahaja mereka berhasil menjual buku-buku dengan harga \$400.00.

Menurut beliau, buku-buku yang dijual di galeri itu antaranya termasuklah Fatwa Mufti tulisan Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Di samping itu pelbagai tajuk buku juga dijual antaranya mengenai Isu-isu Kewangan Islam.

Sementara itu Dewan Bahasa dan Pustaka pula menjual dan mempamerkan buku-buku yang berbentuk ilmiah, novel, cerpen, buku cerita kanak-kanak yang berbentuk tatarakyat. Selain itu be-

Oleh
Haji Jaafar HI
Gambar-gambar
oleh
Haji Haranadi HB



Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2002

Buku terbitan Brunei dapat sambutan

MENDAPAT SAMBUTAN ...
Galeri Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mendapat sambutan daripada pengunjung di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2002 yang diadakan di PWTC pada 26 April - 5 Mei lalu (atas).

TURUT DIPAMERKAN ...
Buku Kenang-kenangan 50 Tahun Penubuhan Jabatan Penerangan juga dipamerkan di Galeri DBP (bawah).



JABATAN Mufti Kerajaan juga tidak ketinggalan menjual buku-buku terbitan jabatan berkenaan di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2002.

berapa buah buku terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri juga dipamerkan di galeri berkenaan. Buku-buku itu antaranya termasuklah Buku Kenang-Kenangan 50 Tahun Penubuhan Jabatan Penerangan dan Koleksi Cerpen yang telah diterbitkan dalam PELITA BRUNEI.

Kedua-dua buku berkenaan mendapat sambutan daripada pengunjung.

Untuk menarik minat orang ramai, DBP telah mengadakan potongan

harga sehingga 40 peratus.

"Kami kagum dengan terbitan buku-buku dari Negara Brunei Darussalam, sungguhpun bersaiz kecil tetapi mampu menghasilkan buku-buku yang bermutu tulisan anak watan Brunei sendiri," kata salah seorang pengunjung.

Menurut salah seorang lagi pengunjung, kualiti cetakan dan reka bentuk buku-buku dari Negara Brunei Darussalam sungguh bermutu dan berkualiti tinggi dan sebanding dengan cetakan dari luar negara seperti Malaysia.



Sastera & Budaya

Konsep dan Takrif Novel Remaja Negara Brunei Darussalam

PENDAHULUAN

TERLINTAS dalam pemikiran penulis untuk mengemukakan konsep dan takrif Novel Remaja Negara Brunei Darussalam dan adalah menjadi tanggungjawab sebagai tenaga penyalur Kesusasteraan Melayu di Negara Brunei Darussalam apabila perkara ini dibangkitkan dalam Pertemuan Sasterawan Nusantara Ke-XI 2001 di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Salah seorang daripada peserta luar negara mengajukan soalan kepada pembentang yang kebetulan ketika itu membicarakan Novel Remaja di Negara Brunei Darussalam, mengenai Konsep dan Takrif Novel Remaja negara Brunei Darussalam untuk memperlihatkan kemungkinan-kemungkinan ada jurang perbezaan atau persamaannya. Persoalan ini juga disusuli oleh salah seorang lagi peserta dari luar negara yang ingin betul-betul mengetahui perkara yang sama, meskipun cuba diberikan penjelasan sepintas lalu daripada pembentang ketika itu bahawa Konsep dan Takrif Novel Remaja Negara Brunei Darussalam mempunyai persamaan dengan di Malaysia mahupun di Indonesia. Ini memandangkan bahawa tidak ada satu konsep yang mapan untuk dijadikan sebagai pegangan para penggiat sastera, tambahan pula di Negara Brunei Darussalam belum ada sarjana (kurang) yang mengajukan konsep dan takrif novel remaja di Negara Brunei Darussalam. Bertolak dari sini penulis makalah ini tampil untuk memberikan ajuan Konsep dan Takrif Novel Remaja Negara Brunei Darussalam sebagai satu langkah ke hadapan dan bahan fikiran di kalangan penggiat sastera, khususnya di Negara Brunei Darussalam.

NOVEL, REMAJA DAN BRUNEI DARUSSALAM

Lazimnya novel didefinisikan sebagai wacana yang mengandungi pengintegrasian elemen-elemen intrinsik (di antaranya plot, tema, latar, gaya dan lain-lain) yang sekali gus membezakan karangan yang lain. Hashim Awang menyatakan bahawa novel ialah prosa cereka yang panjang. Ia menceritakan kisah hidup manusia pada suatu tempat dan dalam suatu masa tertentu untuk melahirkan satu-satu persoalan kehidupan yang menarik [1984:45].

Remaja merupakan satu istilah yang merujuk kepada golongan pemuda dan pemudi. Meskipun tidak ada tahap yang tetap untuk menentukan umur golongan ini di kalangan para cendekiawan pelbagai disiplin, namun demikian secara umumnya remaja ialah masa peralihan dari usia kanak-kanak menuju usia dewasa, iaitu sekitar umur 15 tahun hingga 25 tahun. Dalam erti kata yang lain menurut pandangan Islam, remaja Islam itu berdasarkan kewajipan menjalankan syariat atau hukum taklif yang mewajibkan seperti mengerjakan sembahyang, puasa, nikah dan sebagainya yang hanya diwajibkan apabila sudah baligh, perempuan dengan kedatangan haid manakala lelaki pula dengan ihtilam yakni bermimpi [MABIMS, 1995:78].

Brunei Darussalam ialah salah sebuah negara di Nusantara yang mengamalkan cara hidup berfalsafahkan Melayu Islam Beraja. Walaupun kecil namun peranan dan tanggungjawabnya dalam sama-sama mendaulatkan Bahasa dan Sastera Melayu juga tidak diketepikan. Tambahan pula, Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959.

NOVEL BRUNEI DARUSSALAM

Konsep atau pegangan takrif novel Brunei Darussalam pernah dikemukakan oleh pengkaji sastera tempatan dan luar negeri. Di antaranya Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd Yasin pernah menyuarakan bahawa:

"Novel-novel yang dihasilkan oleh warga atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dalam bahasa Melayu tanpa mengira jenis persoalan, watak, latar dan tempat ia diterbitkan."

Kemudian disusuli oleh pengkaji sastera luar negeri yang juga merupakan salah seorang Profesor Madya di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam iaitu Lutfi Abas semasa membicarakan Novel-novel Brunei Darussalam beranggapan dan seterusnya berpegang bahawa:

"Novel Brunei Darussalam ialah novel yang ditulis oleh warganegara Brunei Darussalam. Novel Brunei Darussalam tidak semestinya novel yang berlatarkan Negara Brunei Darussalam atau yang kebanyakan wataknya adalah rakyat negara ini. Novel Negara Brunei Darussalam boleh berlatarkan negara lain dan watak-wataknya bukan orang Brunei Darussalam. Novel yang bukan ditulis oleh warganegara Brunei Darussalam adalah bukan novel Brunei Darussalam walaupun novel

itu berlatarkan negara ini dan watak-wataknya orang Brunei Darussalam. Misalnya, Novel Harun Aminur Rashid Darah Kedayan bukan novel Brunei Darussalam kerana penulis ini bukan warganegara negara ini. (Sebagai perbandingan, novel Henri Fauconnier The Soul of Malaya adalah bukan novel Malaysia tetapi novel Perancis kerana penulisnya warganegara Perancis walaupun latarnya Malaysia dan beberapa watak utamanya adalah orang Malaysia). Novel yang ditulis oleh seseorang sesudah orang ini menjadi warganegara lain adalah bukan novel Brunei Darussalam walaupun sebelumnya ia warganegara Brunei Darussalam. (Sebagai perbandingan novel IB Singer Sosha, berlatarkan Polandia dengan watak-watak rakyat Polandia, adalah novel Amerika Syarikat kerana penulisnya warganegara Amerika Syarikat ketika ia menulis novel itu).

Dari petikan di atas memberikan makna bahawa syarat terpenting untuk menentukan sesebuah karya novel Brunei Darussalam ialah penulis mestilah pemegang kad pengenalan (Kad Pengenalan Pintar) berwarna kuning sebagai warganegara Brunei Darussalam atau pemegang kad pengenalan (Kad Pengenalan Pintar) berwarna ungu sebagai penduduk tetap negara ini. Kemudian hasil karyanya itu tidak mengira tempat ia diterbitkan atau unsur-unsur intrinsiknya tempatan atau di luar wilayah Negara Brunei Darussalam [Maslin Haji Jukim/Jukin, 1997:13]. Konsep atau pegangan takrif Novel Brunei Darussalam ini penting dalam membicarakan Novel-novel Brunei Darussalam sebagai bahan atau data kajian, terutama kepada graduan-graduan misalnya di Universiti Brunei Darussalam yang mengambil jurusan Kesusasteraan Melayu bila mana mereka melaksanakan kajian baik di peringkat sarjana muda, sarjana ataupun pasca sarjana.

Urutan dari itu, adalah satu pemilihan yang tepat untuk dijadikan tanggapan Konsep Novel Remaja Brunei Darussalam ini haruslah melihat juga Konsep Novel Brunei Darussalam.

SEIRAS DENGAN KONSEP NOVEL BRUNEI DARUSSALAM

Jika kita sudah mempunyai tanggapan mengenai Konsep Novel Brunei Darussalam, penulis percaya adalah wajar untuk menentukan Konsep Novel Remaja Brunei Darussalam beririsan dengan Konsep Novel Brunei Darussalam. Dalam menentukan konsep ini, amatlah dipersetujui oleh penulis jika pengarang novel remaja Brunei Darussalam itu mestilah warganegara Brunei Darussalam. Hal ini seiras dengan Konsep Novel Brunei Darussalam yang mengemukakan bahawa pengarang mestilah warganegara Brunei Darussalam. Dalam erti kata yang lain, pengarang mestilah pemegang kad pengenalan berwarna kuning (Kad Pengenalan Pintar berwarna kuning) atau pemegang kad pengenalan berwarna ungu yakni yang berstatus penduduk tetap. Kandungan elemen-elemen intrinsik yang membina novel tidaklah menjadi satu ukuran tetap untuk melimitasikannya kepada unsur setempat pada misalnya novel remaja itu mestilah berlatarkan 'environment' Negara Brunei Darussalam ataupun watak-watak dalam novel remaja tersebut mestilah orang Brunei. Syarat terpenting dalam meletakkan sebuah karya novel remaja itu novel remaja Brunei juga melihat kepada penulisnya.

PERMASALAHAN YANG MUNGKIN BERBANGKIT

1. Pengarang novel remaja bukan daripada golongan remaja malah dari golongan dewasa.
2. Kebanyakan novel-novel remaja di Brunei

Darussalam ini produk peraduan.

3. Bagaimana kedudukan apabila seorang pengarang Brunei mengikuti peraduan novel remaja peringkat serantau dan antara-bangsa yang dianjurkan oleh negara luar dan kemudiannya diterbitkan di luar negara?

PENELITIAN AWAL MENANGANI MASALAH YANG MUNGKIN BERBANGKIT

Penggarisan penulis novel remaja Brunei Darussalam tidak membulat bahawa penulis novel remaja Brunei Darussalam mestilah di kalangan remaja sahaja. Persoalan penulis novel remaja Brunei Darussalam dari kalangan remaja atau dewasa bukan menjadi kuasa mutlak pembatal konsep atau pegangan takrif novel remaja Brunei Darussalam. Yang penting karyanya itu mestilah mengungkapkan dunia alam remaja, tidaklah kira sama ada penulisnya dari kalangan remaja atau dewasa, asal saja penulis itu warganegara Brunei Darussalam. Misalnya, novel Wira Pinggir Lembah oleh Pengiran Haji Aji bin Pengiran Haji Md. Tahir. Penulis ini bukan golongan remaja tetapi beliau menghasilkan novel yang mengungkapkan dunia alam remaja. Apakah kita akan menyingkirkan hasil karya beliau itu sebagai karya novel remaja Brunei Darussalam?

Peraduan-peraduan yang diadakan oleh mana-mana pihak seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merupakan usaha-usaha yang diunggakayahkan untuk memperkaya dan memperkasa bahasa dan sastera di Negara Brunei Darussalam. Oleh sebab dalam bentuk peraduan, memanglah ada syarat-syarat tertentu yang dikemukakan oleh pihak penganjur. Misalnya, Peraduan Menulis Novel Remaja yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa

dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. Syarat yang dikemukakan tidak hanya membukakan khusus kepada golongan remaja sahaja. Hasilnya, ramai penulis-penulis yang ikut serta daripada golongan dewasa. Jikapun, syarat peraduan itu hanya membukakan kepada golongan remaja namun tetap juga dianggap sebagai novel remaja Brunei Darussalam. Yang penting mereka yakni yang ikut serta itu adalah warganegara Brunei Darussalam. Akan tetapi jika syarat penyertaan Peraduan Novel Remaja itu dibukakan kepada sesiapa saja yakni terbuka kepada bukan warganegara Brunei Darussalam maka haruslah diketahui sebaik-baiknya yang mana satu hasil karya penulis warganegara dan bukan warganegara Brunei Darussalam. Jelasnya sudah tentunya peserta yakni penulis bukan warganegara Brunei Darussalam tidak dianggap sebagai hasil novel remaja Brunei Darussalam, sekalipun novel yang terhasil itu mengungkapkan dunia remaja yang berlatarkan di Negara Brunei Darussalam, watak-watak orang Brunei dan unsur-unsur lain yang setempat.

Penulis tidak menafikan bahawa kebanyakan novel remaja Brunei Darussalam adalah produk peraduan. Ini juga tidak bermakna untuk kita menariknya sebagai salah satu elemen yang menjadikan sebagai konsep novel remaja Brunei Darussalam. Bukan saja novel-novel remaja Brunei Darussalam hasil daripada peraduan, malah novel-novel remaja Brunei Darussalam juga diterbitkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Jelas di sini bahawa betapa titahnya pihak Dewan Bahasa dan Pustaka memainkan peranannya dalam memperkaya dan memperkasa bahasa dan sastera Brunei Darussalam.

Wajarkah kita menolak para penulis tempatan yang ikut serta dalam Peraduan Menulis Novel Remaja sama ada di peringkat serantau atau antarabangsa yang dianjurkan oleh negara luar kemudian diterbitkan pula di sana? Jika berbalik kepada konsep novel remaja Brunei Darussalam yang telah dikemukakan di atas tadi menunjukkan bahawa asal saja penulis itu warganegara Brunei Darussalam dengan tidak mengira hasil karyanya itu dibina daripada elemen-elemen bukan setempat dan diterbitkan di luar negara, maka novel yang dihasilkan itu tetap novel remaja Brunei Darussalam. Memang wajar kita memperakui novel remaja yang diterbitkan atau hasil peraduan penulisan di negara luar itu dianggap sebagai novel remaja Brunei Darussalam kerana penulisnya adalah warganegara Brunei Darussalam.

KESIMPULAN

Pengajuan Konsep Novel Remaja Negara Brunei Darussalam ini bukan bermaksud untuk mengasingkan penghasilan karya-karya sastera Melayu Brunei itu dari negara-negara alam Melayu. Tetapi sebenarnya perkara ini perlu untuk menggariskan batasan atau ruang lingkup dalam mana-mana kajian yang mengkhusus. Apatah lagi sekarang ini kemunculan kritikus muda di negara ini yang disampiri keghairahan teori dan pendekatan pascamodernisme yang diperolehinya dari pembacaan luas, yang tembus-menembus terutamanya melalui internet dan juga hasil daripada pendidikan. Ini merupakan petanda yang baik bahawa karya sastera itu tidak terpinggir dalam era globalisasi atau zaman serba canggih (siber).

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar takwa, kerana dengan bertakwa hidup kita akan selamat di dunia mahupun di akhirat, dengan melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.

Kehidupan kita di dunia ini tidak akan terlepas dari dugaan atau ujian dari Allah Subhanahu Wataala. Dan ujian tersebut tidak kira sama ada ia berbentuk kesenangan seperti diberi kepandaian, mendapat rezeki yang banyak atau dikurniakan anak yang ramai. Ataupun ujian tersebut berbentuk musibah seperti kecacatan, kematian dan kemiskinan. Adapun kerana manusia apabila diberi ujian kesenangan, ia akan bergembira dan bersenang hati tetapi akan berduka dan bersedih jika musibah yang menimpanya. Sebagai seorang Muslim kita harus menanamkan sifat sabar dalam menghadapi musibah, kerana kadang-kadang kita dapati ada orang yang bersikap putus asa dan marah terhadap ujian tersebut sehingga ada pula yang sanggup menyalahkan qadq dan qadar dari Allah Subhanahu Wataala. Sesungguhnya inilah petanda dari sikap orang yang lemah imannya dalam jiwa.

Adapun ujian dari Allah Subhanahu Wataala sama ada berupa kesenangan ataupun kesusahan tidak lain bertujuan untuk menguji sejauh mana tahap keimanan yang dimiliki oleh hamba-hamba-Nya. Ini telah dijelaskan dalam firman

Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Ankabut ayat 2 dan 3 yang tafsiran-nya:-

"Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: 'Kami beriman,' sedang mereka tidak diuji dengan sesuatu cubaan. Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka dengan ujian yang demikian, nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman dan nyata pula apa yang diketahuinya tentang orang-orang yang berdusta."

Ketahuilah bahawasanya Allah Subhanahu Wataala telah menyediakan ganjaran yang besar terhadap orang yang sabar dalam menerima ujian musibah yang menimpa. Antaranya Allah akan meningkatkan darjat seseorang itu, dihapuskan dosa-dosanya yang telah lalu serta diberi pula ganjaran pahala selagi ia dalam keadaan sabar.

Sebagai tanda kita bersabar di atas musibah yang menimpa ada baiknya juga kita membiasakan diri dengan ucapan 'Inna lillahi wa inna ilaihi rajiun'. Inilah kalimah yang telah diajarkan kepada kita untuk diucapkan

Allah meningkatkan darjat orang yang sabar

ketika datangnya musibah sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Al-Quran Surah Al-Baqarah ayat 155 hingga 156 yang tafsiran-nya:

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut kepada musuh dan dengan merasai kelaparan dan dengan berlakunya kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tangan. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. Iaitu orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: 'Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.'"

Ucapan ini selalunya dilafazkan apabila menerima berita kematian seseorang, dan bukannya lebih baik jika kita membiasakan diri untuk melafazkan ucapan ini apabila mendengar apa sahaja berita musibah yang menimpa sama ada ke atas diri kita sendiri, keluarga, sahabat ataupun masyarakat umat Islam yang lainnya. Ianya adalah sebagai ingatan betapa apa pun yang kita miliki di dunia ini, sama ada ianya terdiri dari harta atau anak-anak dan sebagainya. Semuanya adalah milik Allah Subhanahu Wataala. Kita hanya diberi pinjaman untuk menikmati kesenangan dalam hidup di dunia ini dan jika Allah Subhanahu Wataala berke-

hendak untuk mengambilnya semula, maka sudah sewajarnya kita reda dan bersabar atas apa yang berlaku. Sebagai balasan di atas kesabaran kita, Allah Subhanahu Wataala telah menjanjikan keampunan ke atas dosa-dosa kita serta akan mendapat rahmat dirinya dan dimasukkan ke dalam golongan orang-orang yang mendapat petunjuk.

Pada masa ini, kita sering mendengar bala bencana yang berlaku di mana-mana sama ada ke atas umat Islam atau bukan Islam. Namun begitu kita semua sama-sama merasa sedih di atas kesusahan, kesedihan dan kesakitan yang dialami oleh mereka

yang ditimpa bala bencana. Kejadian tanah runtuh, ribut taufan, ledakan gunung berapi, kebakaran dan sebagainya yang membawa kerosakan teruk kepada harta benda sehingga ada yang kehilangan tempat tinggal, hasil tanaman dan ada juga yang kehilangan jiwa. Inilah dugaan hidup yang harus ditempuh oleh manusia, siapa yang beriman pasti akan dapat menerima takdir Allah Subhanahu Wataala dengan sabar tetapi siapa yang kurang mantap imannya atau yang tidak beriman pasti akan kalah dalam perjuangan hidupnya. Akibatnya ada yang mengalami tekanan jiwa

dan ada juga yang bertindak membunuh diri kerana tidak tahan dengan penderitaan atau tekanan-tekanan yang dihadapinya.

Sesungguhnya bala bencana yang menimpa ke atas kita, selain dari bertujuan untuk menguji keimanan kita, ia juga adalah merupakan balasan di atas dosa-dosa manusia di muka bumi ini. Manusia yang melakukan kerosakan, kejahatan dan kemaksiatan sehingga akhirnya menjadikan kehidupan di dunia ini tidak lagi aman tenteram bahkan diwarnai pula dengan dosa-dosa maksiat, lalu Allah Subhanahu Wataala pun menurunkan bala sebagai amaran kepada kita untuk segera bertaubat. Inilah yang berlaku sejak zaman-berzaman, di mana sahaja adanya kemaksiatan dan kemungkaran yang berlaku di sesebuah negeri, pasti Allah Subhanahu Wataala akan mencuba mereka dengan bala bencana. Kisah kaum yang derhaka kepada Allah Subhanahu Wataala dan akhirnya mati disambar petir, Kaum Saba yang kufur akhirnya musnah dilanda banjir yang besar, Kaum Noh yang degil akhirnya juga mati ditenggelami air dan Firaun yang sombong dan angkuh

sehingga mengaku dirinya Tuhan akhirnya mati lemas di Laut Merah. Inilah keingkaran dan kekufuran mereka yang telah dibalas oleh Allah Subhanahu Wataala dengan kehancuran ke atas harta benda, keluarga dan negeri mereka. Janganlah kita menjadi seperti mereka yang ingkar, akhirnya mati dalam keadaan hina, tentu kita tidak ingin mati dalam keadaan tidak beriman, maka bersegeralah kita bertaubat semoga kita mendapat kesenangan dan kebahagiaan hidup di dunia, lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Kerana itu apabila musibah dan bala bencana menimpa kita dan saudara kita, haruslah kita sentiasa beringat bahawa itu adalah ujian dari Allah Subhanahu Wataala dan juga sebagai tanda peringatan kepada kita untuk tidak lalai dan leka dengan urusan duniawi.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah At-Taghaabun ayat 11 yang tafsirannya:

"Tidak ada kesusahan atau bala bencana yang menimpa seseorang melainkan dengan izin Allah, dan siapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar dan ingatlah Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."



وقت سبهيغ، امساك، شوروق دان ضحى

وقت ۲ سبهيغ، امساك، شوروق دان ضحى باكي دانره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 25 صفر، 1423 برسان 8 مي، 2002 هيفگ كهاري ثلاث، 1 ربيع الاول، 1423 برسان 14 مي، 2002 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحى	ميجي
صفر									مي
25	12.18	3.37	6.27	7.39	4.37	4.47	6.06	6.31	8
26	12.18	3.38	6.27	7.39	4.36	4.46	6.06	6.31	9
27	12.18	3.38	6.27	7.39	4.36	4.46	6.06	6.31	10
28	12.18	3.38	6.27	7.40	4.36	4.46	6.06	6.30	11
29	12.18	3.38	6.27	7.40	4.36	4.46	6.06	6.30	12
30	12.18	3.39	6.27	7.40	4.35	4.45	6.06	6.30	13
ربيع الاول									
1	12.18	3.39	6.27	7.40	4.35	4.45	6.06	6.30	14

وقت ۲ سبهيغ باكي دانره توتوغ دمه ساتو مينيت دان دانره بلايت دمه نيگ مينيت، سبهيغ فرض جعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تهازي.



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu
'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihi Wasahbihi Waman
Walah.

PERKARA SUNAT SELAIN AQIQAH

MENURUT kamus Lisan Al-'Arab, azan dari segi bahasa bererti pemberitahuan (Al-i'lam). (Lisan Al-'Arab: 13/9) Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Dan inilah perisytiharan dari Allah dan Rasul-Nya kepada umat manusia, (diisytiharkan) pada Hari Raya Haji yang terbesar, bahawa sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya berlepas diri daripada tanggungjawab terhadap orang-orang musyrik." (Surah At-Taubah ayat 3).

Sementara azan dari segi syarak pula bererti zikir yang ditentukan untuk pemberitahuan sembahyang fardu lima waktu.

Menurut kamus Lisan Al-'Arab, iqamah pula dari segi bahasa adalah merupakan mashdar kepada kalimah *aqama* iaitu mendirikan. (Lisan Al-'Arab: 12/498). Pada syarak pula bererti zikir yang ditentukan untuk mendirikan sembahyang. (Hawasyi Tuhfat al-Muhtaj: 1/460).

SEJARAH DISYARIATKAN AZAN DAN IQAMAH

Adapun sejarah disyariatkan azan dan iqamah itu bermula di Madinah pada tahun pertama Hijrah. (Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah: 2/358). Sebagaimana disebutkan dalam hadis daripada 'Abdullah bin 'Umar katanya yang bermaksud:

"Semasa orang-orang Islam sampai di Madinah, mereka berkumpul lalu memperkirakan waktu sembahyang dan tidak ada seorang pun yang menyerukan untuk sembahyang. Pada suatu hari mereka pun membincangkan hal itu."

Berkata sebahagian mereka: "Ambillah naqus (loceng) seperti naqus orang-orang Nasrani (Kristian)."

Berkata sebahagian yang lain pula: "(Ambillah) trompet seperti trompet orang-orang Yahudi."

Lalu berkata 'Umar: "Tidaklah kamu melantik seorang lelaki untuk menyerukan sembahyang?"

Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: "Wahai Bilal, berdirilah dan serulah untuk sembahyang."

(Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

AZAN DAN IQAMAH: HUKUM DAN KELEBIHANYA

Dalam hadis yang lain daripada 'Abdullah bin Zaid katanya yang bermaksud:

"Ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memerintahkan untuk menggunakan naqus (loceng) untuk dipalu bagi mengumpulkan orang ramai untuk mendirikan sembahyang jemaah, dalam tidurnya (mimpi) seorang lelaki berjalan mengelilingi sedang membawa di tangannya naqus. Lalu aku berkata: "Wahai hamba Allah, adakah kamu jual naqus itu?"

Dia berkata: "Apa yang akan engkau buat dengannya (naqus)?"

Aku berkata: "Dengan naqus itu kami menyeru kepada sembahyang."

Dia berkata: "Mahukah kamu aku tunjukkan yang lebih baik dari itu?"

Aku berkata: "Ya."

Berkata perwayat (orang yang mimpi): "Dia (lelaki yang dimimpikan) berkata: "Engkau ucapkan: Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, saya mengaku bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, saya mengaku bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, marilah mendirikan sembahyang, marilah mendirikan sembahyang, marilah menuju kemenangan, marilah menuju kemenangan, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah."

('Abdullah bin Zaid) berkata: "Kemudian lelaki itu berundur sedikit."

Lalu lelaki itu berkata: "Jika engkau menyerukan iqamah sembahyang engkau ucapkan: "Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, saya mengaku bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, marilah mendirikan sembahyang, marilah menuju kemenangan, sesungguhnya sembahyang telah didirikan, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah."

Pada pagi esoknya aku datang kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memberitahu mengenai mimpi itu.

Baginda bersabda:

"Sesungguhnya mimpimu itu benar insya Allah, berdirilah engkau bersama Bilal dan ajarlah padanya apa yang engkau mimpikan itu. Hendaklah Bilal azan dengan apa yang diajarkan kepadanya itu, kerana suaranya lebih bagus dan tinggi daripada engkau."

Maka aku berdiri bersama Bilal lalu aku ajarkan dia dan dia azan dengan apa yang aku ajarkan itu.

('Abdullah bin Zaid) berkata: "Maka terdengarlah azan itu oleh 'Umar bin Al-Khattab,

Bilangan 136
Bahagian Pertama

sedang dia di rumahnya. Lalu dia keluar dengan bergegas menyeret selendang di belakangnya dan berkata: "Demi yang telah mengutusmu dengan benar wahai Rasulullah, sesungguhnya aku bermimpi seperti mana yang dimimpikan olehnya (Abdullah bin Zaid)."

Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: "Segala puji bagi Allah." (Hadis riwayat Abu Daud).

LAFAZ-LAFAZ AZAN DAN IQAMAH

Menurut Al-Qadhi 'Iyadh, kalimah-kalimah azan itu mencakupi akidah keimanan, baik dari segi 'aqidat dan sun'iyat. Dimulai dengan mensabitkan zat Allah Subhanahu Wataala dan apa yang berhak bagi-Nya daripada sifat kesempurnaan, iaitu (الله أكبر) bererti Allah Maha Besar daripada setiap sesuatu. Kemudian pengakuan terhadap keesaan Allah dan pengakuan terhadap kerasulan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu (وَأَشهد أن لا إله إلا الله) dan (وَأشهد أن محمداً رسول الله).

Kemudian diikuti dengan mengajak kepada sembahyang dan kejayaan, iaitu (سبحان الله) bererti dekatiilah oleh kamu sembahyang dan janganlah malas. (سبحان الله) bererti dekatiilah oleh kamu akan sebab kemenangan iaitu sembahyang untuk mengecapi nikmat yang berkekalan. Di dalam seruan itu juga adalah pemberitahuan mengenai perkara-perkara hari akhirat daripada hari kebangkitan dan pembalasan. Kemudian diulangi lagi selepas itu dengan takbir dan disudahi dengan kalimah tauhid. (F'arah Ath-Thalibin: 1/367, Al-Majmu': 3/81).

Azan itu mempunyai 19 ungkapan termasuk dengan *tarji'*, jika tidak termasuk dengan *tarji'* menjadilah ia 15 ungkapan, iaitu:

1. الله أكبر

(Allah Maha Besar) empat kali.

2. أشهد أن لا إله إلا الله

(Saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah) dua kali.

3. أشهد أن محمداً رسول الله

(Saya mengaku bahawa Muhammad pesuruh Allah) dua kali.

4. سبّح الله

(Marilah mendirikan sembahyang) dua kali.

5. سبّح الله

(Marilah menuju kemenangan) dua kali.

6. الله أكبر

(Allah Maha Besar) dua kali.

7. لا إله إلا الله

(Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah) sekali.

(Allah) sekali.

Sementara iqamah pula mengandungi sebelas ungkapan iaitu:

1. الله أكبر

dua kali.

2. أشهد أن لا إله إلا الله

sekali.

3. أشهد أن محمداً رسول الله

sekali.

4. سبّح الله

sekali.

5. سبّح الله

dua kali.

6. الله أكبر

dua kali.

7. لا إله إلا الله

sekali. (Al-Majmu': 3/98-101).

TARJI'

Apa yang dimaksudkan dengan *tarji'* itu ialah melafazkan dua kalimah syahadah sebanyak dua kali dengan suara yang rendah sekira-kira didengar oleh orang yang berhampiran dengannya. *Tarji'* itu dilafazkan sebelum menyerukan dua kalimah syahadah dengan suara yang nyaring. Hukum melafazkan *tarji'* itu adalah sunat dan azan itu tetap sah walaupun ia tidak dilafazkan di dalam azan. (F'arah Ath-Thalibin: 1/379) Ini adalah mengikut ajaran Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam ketika ditanya oleh Abu Mahdzurah mengenai azan:

Maksudnya: "Saya berkata: "Wahai Rasulullah! Ajarkan aku cara-cara azan." Kata (Abu Mahdzurah): "Maka Baginda menyapu ubun-ubun kepalku."

Baginda bersabda: "Kamu ucapkan: 'Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, dengan suaramu yang tinggi."

Kemudian kamu ucapkan: "Saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, saya mengaku bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, saya mengaku bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, dengan suaramu yang rendah."

Kemudian tinggikan suaramu ketika menyerukan syahadah: "Saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, saya mengaku bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, saya mengaku bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, marilah mendirikan sembahyang, marilah mendirikan sembahyang, marilah menuju kemenangan, marilah menuju kemenangan."

Jika azan sembahyang Subuh, awak ucapkan: "Sembahyang itu lebih baik daripada tidur, sembahyang itu lebih baik daripada tidur, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah."

(Hadis riwayat Abu Daud)

Bersambung

TAUBAT secara ringkas diertikan sebagai suatu penyelesaian atas segala dosa yang dilakukan yang kemudiannya mengharap ampunan daripada Allah Subhanahu Wataala dengan cara ikhlas dan jujur untuk tidak diulangi lagi perbuatan dosa yang telah terlanjur dilakukan sama ada dalam keadaan disedari mahupun di sebaliknya.

Perbuatan taubat kepada Allah Subhanahu Wataala adalah paling utama dan amat baik bila ianya ditunaikan. Dari sebab itulah makanya setiap mukmin yang berdosa disuruh bertaubat dengan sempurna. Sebagaimana firman Allah dalam Al-Quran Surah An-Nur ayat 31 yang tafsirnya:

"Dan bertauballah kamu sekalian kepada Allah wahai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung."

Selain itu bilamana seorang mukmin bertaubat, Allah Subhanahu Wataala akan mengampunkan dosanya. Jelas firman-Nya dalam Al-Quran Surah Ali-



Imran ayat 135 yang tafsirnya:

"Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji; atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan

Taubat

Terbukti bahawa dengan bertaubat diri akan bersih dari segala perbuatan dosa malah kehidupan akan menjadi tenteram dan sejahtera kerana keberkatan taubat nasuha. Bahkan dengan jalan taubat boleh memberi lapang dada, fikiran bebas dari rupa bentuk ketakutan dan kegelisahan. Di sebaliknya segala kegelapan hidup akan bertukar menjadi ceria dan lebih sempurna disebabkan bersihnya rohani dan jasmani dalam kehidupan yang baru. Selain itu, orang yang bertaubat akan mendapat balasan Syurga dan tidak mudah disesatkan dengan syarak benar-benar bertaubat, beriman dan beramal salih.

dosa mereka dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah, dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya).

Dalam pada itu, wajiblah taubat disegerakan kerana bila dilalaikan dikuatiri tidak sempat dilaksanakan dan sudah tentu saja akan menanggung kerugian di dunia dan akhirat. Seperkara lagi yang harus kita ingat iaitu tentang menanggunkan usaha untuk bertaubat amatlah membimbangkan kerana bertaubat di ambang pintu kematian atau dengan kata lain menunggu sampainya nyawa di kerongkongan adalah tidak berguna lagi, sudah terlambat. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran surah An-Nisaa' ayat 17-18 yang tafsirannya:

"Sesungguhnya penerimaan taubat itu dianggap oleh Allah hanya bagi orang-orang yang melakukan kejahatan disebabkan (sifat) kejahilan kemudian mereka segera bertaubat, maka (dengan adanya dua sebab itu) mereka diterima

Allah taubatnya; dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. Dan tidak ada gunanya taubat itu kepada orang-orang yang selalu melakukan kejahatan, hingga apabila salah seorang dari mereka hampir mati, berkata ia: "Sesungguhnya aku bertaubat sekarang ini, (sedang taubatnya itu sudah terlambat), dan (demikian juga halnya) orang-orang yang mati sedang mereka tetap kafir. Orang-orang yang demikian, Kami telah sediakan bagi mereka azab seksa yang tidak terperi sukunya."

Dan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah dari Abdullah bin Umar Radiallahuanha, dia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala tetap menerima taubat hamba-Nya, selama roh (nyawanya) belum sampai di tenggorokan (di kerongkongan) iaitu hampir mati."

Dari itu haruslah diingat bahawa jika hendak bertaubat hendaklah disegerakan, ikhlas, benar-benar meninggalkan dosa yang telah dilakukan dan berjanji untuk tidak mengulangi perbuatan tersebut. Begitu juga halnya dalam menghadapi kehidupan ini perlu waspada dengan pengaruh-pengaruh dan anasir-anasir yang jahat yang cuba merosakkan pendirian dan keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wataala. Bila segalanya itu dapat diatasi, kebimbangan dan kekeliruan terhadap apa juaupun tidak akan timbul dan amat mudah bagi kita menghindarkan perbuatan dosa.

Bekalan elektrik menuju ke tahap aliran baru

Oleh Samie Haji Jait

BERAKAS. - Bekalan elektrik sedang menuju ke arah revolusi atau tahap pemulihan semula yang menjadikan satu aliran baru dalam tren industri globalisasi.

Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Pengiran Dato Laila Utama Haji Kamarulzaman berkata, faktor-faktor yang dikaitkan dengan era globalisasi ialah ketidakstabilan, pengasingan perkhidmatan, ketidakkekayaan, penswastan dan pembukaan elektrik dalam negeri serta peluang-peluang bagi memperluaskan lagi peluang pelaburan asing.

Beliau telah menjelaskan perkara itu ketika merasmikan Mesyuarat Ketua-ketua Pembekal Tenaga Elektrik Negara-negara ASEAN Ke-18 (HAPUA) di sebuah hotel pada 24 April lalu.

Katanya, faktor yang dikaitkan ialah pembiayaan projek elektrik yang boleh menampung perkembangan ekonomi dan pembangunan di negara membangun yang mempunyai sumber terhad.

"Bekalan tenaga elektrik juga akan menghadapi saingan hebat dalam era globalisasi ini," jelasnya.

Sehubungan dengan itu, beliau menjelaskan ASEAN sangat komited untuk membekalkan elektrik yang berkualiti tinggi dan bekalan elektrik ASEAN setentunya akan mendapat keuntungan serta perkongsian pakar-pakar dan pengalaman bersama selain bertukar pandangan dan pendapat secara aktif.

Mesyuarat selama empat hari yang dipengerusikan oleh Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Awang Haji Zakaria bin Haji Latif antara lain bagi mengeratkan kerjasama di antara pembekal tenaga elektrik ASEAN dan untuk memastikan kejayaan bagi projek-projek kerjasama itu.

Mesyuarat juga menyediakan peluang-peluang kepada

pakar-pakar untuk berkongsi pandangan dan pengalaman, di samping membincangkan isu-isu yang berkaitan di kalangan pihak berkuasa.

Delegasi terdiri daripada 43 ketua pembekal tenaga elektrik ASEAN serta Pengarah Eksekutif Tenaga ASEAN juga membincangkan laporan dari 10 projek kerjasama yang dirancang sebelum ini.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Pengiran Dato Laila Utama Haji Kamarulzaman ketika berucap merasmikan Mesyuarat Ketua-ketua Pembekal Tenaga Elektrik Negara-negara ASEAN Ke-18 (HAPUA) yang berlangsung pada 24 April lepas. - Gambar oleh Mohd. Zul-izli.



KETUA-KETUA Pembekal Tenaga Elektrik Negara-negara ASEAN (HAPUA) ketika menamatkan mesyuarat telah bersetuju bagi projek kerjasama pembekal tenaga. - Gambar oleh Hamadi HM.

HAPUA laksanakan 10 projek utama

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS. - Ketua-ketua Pembekal Tenaga ASEAN (HAPUA) yang menamatkan mesyuarat ke-18 me-

nilai semula semua perkembangan di kalangan anggota dan mengimple-

mentasikan 10 projek kerjasama pembekal tenaga, di samping berpuas hati terhadap projek-projek tersebut.

Antara projek tersebut ialah Pembangunan Hidro Mini/Mikro, Interconnec-

tion Sistem Kuasa, Penyelidikan, Kemajuan dan Kejuruteraan, Kemajuan Sumber Tenaga Manusia dan Pengurusan Bandar, Pengstandardasian, Pusat Maklumat Kuasa Elektrik, Penggunaan Kombinasi Kitarsenala Janakuasa dan Pengawasan Semula dan Reformasi Kuasa Tenaga.

Dalam mesyuarat yang berlangsung di sebuah hotel di Berakas dan berakhir pada 24 April lalu, ketua-ketua pembekal tenaga ASEAN bersetuju agar sebahagian projek-projek itu ditambah skopnya, dinilai dengan kata lain tidak diteruskan berdasarkan kepada refleksi yang berkaitan, objektif dan keperluan keadaan pasaran masa sekarang.

Selain dari itu, mereka juga bertukar-tukar pandangan dan pengalaman mengenai perkembangan semasa industri pembekal elektrik, di samping mengenal pasti tiga perkara utama.

Pertama, terdapat kemajuan dalam 'power de-

mand', yang dibawa oleh susulan pemulihan ekonomi di kebanyakan negara-negara ASEAN pada tahun 2001.

Kedua, proses penstrukturan semula Industri Pembekal Elektrik (ESI) di sebahagian negara-negara ASEAN sedang bermula.

Ketiga, kerjasama yang erat di kalangan pembekal tenaga dengan menggerakkan ke depan projek-projek 'interconnection' yang sudah bermula sambil berharap ia boleh mendatangkan faedah dan peluang bagi perdagangan tenaga di kalangan ahli-ahli HAPUA.

Mesyuarat kali ini dihadiri oleh semua anggota ASEAN, Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Viet Nam dan Pusat Tenaga ASEAN.

Mesyuarat HAPUA Ke-19 akan diadakan di Republik Indonesia tahun depan.

Syarikat tempatan wakafkan buku

Oleh Bolhassan HAB

JALAN BABU RAJA. - Jabatan Mufti Kerajaan telah menerima sumbangan enam set buku wakaf dari Syarikat Amanah Haji Abdullah untuk perpustakaan masjid-masjid di negara ini.

Setiap satu set mengandungi 20 buah buku yang antaranya ialah Fatwa Mufti Kerajaan dan Irsyad Hukum 1994 - 2002 dan akan disalurkan kepada enam buah masjid ialah Masjid Kampung Bengkurong, Masjid Kampung Sengkurong, Masjid Kampung Kilanas, Masjid Kampung Bunut, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan Masjid Jubli Perak.

Dalam ucapannya, Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Paduka Ahmad Bukhari berkata, peluang beramal dalam bentuk penyebaran ilmu patutlah direbut oleh pihak-pihak tertentu kerana amalan sedemikian menjanjikan pahala yang besar di sisi Allah Subhanahu Wataala.

Ia juga menanamkan cita-cita untuk bersedekah atau berbelanja jika setiap seorang Muslim mempunyai kelebihan dan kemampuan untuk berbuat sedemikian, jelasnya di majlis yang berlangsung di Darulifta pada 22 April lalu.

Sumbangan buku-buku wakaf berkenaan diterima oleh wakil-wakil pegawai masjid tersebut, manakala buku wakaf disampaikan oleh pemilik dan Pengarah syarikat berkenaan, Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Abdullah.



PENGARAH Syarikat Amanah Haji Abdullah, Awang Haji Abdul Hamid ketika menyampaikan sebuah set buku wakaf dari syarikat itu kepada wakil pegawai masjid. - Gambar oleh Harun HR.

MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

Peniaga tempatan boleh menimba pengalaman

PELABURAN asing merupakan satu konsep aliran yang melibatkan syarikat swasta asing ataupun perseorangan melabur di luar negara. Dalam era globalisasi, kemantapan ekonomi sesebuah negara itu bergantung juga kepada aktiviti-aktiviti pelaburan. Ia merupakan satu kemestian dalam ekonomi global masa kini untuk maju, bersaing secara sihat serta memanfaatkan ekonomi demi kemakmuran sesebuah negara. Sebagai satu formula untuk mewujudkan

kemakmuran, seluruh dunia telah berlumba-lumba untuk memperhebatkan pelaburan asing di negara masing-masing dengan mewujudkan hubungan ekonomi serta diplomatik dengan negara yang terlibat.

Kejayaan ekonomi Asia-Pasifik dengan kadar pertumbuhan yang paling cepat di dunia adalah dipengaruhi oleh aktiviti pelaburan dan ini adalah satu bukti yang nyata mengenai pelaburan asing. Ia mampu mencipta sistem kewangan yang kukuh serta mewu-

judkan peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan. Ini dengan sendirinya menggalakkan kemajuan sumber tenaga manusia. Negara Brunei Darussalam telah menggalakkan pelaburan asing semenjak mencapai kemerdekaan adalah disebabkan oleh manfaat-manfaat jangka panjang yang begitu meyakinkan. Dengan keadaan geografi serta kestabilan ekonomi dan politik, merupakan peluang yang tidak harus disia-siakan walaupun pada hakikatnya negara kita adalah kecil.

Selain itu dengan adanya hubungan perdagangan dengan pelabur-pelabur asing, sudah tentunya memberi ruang kepada peniaga-peniaga tempatan untuk menimba pengalaman dan mendapat peluang bagi mengembangkan produk mereka ke luar negara. Bagaimanapun dalam hal ini, sokongan pengguna tempatan adalah

lebih dahulu perlu ada bagi kejayaan seterusnya yang melibatkan hubungan perdagangan dengan pelabur asing. Di Persidangan Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) pada tahun 2000, negara kita telah memainkan peranan aktif dan ini telah membuatkan negara kita terkenal di mata dunia sebagai satu tempat pelaburan yang selamat dan berkesan 'mesra niaga'. APEC 2000 juga telah menjadi lambang kepada komitmen kita terhadap keyakinan akan wujudnya peluang-peluang yang benar-benar mampu menghasilkan kemakmuran. Dengan menggalakkan pelaburan asing, secara tidak langsung kita telah memainkan peranan sebagai warga dunia yang prihatin iaitu membasmi kemiskinan.

APEC 2000 juga merupakan pendedahan terbaik ke arah menarik pelabur-pelabur asing. Para peniaga yang telah menghadiri persidangan tersebut rata-rata memuji dengan tindakan serta ketelusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam polisi ekonominya. Apabila ekonomi telah diperkembangkan, kita dapat mengurangkan pergantu-

ngan kepada pengeksporan minyak dan gas. Negara kita boleh menjadi negara perindustrian yang mantap sekiranya rakyat memberikan sokongan terhadap dasar menggalakkan pelaburan asing, di samping mencari peluang bagi memelopori bidang yang boleh membuahkan hasil daripada pelaburan asing. Langkah mempersiapkan golongan pelajar dalam pendidikan yang menjurus kepada bidang ekonomi sebenarnya secara tidak langsung merupakan galakan terhadap pelaburan asing.

Seharusnya pelaburan asing ini hendaklah diperhebatkan lagi bagi memastikan ekonomi kita benar-benar mantap dan mampu untuk menghadapi keadaan kemelesetan ekonomi. Perkara ini hanya dapat dilaksanakan dengan adanya penglibatan semua pihak iaitu kerajaan, swasta dan penduduk di negara ini. Apabila semua ini disepadukan, negara kita mampu bersaing dan akan terus kukuh di sebalik ketangkasan arus globalisasi. Sesungguhnya kita mempunyai kredibiliti dalam melaksanakan dan menyokong dasar ekonomi global yang mampu menguntungkan semua pihak.

Apabila ini dilaksanakan dengan sepenuhnya maka kebimbangan kita terhadap bergantungnya kepada sumber minyak dan gas akan memudahkan laluan kita bagi mengharungi masa depan dengan penuh yakin serta akan memastikan kesi-

nambungan survival bangsa.

Mahathir bin Haji Nordin,
No. 507, Kampong Keriam,
Tutong TB 1141.
No. k/p: 287446

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Tradisi Sambutan Maulud Di Negara Brunei Darussalam'. Tarikh tutup 11 Mei 2002.
2. 'Peranan Angkatan Tentera Semakin Mencabar. Bincangkan'. Tarikh tutup 18 Mei 2002.
3. 'Tabiat Merokok Merugikan. Bincangkan'. Tarikh tutup 25 Mei 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Bersama-sama Menggalakkan Pelaburan Asing'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Memasarkan barangan tempatan ke luar negara

EKONOMI yang mapan menyumbang kepada wujudnya keamanan, kemakmuran serta kestabilan rakyat dan negara. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, negara kita tidak terkecuali daripada memberikan tumpuan kepada menjana pertumbuhan ekonomi dan pelaburan negara.

Pada masa ini, sumber ekonomi negara masih banyak bergantung kepada penghasilan minyak dan gas yang merupakan sumber alam yang terhad. Menyedari akan hakikat ini, kerajaan terus berusaha meningkatkan keupayaan sektor swasta dalam menggiat pertumbuhan industri-industri bukan minyak dan gas yang berdaya tahan. Namun hakikatnya, 99 peratus perusahaan dan industri di negara ini masih di peringkat 'kecil dan sederhana'. Tambahan lagi sebagai sebuah negara yang kecil dengan penduduknya, pasaran domestik adalah amat terhad.

Bagi mencuba mengatasi masalah tersebut, kerajaan secara aktif telah menyertai pelbagai pertubuhan kerjasama ekonomi serantau seperti BIMPEAGA, ASEAN, APEC, dan WTO bagi membuka peluang-peluang perniagaan dan pasaran serta ruang pelaburan bagi menarik pelabur asing ke negara ini. Melaluinya kita boleh menumpukan perhatian sepenuhnya dalam melobi hasil industri dan perusahaan tempatan agar ianya boleh dipasarkan ke negara-negara ahli.

Baru-baru ini pihak kerajaan telah memperuntukkan sekurang-kurangnya \$800 juta bagi kemajuan ICT. Ini kerana pada masa ini, bidang ICT merupakan salah satu bidang pelaburan yang mendatangkan keuntungan yang agak besar terutamanya di era globalisasi. Pelaburan dalam bidang ICT ini sangatlah menguntungkan kerana ianya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Selain itu, ianya membantu peraliran teknologi

yang sedia ada. Memandangkan pelaburan dalam bidang ICT ini mengambil masa dan kos yang banyak, sektor swasta diseru hendaklah bersama-sama membantu kerajaan dalam membawa kemajuan ICT di Negara Brunei Darussalam dan sektor swasta juga haruslah bersedia menyahut semua cabaran semata-mata bagi menjayakan ICT. Ini kerana agensi-agensi bukan kerajaan juga memainkan peranan yang amat penting bagi pembangunan ekonomi negara khususnya dalam bidang pelaburan.

Sebenarnya, peluang negara kita dalam mempelbagaikan bidang pelaburan adalah cerah memandangkan kawasan negara kita yang begitu agak strategik. Bukan sahaja pelaburan ICT dapat diketengahkan, malah bidang pelaburan yang lain juga boleh diterokai asalkan adanya daya usaha. Negara kita mudah berurusan dengan negara-negara pengeluar industri terbesar Asia seperti negara Jepun, China dan Korea Selatan melalui perhubungan dua hala yang sedia terjalin. Cuma keperluan kita ialah pembangunan sumber tenaga manusia (HRD) bagi melahirkan tenaga manusia yang pakar dan terlatih menguasai pelbagai bidang.

Kesimpulannya, usaha dalam menggalakkan pelaburan asing ini bukan sahaja terletak di tangan kerajaan sahaja semata-mata. Kerajaan berperanan dalam menyediakan bantuan manakala sektor swasta serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seharusnya berganding bahu dalam menjana dan memantapkan lagi kadar pertumbuhan pelabur asing ke negara ini bagi menaikkan lagi taraf hidup masyarakat kita di masa akan datang.

Awang Ahmad Raji bin Haji Musa,
No. 189, Kampong Penanjong,
Tutong, TA 2741.
No. k/p: 277667

Hubungan perdagangan dapat dijalin

USAHA meningkat dan mengukuhkan ekonomi negara merupakan antara perkara penting yang perlu dilaksanakan oleh sesebuah negara. Maju dan kestabilan sumber ekonomi, bukan saja dapat menjamin kesejahteraan kehidupan rakyat, bahkan dalam melaksanakan apa juga rancangan kemajuan negara. Peruntukan belanjawan negara tidak akan dapat diwujudkan dan tidak akan bermakna tanpa adanya sumber ekonomi dan kewangan serta usaha-usaha seperti menggalakkan pelaburan asing, mempelbagaikan ekonomi, di samping membina strategi dan keyakinan bagi pertumbuhan ekonomi negara yang mapan.

Sesuai dengan perkembangan dan kemajuan negara, pelaburan asing dapat dijadikan sebagai usaha mempelbagaikan ekonomi negara. Selain dapat menjalin hubungan perdagangan dan pelbagai bidang kerjasama dengan negara-negara luar, pelaburan asing akan menjadi sumber terbaik pendapatan negara. Ia juga dapat dijadikan modal menanam keuntungan bagi jangka masa tertentu, di samping usaha-usaha memenuhi permintaan dan pengeluaran sesuatu barangan. Galakan dan memberi keyakinan terhadap pelaburan asing akan dapat membantu pertumbuhan ekonomi tempatan dan negara yang diharapkan.

Dengan pasaran terbuka tanpa cukai yang tinggi atau peraturan yang ketat, pelaburan asing sendiri dapat membantu dalam pertumbuhan ekonomi yang stabil dan persaingan di kalangan sektor perdagangan dan pelaburan. Dengan turut merebut peluang atau berkongsi dengan para pelabur asing, syarikat-syarikat tempatan akan turut maju dan mendapat keuntungan. Keuntungan yang difikirkan dan diperlukan bukan saja dari segi kewangan, malah dari segi menimba pengetahuan dan penggunaan teknologi maklumat dan cara pelaburan yang menguntungkan sama ada bagi jangka pendek atau jangka panjang. Syarikat-syarikat tempatan yang sudah

bertapak mungkin berpeluang bersaing dan melabur bersama atau sekurang-kurangnya dapat memberi keyakinan kepada usaha bersama dalam memajukan ekonomi negara.

Galakan pelaburan asing juga dapat dilaksanakan melalui pameran-pameran perdagangan dan promosi-promosi pelbagai bentuk barangan pengguna dan perniagaan, di samping jaminan dan kestabilan sosio-ekonomi dan persekitaran tempatan yang perlu disediakan. Pelaburan dan perniagaan seperti dalam bentuk pengetahuan kerjaya, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi akan mudah menarik pengguna dan ahli-ahli perniagaan tempatan. Sektor-sektor pembangunan yang sememangnya memerlukan tenaga-tenaga mahir dan teknologi canggih juga berguna sebagai usaha memenuhi keperluan negara untuk terus membangun dan bersaing dalam bidang ekonomi.

Galakan pelaburan asing sepatutnya disambut dengan baik, terbuka dan sebagai cabaran, kerana ia dapat memberi peluang-peluang baru dalam pekerjaan, perniagaan dan persaingan dalam meraih keuntungan. Konsep bersama mendapat untung dan membina pertumbuhan ekonomi negara perlu menjadi matlamat utama untuk menjamin kestabilan ekonomi dan kewangan negara. Kemampuan menghadapi cabaran seperti kegawatan ekonomi dan serangan-serangan untuk melemahkan mata wang negara sebagai misal, akan mampu ditangani dengan usaha-usaha mengukuhkan ekonomi dan memberi jaminan keuntungan kepada pelaburan asing.

Awang Abdul Wahab bin Haji Abdullah,
No. 21G, Kampong Burong Pinggai Ayer,
BM 1126.
No. k/p: 058132

BANDAR SERI BEGAWAN. - Ekspo Perdagangan Antarabangsa boleh menggalakkan peningkatan perniagaan di kalangan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana (SME's) sekali gus menyumbang mewujudkan pertumbuhan ekonomi negara.

Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohd. Alimin menyeru para peniaga yang menyertai ekspo berkenaan agar dapat memberikan tawaran istimewa dengan harga yang berpatutan kepada para pelanggan sepanjang ekspo diadakan.

Beliau turut melahirkan keyakinan pesta itu akan memberi ruang kepada peniaga tempatan untuk memasarkan barangan mereka dan menjadi titik mula bagi memajukan pasaran sama ada di dalam atau di luar negara.

"Ekspo itu juga diharap akan menggalakkan masyarakat tempatan untuk berbelanja di negara sendiri," jelasnya ketika melancarkan ekspo berkenaan di Pusat Perdagangan Bumiputera pada 28 April lalu.

Ekspo Perdagangan Antarabangsa anjuran Syarikat HMI Marketing and Promotion akan mendermakan 50 peratus keuntungan kepada Tabung Pembangunan Tugu Jubli.

Sementara itu, Pengurus Syarikat HMI Marketing and Promotion berharap peniaga tempatan akan berpeluang untuk berinteraksi, berkongsi pengalaman dan menubuhkan kerjasama di kalangan peniaga luar yang turut

serta dalam ekspo berkenaan.

Lebih 50 peniaga tempatan termasuk dari Republik Indonesia, Thailand, Malaysia, Republik Singapura, Iraq, India dan Pakistan menyertai ekspo selama 10 hari itu.

Dari barangan pakaian, peralatan dapur dan perhiasan, produk keperluan harian juga dijual bagi menarik pelanggan.

Kraf tangan tempatan yang diperbuat dari 'buluh' merupakan antara barang yang menjadi perhatian pengunjung.

Oleh Samle Haji Jait

Ekspo Perdagangan Antarabangsa bantu majukan perusahaan SME's

Pengurus Ridah Handicraft, Dayang Hajah Hamidah berkata, hasil kraf tangan pelbagai guna telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

Beliau telah memasarkan produk-produk tersebut sejak tahun 1998 dan kini sedang meningkat dari negara-negara ASEAN kepada negara Jepun, Turki dan Amerika Syarikat.

Ketika ini, beliau mempunyai lebih 40 pekerja termasuk tujuh pekerja sepenuh masa dalam menghasilkan beraneka jenis barangan perhiasan yang diperbuat dari buluh.



PENOLONG Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohd. Alimin menyaksikan Ekspo Perdagangan Antarabangsa anjuran Syarikat HMI Marketing and Promotion. Majlis berlangsung di Pusat Perdagangan Bumiputera di ibu negara. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

Pameran Perdagangan ASEAN-EC 2002 bulan Ogos depan

Oleh Samle Haji Jait

GADONG. - Pusat Pengurusan ASEAN-EC buat julung kalinya akan menganjurkan Pameran Perdagangan ASEAN-EC 2002 di Empire Hotel and Country Club, Jerudong pada bulan Ogos depan.

Ekspo berkenaan akan mempromosikan pelbagai aktiviti perniagaan yang menggabungkan negara-negara ASEAN dan Eropah, sekali gus dijangka akan menarik pelabur-pelabur dan masyarakat peniaga perusahaan kecil dan sederhana di antara ASEAN dan Eropah dalam kerjasama perniagaan.

"Pesta Perdagangan itu juga melibatkan topik mengenai HRD, ICT, pelancongan dan industri pembuatan," jelas Pengurus Kemajuan Urusniaga, Awang Ariffin bin Haji Hassan ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI, di Pusat Pengurusan ASEAN-EC pada 23 April lalu.

Katanya, para peserta ekspo tersebut juga akan berpeluang untuk menyertai kejohanan golf, menyaksikan pertunjukan kebudayaan, persembahan muzik yang dianjurkan khas oleh AEMC dan Yayasan ASEAN.

Ekspo itu dihasratkan bagi meningkatkan hubungan kerjasama di antara negara ASEAN dan

Eropah melalui pengurusan dan hubungan dengan kawasan-kawasan lain yang meliputi kerjasama ASEAN-EC seperti industri, perdagangan, pelancongan serta sains dan teknologi dengan melihat lebih jauh mengenai kerjasama itu.

"Pesta itu juga bagi menyediakan kemajuan dan perkembangan bagi idea-idea baru, konsep, strategi dan polisi yang berhubung kait kepada keperluan jangka panjang ASEAN," jelasnya.

Objektif itu antara lain bagi meningkatkan aktiviti perniagaan dan perdagangan di kalangan ASEAN dan Eropah dan memperkenalkan program perniagaan yang bersesuaian bagi perusahaan kecil dan sederhana (SME's) di kalangan ASEAN-EC.

Ia juga bagi menarik pelabur untuk melabur ke Negara Brunei Darussalam dan ASEAN, di samping menyokong inspirasi nasional bagi perdagangan Brunei dan industri pelancongan, memperkenalkan produk-produk baru, teknologi dan perkhidmatan kepada masyarakat serta mempromosikan Pusat Pengurusan ASEAN-EC sebagai model bagi aktiviti-aktiviti perniagaan.

Gerai-gerai HRD, ICT, produk pelancongan dan perkhidmatan, aktiviti-aktiviti luar, konsultan dan program penyesuaian kepada pembekal dan agensi antara gerai-



PENGURUS Kemajuan Urusniaga, Awang Ariffin bin Haji Hassan menjelaskan, Ekspo Perdagangan ASEAN-EC 2002 dihasratkan bagi meningkatkan hubungan kerjasama antara negara ASEAN dan Eropah. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

gerai yang bakal menarik perhatian peserta dan pengunjung.

Seminar serantau dan persidangan, ekspo siber serta acara-acara khas merupakan antara konsep pameran yang dirancangkan.

Penyertaan dibukakan kepada syarikat-syarikat perniagaan dan organisasi tempatan, negara ASEAN dan Eropah di mana seramai 150 peserta persidangan, 150 peserta pesta perdagangan dijangka akan menyertainya dan dianggarkan lebih dua ribu pelawat setiap hari akan mengunjungi pameran berkenaan.



PENOLONG Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Alimin merasmikan Ekspo Perdagangan Antarabangsa tersebut (atas), sementara gambar bawah antara hasil kraf tangan tempatan yang dijual dan dipamerkan. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.



Sambutan Hari Kebangsaan di luar negara



TYT Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha Pengiran Metasan, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman bergambar dengan TYT Sheikh Abdul Aziz bin Matar Al Azizi, Menteri Perkhidmatan Awam sebagai tetamu kehormat berserta pembesar-pembesar Oman, Ketua-ketua Perwakilan Negara-negara ASEAN dan Dean of Diplomatic Corps selepas acara pemotongan kek sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18.

Manila, Republik Filipina

MANILA. - Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Majlis Resepsi Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-18.

Majlis tersebut berlangsung pada 28 Februari

lalu bertempat di Dusit Hotel Nikko, Makati City dengan dihadiri oleh lebih 300 tetamu. Mewakili Kerajaan Republik Filipina selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Tuan Yang Terutama Franklin

M. Ebdain, Undersecretary for Administration, Department of Foreign Affairs, Republik Filipina. Jemputan yang lain termasuklah bekas Presiden Republik Filipina, Menteri-menteri Kabinet, bekas

Menteri Kabinet, Gabenor, duta-duta besar dan diplomat-diplomat asing, pegawai-pegawai kanan Kerajaan Republik Filipina serta ahli-ahli perniagaan dan pemimpin masyarakat.

Sementara itu Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Kebangsaan Ke-18 juga telah diadakan pada malam Selasa, 22 Februari bertempat di kediaman Awang Haji Abdul Haris bin Haji Tuan, Setiausaha Pertama denganatur cara menunaikan sembahyang fardu Maghrib berjemaah, membaca Surah Yaasin dan Doa Kesyukuran. Majlis turut dihadiri pegawai-pegawai kedutaan serta keluarga, rakyat Negara Brunei Darussalam yang berada di Republik Filipina dan ahli-ahli Jawatankuasa Masjid serta Imam Blue Mosque Manila.



TYT Dato Paduka Haji Yahya Haji Harris, Duta Besar Negara Brunei Darussalam di Manila bergambar bersama tetamu yang hadir. Dari kiri TYT Hasan Sarmad, Duta Besar Republik Pakistan; Bekas Senator Santanina Rasul; TYT Dato Laila Utama Fidel V. Ramos, bekas Presiden Republik Filipina; TYT Dato Paduka Haji Yahya Haji Harris; TYT Saleh Mohammad Al-Ghamdi, Duta Besar Saudi Arabia dan TYT Parouk S. Hussin, Regional Governor, Autonomous Region of Muslim Mindanao (ARMM).

Tehran, Republik Islam Iran

TEHRAN. - Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Ke-18 telah diadakan oleh

Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Tehran, Republik Islam Iran.



GAMBAR menunjukkan Tuan Yang Terutama Haji Ishaq bin Haji Abdullah, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Iran bersalaman dengan Tuan Yang Terutama Mohsen Aminzadeh, Timbalan Menteri Luar Republik Islam Iran bagi Asia dan Pasifik, Kementerian Luar Republik Islam Iran selepas acara pemotongan kek sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18.

Majlis tersebut berlangsung pada 2

Mac lalu bertempat di Daryaye Hall, Hotel Esteghlal, Tehran. Majlis dihadiri oleh seramai 250 jemputan terdiri daripada Duta-duta Besar Negara ASEAN dan isteri masing-masing, duta-duta besar dan diplomat-diplomat kanan dari kedutaan asing, orang-orang kenamaan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Republik Islam Iran.

Mewakili Kementerian Luar Republik Islam Iran ialah Tuan Yang Terutama Mohsen Aminzadeh, Timbalan Menteri Luar bagi Asia dan Pasifik.

Muscat, Kesultanan Oman

KEDUTAAN Besar Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Majlis Resepsi bagi merayakan Hari Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-18 pada 3 Mac lalu di Grand Hyatt Hotel, Muscat, Kesultanan Oman. Seramai 400 orang diaf telah hadir di majlis tersebut antaranya terdiri daripada orang-orang kenamaan Oman, diplomat-diplomat, ahli-ahli perniagaan dan masyarakat ASEAN di Kesultanan Oman.

Pihak Kerajaan Kesultanan Oman telah mengatitkan Tuan Yang Terutama Sheikh Abdul Aziz bin Matar Al Azizi, Menteri Perkhidmatan Awam sebagai tetamu kehormat di majlis tersebut terma-

suk lima orang Setiausaha Rendah (Undersecretaries); seorang ahli Majlis Negara; seorang ahli Majlis Ashura; Penolong Ketua Angkatan Tentera bagi Operasi dan Perancangan dan Ketua Jabatan Asia, Ketua Protokol serta Ketua Jabatan Pertubuhan-pertubuhan Persidangan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Kesultanan Oman.

Majlis yang dihadiri oleh ramai para tetamu dan pembesar negara merupakan sebagai suatu penghormatan tinggi dan penghargaan terhadap negara kita. Para hadirin berkesempatan menikmati pelbagai juadah tradisi Brunei yang dihidangkan dan secara tidak langsung memperkenalkan tradisi makanan Brunei.



DATIN Norfishah Jirim, isteri Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman bergambar bersama isteri-isteri duta asing dan Puan Yang Terutama Rajiha binti Amin bin Ali, Setiausaha Rendah, Hal Ehwal Pembangunan, Kementerian Ekonomi Negara Oman (sebelah kiri).



TUAN Yang Terutama Haji Abdul Ghafar bin Haji Ismail, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di New Delhi, India (kanan) dan isteri, Dayang Hajah Aishah binti Haji Mohd. Hussin (kiri) bergambar dengan tetamu kehormat, Leftenan Gabenor Vijai Kapoor, wakil Kerajaan India dan isteri di Majlis Resepsi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 diadakan di Maurya Sheraton Hotel & Towers, New Delhi, India pada 26 Februari lalu.

New Delhi, Republik India

INDIA. - Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di New Delhi, India telah mengadakan Majlis Resepsi sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18.

Majlis Resepsi itu berlangsung pada 26 Februari lalu di Maurya Sheraton Hotel & Towers, New Delhi. Mewakili Kerajaan India selaku tetamu kehormat di majlis itu ialah Leftenan Gabenor Vijai Kapoor.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Mohiddin menerima penerangan ringkas mengenai gambar yang diambil oleh Awang Ismail bin Omar, juara Peraduan Fotografi anjuran Pusat Sejarah sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18. - Gambar oleh Hamadi HM.

Awg. Ismail Omar juara Peraduan Fotografi

Oleh Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN. - Majlis Penyampaian Hadiah dan Perasmian Pameran/Peraduan Fotografi acara-acara kemuncak sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam antara tahun 1984 hingga 2002 sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18.

Menduduki tempat kedua ialah Awang Haji Md. Said bin Matarsad menerima hadiah wang tunai sebanyak \$1,000.00 beserta sijil penyertaan dan tempat ketiga, Awang Hatman bin Haji Buang menerima wang tunai \$700.00 beserta sijil penyertaan.

Sementara lima orang penerima hadiah sagu hati yang masing-masing menerima wang tunai sebanyak \$200.00 beserta sijil penyertaan telah dimenangi oleh Awang Haji Ahmad bin Haji Yusof, Awang Haji Matzain bin Haji Menudin, Awang Haji Amat bin Haji Moksini, Danyang Halimah binti Mering dan Awang Irewan bin Haji Muhammad.

Tujuan atau objektif peraduan itu diadakan ialah untuk mengumpulkan bahan-bahan yang mempu-

nyai nilai-nilai sejarah yang ada hubungannya dengan acara-acara kemuncak sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam antara tahun 1984 hingga 2002 bagi menimbulkan minat dan menggalakkan orang ramai merakamkan gambar-gambar mengenai peristiwa bersejarah di tanah air khususnya untuk tatapan dan ristaan kepada generasi-generasi masa kini dan akan datang.

Di samping itu juga ia-nya boleh dijadikan bahan-bahan rujukan, maklumat dan pengetahuan untuk orang ramai.

Peraduan itu telah dibukakan kepada orang ramai yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam kecuali pegawai dan kakitangan Pusat Sejarah dan hakim-hakim peraduan. Penghakimannya telah dijalankan pada 13 April lalu dengan melantik tiga orang panel hakim.

Seramai 15 orang telah menyertai peraduan tersebut dan sebanyak 21 folio telah dipertandingkan.

Peraduan itu telah dibukakan kepada orang ramai yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam kecuali pegawai dan kakitangan Pusat Sejarah dan hakim-hakim peraduan. Penghakimannya telah dijalankan pada 13 April lalu dengan melantik tiga orang panel hakim.

Seramai 15 orang telah menyertai peraduan tersebut dan sebanyak 21 folio telah dipertandingkan.

Peraduan itu telah dibukakan kepada orang ramai yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam kecuali pegawai dan kakitangan Pusat Sejarah dan hakim-hakim peraduan. Penghakimannya telah dijalankan pada 13 April lalu dengan melantik tiga orang panel hakim.

Seramai 15 orang telah menyertai peraduan tersebut dan sebanyak 21 folio telah dipertandingkan.



Apresiasi teater tarik minat masyarakat

Oleh Abu Bakar HAR

SUNGAI AKAR. - Teater merupakan salah satu genre sastera yang kurang diperhatikan dan kurang

populer untuk dibincangkan secara formal di kalangan masyarakat Brunei.

Dalam usaha memberi galakan, Persatuan Mahasiswa dan Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam (UBD) melalui Kelab Rakis dan Kelab Teater de-

ngan kerjasama Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan UBD baru-baru ini telah mengadakan Apresiasi Teater.

Apresiasi Teater yang berlangsung selama dua hari bermula 20 April lalu

telah dibuka rasmi oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakyr yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Dato Paduka dalam ucapannya selaku wakil Setiausaha Tetap KKBS berkata, Apresiasi Teater itu merupakan usaha untuk mempraktikkan teori-teori dan elemen teater yang diajarkan dalam Kursus Drama Melayu.

Majlis yang diadakan malam itu dihasratkan untuk memasyarakatkan teater sebagai alat untuk menyampaikan maklumat.

Dalam ucapan pembukaan tirai, Profesor Dato Dr. Hashim Awang menyatakan, sesebuah drama yang ditulis atau dikaji tidak menjadi lengkap kiranya tidak dipentaskan atau dipraktikkan walaupun ada bentuk drama yang tergolong sebagai drama bacaan.

Dalam amali inilah, jelas beliau, kita akan dapat melihat kemampuan para pelajar menghayati sepenuhnya karya-karya drama yang ditulis, dibaca dan dikaji.

"Kerana dalam amali secara pentasannya beginilah mereka dapat benar-benar menghidupkan segala apa yang tertulis dan tergambar dalam karya dengan penuh perasaan dan kesungguhan," tambah beliau.

Majlis itu bermula dengan persembahan beberapa buah teater yang antaranya disampaikan oleh Kumpulan Pesaka Warisan Bangsa.

Drama yang bertemakan masalah remaja itu memaparkan masalah yang dihadapi oleh seorang remaja yang terjerumus ke dalam kancas dadah yang berkesudahan akhirnya kembali ke dalam kehidupan masyarakat yang normal.

Rasional apresiasi itu diadakan untuk memasyarakatkan seni teater dan mengentengahkan pencinta seni dalam bidang teater.

Sementara itu objektif utama Apresiasi Teater diadakan ialah untuk memberi pengalaman dan pendedahan kepada mahasiswa dan mahasiswi terhadap praktis drama dan teater serta untuk mengembangkan seni sastera khususnya dalam bidang teater di negara ini.

Antara isi kandungan apresiasi tersebut diungkapkan termasuklah sesi kuliah, bengkel dan persembahan teater oleh mahasiswa dan mahasiswi yang mengikuti Kursus Drama Melayu Ke-3, 2002.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakyr ketika berucap merasmikan Apresiasi Teater anjuran Persatuan Mahasiswa dan Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PERSEMBAHAN teater dari Kumpulan Pesaka Warisan Bangsa yang memaparkan masalah yang dihadapi oleh remaja. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Yusof Holdings beri sumbangan derma

Oleh Ak. Jeffery PD

BANDAR SERI BEGAWAN. - Insan-insan istimewa di negara ini terus mendapat perhatian dan bantuan dari pihak-pihak yang prihatin sebagai petanda mereka tetap dihargai dan tidak disisihkan oleh masyarakat sekeliling.

Baru-baru ini Yusof Holdings Sendirian Berhad telah bermurah hati meraikan mereka dan memberikan sumbangan

derma barangan mentah berupa beras, gula, susu, teh, nescafe, biskut serta telur kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam di majlis yang berlangsung di pusat tersebut pada 27 April lalu.

Pengarah Eksekutif Yusof Holdings Sendirian Berhad, Dayang Hajah Zariah binti Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohd. Yusof di majlis itu juga telah meluahkan masa beramah mesra dengan insan-insan istimewa selain diberikan taklimat mengenai perkembangan pusat itu dari Pengurusnya, Pengiran Haji Tajudin.

Dari masa ke semasa, Yusof Holdings Sendirian Berhad sentiasa bersedia untuk memberikan apa jua bentuk bantuan yang dirasakan dapat disumbangkan kepada pusat tersebut.

PENGARAH Eksekutif Yusof Holdings Sendirian Berhad, Dayang Hajah Zariah binti Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohd. Yusof ketika beramah mesra bersama insan-insan istimewa di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampong Bengkurong. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



GRAND Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bersabda merasmikan Kursus Adat Istiadat, Protokol dan Penyambut Tetamu. Majlis berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam. - Gambar oleh Masri Osman.

Perkayakan diri dengan adat resam dan budaya orang Brunei

Oleh
Haji Ahmad HS

GADONG. - Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin menyarakkan agar para peserta kursus akan sentiasa berusaha untuk memperkayakan adat resam orang Brunei, baik aspek tutur bahasa sehingga membawa kepada adat istiadat yang bersifat kenegaraan, supaya budaya Brunei akan sentiasa dinamik dan tidak statik serta dapat bertahan dalam apa juga perubahan masa.

Yang Amat Mulia bersabda demikian di Majlis Perasmian Kursus Adat Istiadat, Protokol dan Penyambut Tetamu anjuran Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dengan kerjasama Jabatan Adat Istiadat Negara berlan-

sung di IPA, Rimba di sini pada 22 April lalu.

Menurutnya para peserta juga akan memperolehi manfaat dengan berpeluang bertukar-tukar fikiran dan pandangan serta mendalami pengetahuan dalam pelbagai bidang yang merangkumi adat resam dan tatasusila yang mengawal kemajlisian dalam kehidupan orang-orang Brunei, sesuai dengan falsafah 'Melayu Islam Beraja'.

Kursus tersebut akan lebih dipandang relevan untuk menangkis elemen-elemen yang dipanggil 'budaya global' yang tidak menentu yang cuba mempengaruhi dan mencabar kehidupan kita, ujarnya.

Yang Amat Mulia seterusnya bersabda segala ilmu pengetahuan yang diperolehi itu akan dapat dihayati dan dipertikaikan dalam kehidupan seharian, baik di tempat kerja, persekitaran masyarakat se-

tempat dan juga di rumah bagi meneruskan kehidupan bangsa Brunei yang beradab dan sentiasa bersopan santun yang diwarisi sejak berzaman-zaman.

Seramai 90 orang peserta yang mewakili jabatan-jabatan kerajaan dan Syarikat Minyak Brunei Shell mengikuti kursus tersebut yang berjalan selama lima hari. Dua buah jabatan kerajaan terlibat mengendalikan kursus tersebut yang diadakan di IPA pada hari pertama dan kedua dan pada hari ketiga sehingga kelima di Jabatan Adat Istiadat Negara.

Sepanjang kursus para peserta mendengar ceramah yang berkaitan dengan adat istiadat dan diberikan tunjuk cara menaruh simpati dan cara berpakaian, menambatkan dasar serta membuat lawatan ke beberapa jabatan kerajaan termasuk ke Bangunan Alat Kebesaran Diraja,

Muzium Teknologi Melayu dan ziarah ke makam-makam sultan.

Kursus antara lain bertujuan memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada pekerja-pekerja baru yang terlibat dalam kerja protokol dan penyambut tetamu, memperbaiki kelemahan dan kekurangan yang ada dengan menguasai, membiasai, menyelidik dan menambah pengalaman dengan cara berkongsi kepakaran bersama rakan-rakan yang lain agar dapat disalurkan kepada orang lain dan memberikan garis panduan yang boleh diterima untuk diamalkan dan menjadikan para peserta orang yang benar-benar berwisata dalam kerja protokol.

Kursus bertemakan 'Memperkasa Keupayaan Bangsa' dianjurkan buat kali kedua dan kali pertama telah diadakan dalam tahun 1993.



GAMBAR ramai para pemenang dan penerima hadiah sagu hati Peraduan Melukis Poster Sempena 20 Tahun Penubuhan Biro Mencegah Rasuah. - Gambar ihsan Biro Mencegah Rasuah.

PERTANDINGAN KEBERSIHAN DAN LANDSKAP BAGI DAERAH BELAIT 2002

KUALA BELAIT. - Daerah Belait akan menganjurkan Pertandingan Kebersihan dan Seni Bina Landskap sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56 bagi tahun 2002.

Ia akan dibahagikan kepada sepuluh kategori, iaitu kategori perumahan negara dan rakyat jati, kategori rumah awam, kategori bangunan kediaman kerajaan, kategori rumah kediaman Brunei Shell, kategori sekolah rendah kerajaan dan bukan kerajaan dan vokasional, kategori bangunan-bangunan kerajaan dan bangunan swasta, kategori balai-balai polis dan bomba kerajaan dan swasta, kategori masjid dan surau-surau dan kategori khas.

Tujuan pertandingan itu diadakan bagi memberi kesedaran kepada semua peringkat masyarakat mengenai kepentingan alam sekitar yang bersih, selesa serta indah melalui seni bina landskap, di samping untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam seni bina landskap, memupuk semangat pertandingan yang sihat dalam bidang tugas dan pengurusan alam sekitar serta meningkatkan dan menegakan daya kreatif dalam bidang seni bina landskap.

Penyertaan adalah terbuka kepada penduduk di Daerah Belait sahaja. Borang-borang penyertaan boleh didapati dan dihantar tidak lewat pada hari Khamis, 30 Mei 2002, jam 4.00 petang, kepada Setiausaha Bersama Pertandingan, Dayang Meriani binti Abdul Rahman di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Bangunan Pejabat Daerah Belait atau Dayang Hajah Kamarhian binti Haji Abdul Aziz di CEA/222, Syarikat BSP Sendirian Berhad, Penaga, Seria.

Rasuah boleh dihindari sebelum terjadi

BERAKAS. - Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Melukis Poster Sempena 20 Tahun Penubuhan Biro Mencegah Rasuah telah diadakan pada awal bulan April di Bangunan Ibu Pejabat Biro Mencegah Rasuah (BMR), Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh tetamu kehormat majlis, Abang Haji Kifrawi bin Orang Kaya Abang Haji Abu Hanifah, Pemandu Timbalan Pengarah Biro Mencegah Rasuah.

Dalam kata alu-aluannya di majlis itu, beliau menjelaskan bahawa ilustrasi yang disampaikan oleh kebanyakan peserta banyak memaparkan kesan yang negatif iaitu mengenai kesedaran mereka yang terjejak dalam kegiatan rasuah dijatuhi hukuman denda dan penjara.

Sedikit sekali yang memaparkan suasana yang positif seperti yang dianjurkan oleh slogan yang telah disediakan. 'Tiada Rasuah, Negara Bermaruah, Rasuah Disekat, Negara Berkat' dan 'Rasuah Dihina Maruah Dibina'.

Kegiatan rasuah boleh dihindari sebelum ianya terjadi, samalah seperti usaha pihak-pihak berkenaan dengan penyakit berjangkit - mencegah itu lebih baik daripada merawatnya, di samping usaha pencegahannya dan hukuman yang dikenakan.

Oleh yang demikian adalah menjadi hasrat BMR untuk mempergiatkan usaha-usaha pencegahan sebanding dengan usaha-usaha penyalasan dalam membendung kegiatan rasuah. Peraduan tersebut sebagai langkah ke arah mempergiatkan usaha-usaha pencegahan bagi memupuk kesedaran masyarakat mengenai keburukan dan akibat kegiatan rasuah.

Peraduan itu juga bertujuan untuk memberi peluang kepada pelukis-pelukis, orang ramai termasuk penuntut-penuntut sekolah dan juga pegawai dan kakitangan kerajaan serta sektor swasta untuk mencungkil bakat dalam seni lukis dan menye-

barluaskan maklumat dan pengetahuan mengenai risiko-risiko kegiatan rasuah dan pencegahannya melalui lukisan-lukisan poster. Peraduan mempunyai dua tema iaitu 'Tiada Rasuah, Negara Bermaruah, Rasuah Disekat, Negara Berkat' dan 'Rasuah Dihina, Maruah Dibina'.

Peraduan dibahagikan kepada Bahagian A, B dan C. Bahagian A bagi orang ramai, mahasiswa universiti dan institusi pengajian tinggi, Bahagian B bagi penuntut sekolah menengah atas dan Bahagian C bagi penuntut sekolah menengah bawah.

Bahagian A mempunyai dua kategori iaitu I dan II. Kategori I poster dilukis sepenuhnya dengan cara konvensional (drawing by hand) dan Kategori II poster direka bentuk dengan bantuan komputer (computer generated). Manakala Bahagian B dan C adalah dihadkan kepada poster yang dilukis sepenuhnya dengan cara konvensional (drawing by hand).

Pemenang-pemenang Bahagian A dalam Kategori I ialah pertama, Awang Marsidi bin Omar; kedua, Pengiran Metarsad bin Pengiran Jaafar dan ketiga, Pengiran Omarali bin Pengiran Haji Mahari. Sementara dalam Kategori II, pertama, Awang Abdul Rahman bin Ahmad; kedua, Awang Rozaeni bin Haji Kamis dan ketiga, Awang Ajihi bin Haji Terawih.

Pemenang-pemenang Bahagian B ialah pertama, Dayang Siti Maisarah binti Emran dari Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khatib, Kampung Lumapas; kedua, Awang Mohammad Nur Zunnur bin Jasni dari Sekolah Menengah SMJA, Bandar Seri Begawan dan ketiga, Dayang Yapp Poi Chee dari Sekolah Menengah Chuang Hua, Kuala Belait. Sementara pemenang-pemenang Bahagian C pertama, Awang Chia Kok Hou; kedua, Dayang Leong Wei Zhen kedua-duanya penuntut Sekolah St. Margaret, Seria dan ketiga Dayang Siti Nurfaiz binti Mahali dari Sekolah Menengah Sayyidina Ummar Al-Khatib, Kampung Lumapas.

UNTUK menjamin keselamatan negara daripada anasir-anasir yang tidak diingini yang boleh merosakkan ketenteraman negara, agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang negara terus melipatgandakan usaha ke arah menentukan kestabilan, keselamatan dan keharmonian negara dengan melancarkan Operasi Bersepadu DPJ 6 baru-baru ini.

Operasi Bersepadu DPJ 6 melibatkan 55 anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dari Daerah Polis Jerudong, Balai Polis Sengkuring dan Balai Polis Limau Manis diketuai oleh DSP Haji Mohd. Hassan bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Penolong Pegawai Pemerintah Daerah Polis Jerudong dengan dibantu oleh 18 anggota Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas, 6 anggota Biro Kawalan Narkotik, 15 anggota Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, 19 anggota Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, 25 anggota Jabatan Pengangkutan Darat dan 55 anggota Bahagian Penguatkuasa Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah.

Operasi pada 25 April lepas itu bermula pada jam 8.30 malam hingga kira-kira 11.45 malam melibatkan sekatan jalan raya di 11 tempat secara serentak iaitu KM 13 Jalan Tutong, Kg Kilanas, Lebuhraya Muara-Tutong (dekat Bukit Shahbandar), Jalan Mulaut/Limau Manis, Jalan Kuala Lurah, Limau Manis, Kg Junjung (Sungai Penda-haruan), Lebuhraya Tungku Link (dekat JIS/UBD), Jalan Tutong (dekat Shell Bunut), Kg Lumapas (dekat simpang ke Pandan), Kg Telisai, KM 13 Jalan Tutong/Seria, KM 28 Kg Kupang (Sg Kelukos) dan Jalan Batang Mitus (Lamunin).

Bantuan bagi menjalankan sekatan jalan raya diperolehi dari Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas, Daerah Polis Brunei dan Daerah Polis Tutong bagi memastikan laluan keluar dan masuk ke Daerah Polis Jerudong dikawal rapi. Anggota-anggota daerah polis berkenaan membuat sekatan jalan raya di kawasan masing-masing yang bersempadan dengan Daerah Polis Jerudong.

Semasa pemeriksaan, 61 kes kesalahan lalu lintas telah dilakukan (belum termasuk jumlah kes dari Jabatan Kawalan dan Siasatan Lalulintas) termasuk kesalahan-kesalahan memandu tanpa lesen, tidak menampalkan cukai jalan, ukuran plet pendaftaran tidak mengikut peraturan dan lain-lainnya.

Dalam sekatan jalan raya pegawai-pegawai Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan menahan 7 warganegara asing kerana gagal menunjukkan dokumen perjalanan yang sah, empat daripadanya dibawa ke Balai Polis Sengkuring, seorang ke Balai Polis Limau Manis dan dua ke Balai Polis Pusat Bandar Seri Begawan bagi siasatan lanjut.

Kesemua tangkapan dihantar ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk diproses dan akan diadapakan bagi pendakwaan jika didapati menyalahi undang-undang.

Pada masa yang sama Biro Kawalan Narkotik juga menjalankan tangkapan terhadap seorang lelaki warganegara tempatan kerana dipercayai memiliki dadah terkawal (2 paket Syabu) bersama peralatannya dan dibawa ke Ibu Pejabat Biro Kawalan Narkotik bagi siasatan lanjut.

Dalam operasi tersebut, Pegawai-pegawai Penguatkuasa Ugama, Jabatan Hal Ehwal Syariah juga turut menahan 9 orang lelaki warganegara tempatan kerana dipercayai meminum minuman yang memabukkan semasa sekatan jalan raya dilakukan.

Operasi Bersepadu DPJ 6 Daerah Polis Jerudong yang dilaksanakan kali ke-6 pada tahun ini oleh agensi-agensi penguatkuasa undang-undang bertujuan membuat pemeriksaan dan sekatan jalan raya di kawasan-kawasan Daerah Polis Jerudong dan Daerah Polis yang bersempadan dengannya iaitu

Daerah Polis Brunei dan Daerah Polis Tutong. Ia juga sebagai salah satu langkah mempertingkatkan pencegahan jenayah menjelang ASEAN Ministerial Meeting (AMM), ASEAN Regional Forum (ARF) & Post-

OPERASI BERSEPADU DPJ 6 USAHA KE ARAH MEMBANTERAS ANASIR JAHAT

Oleh Ak. Jefferi PD



GAMBAR HIASAN ... Pasukan Polis Diraja Brunei ketika mengadakan Operasi Bersepadu dengan mengadakan sekatan jalan raya bagi memastikan para pengguna jalan raya sentiasa mematuhi undang-undang keselamatan jalan raya.

Ministerial Meeting (PMC) 2002 yang akan diadakan pada akhir bulan Julai nanti.

Selain daripada kesalahan-kesalahan lalu lintas, operasi ini juga menumpukan perhatian kepada kesalahan-kesalahan lain seperti memiliki barang curi, senjata berbahaya, dadah terkawal, barang-barang tegahan kastam, kesalahan agama dan imigresen. Senarai kereta curi juga dibawa bagi rujukan semasa pemeriksaan tersebut dijalankan.

Statistik tangkapan semasa operasi tersebut dijalankan adalah seperti berikut:-

JENIS KESALAHAN	JUMLAH TANGKAPAN	JANTINA	WARGA NEGARA
Akta Imigresen	3 orang	Lelaki	Bangladesh
Akta Imigresen	2 orang	Lelaki	India
Akta Imigresen	1 orang	Lelaki	Thailand
Akta Imigresen	1 orang	Lelaki	Pakistan
Akta Dadah	1 orang	Lelaki	Brunei
Akta Agama	9 orang	Lelaki	Brunei

Sementara statistik kesalahan lalu lintas yang telah didapati semasa Operasi Bersepadu kali keempat bagi tahun 2002 pada 26 Mac 2002 pula adalah seperti berikut:-

DAERAH POLIS JERUDONG:-

JENIS KESALAHAN	JUMLAH KESALAHAN
Tidak ada lesen memandu	3 kes
Tidak ada hon	6 kes
Tidak menampal Cukai Jalan	10 kes
Tayar keluar dari mud guard	1 kes
Lampu plet lesen tidak menyala	6 kes
Lampu besar hadapan tidak menyala	2 kes
Lampu belakang tidak menyala	1 kes
Plet lesen tidak ikut peraturan	10 kes
Stering Sport	5 kes
Silencer bising	7 kes

Jumlah Kes: 51

DAERAH POLIS TUTONG:-

JENIS KESALAHAN	JUMLAH KESALAHAN
Tidak ada lesen memandu	1 kes
Cukai Jalan mansuh	2 kes
Lampu brek tidak menyala	1 kes
Lampu belakang tidak menyala	2 kes
Plet lesen tidak ikut peraturan	1 kes
Silencer bising	1 kes

Jumlah kes: 8 kes.

DAERAH POLIS BERAKAS:-

JENIS KESALAHAN	JUMLAH KESALAHAN
Lampu plet lesen tidak menyala	2 kes
Plet lesen tidak ikut peraturan	1 kes
Stering Sport	2 kes

Jumlah kes: 5

JABATAN SIASATAN KAWALAN LALULINTAS:-

JENIS KESALAHAN	JUMLAH KESALAHAN
Cukai Jalan mansuh	5 kes
Tidak ada lesen memandu	2 kes
Tidak ada hon	2 kes
Tidak menampal Cukai Jalan	4 kes
Lampu plet lesen tidak menyala	5 kes
Plet lesen tidak ikut peraturan	1 kes
Sun X	3 kes
Potong spring	2 kes
Tayar nampak benang	4 kes
Bawa barang tidak pasang jala	2 kes
Plet lesen tidak cukup ukuran	7 kes
Tidak ikut arahan Polis	1 kes
Tidak pasang On Tow	1 kes
Tidak berhenti lampu merah	1 kes
Parking tempat No Parking	1 kes
Lampu besar hadapan warna lain	1 kes
Silencer bising	10 kes
Stering Sport	5 kes

Jumlah Kes: 57

DAERAH POLIS BRUNEI:-

JENIS KESALAHAN	JUMLAH KESALAHAN
Plet lesen tidak ikut ukuran	7 kes
Tidak pasang tali pinggang keselamatan	1 kes
Lampu belakang sebelah kanan tidak berfungsi	1 kes
Silencer Bising	1 kes
Spoiler	1 kes
Plet lesen depan pecah	1 kes
Tayar nampak benang	1 kes
Stering Sport	1 kes

Jumlah Kes: 14

Statistik keseluruhan jumlah kesalahan adalah seperti berikut:-

JENIS KESALAHAN	JUMLAH KESELURUHAN
Tidak ada lesen memandu	6 kes
Tidak ada hon	8 kes
Tidak menampal Cukai Jalan	14 kes
Tayar keluar dari mud guard	1 kes
Lampu plet lesen tidak menyala	13 kes
Lampu besar hadapan tidak menyala	2 kes
Lampu belakang tidak menyala	4 kes
Plet lesen tidak ikut peraturan	13 kes
Stering Sport	13 kes
Silencer bising	19 kes
Cukai Jalan mansuh	7 kes
Sun X	3 kes
Potong spring	2 kes
Tayar nampak benang	5 kes
Bawa barang tidak pasang jala	2 kes
Plet lesen tidak cukup ukuran	14 kes
Tidak ikut arahan polis	1 kes
Tidak pasang On Tow	1 kes
Tidak berhenti lampu merah	1 kes
Parking tempat No Parking	1 kes
Lampu besar hadapan warna lain	1 kes
Spoiler	1 kes
Plet lesen hadapan pecah	1 kes
Lampu brek tidak menyala	1 kes
Tidak pasang tali pinggang keselamatan	1 kes

Jumlah keseluruhan kes: 135

NOKTAH SEBUAH IMPIAN

OLEH Lyla Manja

APA lagi yang dikehendaki oleh makhluk yang bergelar insan di dunia ini selain dari kesenangan, kemewahan dan kebahagiaan. Tapi tidak semua yang mengimpikannya, bagi yang berfikir jauh, kesederhanaan dalam hidup adalah memadai. Apalah erti kesenangan dan kemewahan jika hati tak tenteram. Sedangkan ketenteraman dan ketenangan adalah rahmat yang melimpah-ruah.

Entah berapa lamakah Riyana melamun dalam masa sehari. Lamunan yang tak mungkin menjadi kenyataan. Timbul di hatinya perasaan berontak yang amat sangat, sambil menyalahkan perasaan yang entah dia sendiri tak tahu makna sebenarnya. Rasanya selagi belum diluahkan perasaan itu pasti akan memakan dirinya sendiri, ia takut hati kurniaan Tuhan yang hanya sekeping itu akan terbakar menjadi debu. Kini Anna masih lagi mencari-cari penawarnya.

"Anna... dah nak masuk tidur ke?" Tanya mak Anna sebaik saja melintasi bilik tidur anak kesayangannya.

"Ya le mak... tapi Anna rasa Anna nak tengok hasil kerja Anna petang tadi di 'on-line,' itu pun kalau Anna dapat masuk nanti," jelas Anna.

Melayari dunia siber memang sudah menjadi kebiasaan bagi Anna kerana itu adalah salah satu daripada tugas harian yang diamanahkan padanya, memantau mana-mana berita dalam negeri yang kurang sesuai untuk diterbitkan secara 'on-line'.

Matanya masih belum mengantuk lagi, tambahan pula esok adalah hari kelepasan awam bolehlah dia mengisi masanya dengan melayari dunia internet

'DUNIA TANPA SEMPADAN' terfikir pula di hatinya untuk masuk ke halaman sembang-sembang yang selalu diperkatakan oleh teman-teman sekerjanya.

Memang mudah. Dalam beberapa saat saja dunia bersembang tanpa suara dan wajah dapat disinggahi. Banyak yang menyapanya, timbul pula keraguan di hatinya hendak menyahut sapaan maklumlah bersembang pun macam 'magic' dan rata-rata semua menggunakan nama samaran.

"Hai," sapa seorang pemuda yang ingin bersembang dengannya.

"Hai..." sahut Anna.

"U ni dari mana?" Tanya pemuda itu.

"Alaaa... u ni, le dulu u darimana ni ha?"

"KL... dan u pulak?" Terang pemuda itu.

"I ni dari bru," jelas Anna.

"Bru tu apa?"

"Bruni u taukan?" beria-ia benar Anna memberi penjelasan.

Bermulalah persembangan yang panjang pada malam itu. Masing-masing asyik kenal-mengenal diri hingga akhirnya sama menyatakan alamat e-mel semata-mata untuk menjalinkan perhubungan.

Malam itu Anna tidak pula merasa mengantuk malah ia asyik dengan perbualannya dengan pemuda yang entah dia sendiri belum bisa membayangkan hati dan budinya.

Besoknya dengan rasa malas Anna bangun dari tempat tidurnya. Maklumlah hari kelepasan awam. Selesai mandi dan sarapan Anna teringat tentang perbualannya semalam bersama pemuda 'magic'.

Komputer notebook yang memang tidak dimatikan dari semalam di hampirinya. Cuba-cuba membuka e-melnya YES ternyata pemuda semalam beria-ia benar menghantar e-mel pada Anna.

Hari berlalu, musim berganti saling bersembang dan menghantar e-mel dengan ucapan-ucapan yang cukup untuk melembutkan hati seorang wanita seperti Anna, malah tak cukup dengan itu gambar turut disisip sama melalui e-mel.

Aduhai, hati mana yang tidak tertanyanya, hati mana yang tidak tersentuh, betapa jujurnya pemuda itu pada Anna.

"Anna sayang, u sudah terima mel I ke?" Tanya pemuda itu.

"Ya, baru saja I buka," jelas Anna.

"U ni memang orang yang jujur, handsome pulak tu," spontan Anna menyatakan rasa hatinya.

CERPEN

"C'mmon sayang... Macam mana u buat judgement pada I ni, takkanlah daripada gambar I tu je." Semacam merayu bunyi perkataan demi perkataan yang diluahkan oleh pemuda itu.

"Ye le tu, Anna faham," Anna menjawab bersahaja.

Bermula lagi persembangan yang panjang dalam sedar tak sedar Anna mencurahkan perasaannya pada pemuda 'magic' itu permata kali dia melihat gambar yang disisipkan di dalam e-mel.

"Anna my dear, u nak relationship kita ni jadi macam mana?" Cukup untuk meruntuhkan iman Anna dengan pertanyaan pemuda itu.

"Entahlah, u mahukan yang macam mana?" Tanya Anna kembali pada pemuda itu.

"Are we friends, close friends, pen pal or are we lovers?" Macam bersemangat bila diteliti perkataan demi perkataan yang disampaikan oleh pemuda itu.

Berdegup jantung Anna meneliti kata-kata pemuda itu, mana tidaknya, selama ini tiada siapa yang tahu akan perasaannya yang sentiasa resah gelisah tidak keruan.

Malam itu terasa benar kesayuan di hati Anna, hanya Tuhan saja yang tahu betapa perasaannya berkecamuk di waktu itu.

"Ha, Anna anak mak ni puasa ke hari ini?" Tegur mak Anna bersahaja bila nampak keceriaan di wajah anak kesayangannya itu.

"Ya mak, Anna puasa.... Maaak... Semalam Anna tak dapat tidur lah mak," dengan nada manja Anna menyatakan keresahannya pada maknya.

"Eh... budak ni kenapa pulak?" Tanya mak Anna kehairanan.

"Entahlah mak Anna rasa banyak macam-macam." Nampak benar kegembiraan yang sukar dimengertikan pada wajah Anna.

"Buang tabiat le Anna tu agaknya." Kata

.....
**"YA TUHAN...
 mengapa aku jadi
 begini, adakah aku
 sudah hilang
 pertimbangan?"
 jiwa Anna benar-benar
 memberontak.**

mak Anna dengan muka yang berkerut kehairanan.

Hari-hari yang dilalui Anna sentiasa berkhayal, sukar dinifikannya. Ya Tuhan... Wajah dan kata-kata pemuda itu sering menghantuinya, sehinggakan makan tak lalu, mata tak mahu lelap sungguh sukar untuk dimengertikannya.

"Anna sayang... I nak tanya ni, adakah u benar-benar sayang I?" Lembut benar pertanyaan pemuda itu.

"Entahlah," Anna menjawab lesu.

"Rasanya I sayang pada u tu," jelas Anna lagi.

"Tapi sayang cara kita ni 'risky' tau," kata pemuda itu.

"I tak kisah," terang Anna penuh keyakinan.

"Kita ni kan jauh... terpisah oleh Laut China Selatan," ada keraguan di hati pemuda itu.

"Kan dah I cakap tadi I tak kisah," terlalu yakin Anna melafazkan kata-kata itu.

"Takkanlah kita macam ni buat selama-lamanya, dibuai perasaan, sedangkan kita mesti memikirkan masa depan yang panjang... life must go on sayang. Terpampang jelas perkataan demi perkataan yang dihantar oleh pemuda itu pada Anna.

Tersentak Anna dari lamunan bila memikirkan kata-kata pemuda itu ternyata ada kebenarannya tadi. Tapi ia tak boleh menipu perasaannya di waktu itu. Anna terasa sayu. Tak sedar air matanya mengalir, Anna menangis sepuas-puasnya.

"Ya Tuhan... mengapa aku jadi begini, adakah aku sudah hilang pertimbangan?" Jiwa Anna benar-benar memberontak.

Kakinya terasa lemah, sudah dari semalam dia tidak menjamah hidangan, sarapan, makan tengah hari, hinggakan makan malam langsung tak dijamahnya. Air ditelan bagaikan tersekat di kerongkongnya, perasaannya benar-benar tersekat di saat itu.

Ditenung, ditatapnya gambar pemuda 'magic' luruh hatinya mengenangkan hari-hari yang ceria. Rupanya hanyalah sementara.

"Anna mulai hari ini. Please no more feeling, no more dear and no more sayang, janganlah kita asyik dibuai perasaan saja sedangkan masa depan yang panjang harus kita fikirkan." Beria-ia benar pemuda itu merayu pada Anna.

Ya Tuhan. Apakah erti semua kata-kata itu. Apakah itu penutup satu pertemuan yang tak pernah terjalai? Kerana selama ini jalinan kasih hanyalah melalui dunia siber.

Anna menyalahkan dunia siber yang memang tak pernah dan tak mungkin akan faham apakah erti perasaan.

Bermulalah hari-hari yang menyeksakan bagi Anna semuanya serba tak kena hinggakan penyakit yang sudah lama menghilang timbul kembali. Memang penyakitnya sukar untuk disembuhkan. Doktor sudah pun membuat pelbagai andaian. Akhirnya Anna didapati menghidap penyakit 'ulser' yang bersarang di dalam perut.

"Ha... memang budak tu bodoh semacam. Dari kecil tak mahu mampus, sudah besar menyusahkan saja..." Bentak ayah Anna.

"Dah lah tu bang, budak tu sakit," kata ibu Anna menenangkan suaminya.

"Awak tu memang nak menangkan anak kesayangan awak tu," dengan nada kasar ayah Anna semacam mengejek isterinya.

"Saya bukanlah nak menangkan anak kita tu bang, tapi abang harus ingat selama ini abang menghampakan harapannya," jelas mak Anna dengan nada lembut.

"Hah... harapan apa pulak tu?" Tanya ayah Anna kehairanan.

"Eh... eh... abang ni, kan abang yang suruh putuskan pertunangannya dengan si Nordin tu dan abang paksa pula dia menerima si Khairul tu menjadi tunangannya," ibu Anna menjelaskan masalah yang dihadapi oleh anak kesayangannya itu.

"Memang abang sedari semuanya, tapi kan itu untuk masa depannya juga?" Kali ini suara ayah Anna tidak setinggi suaranya yang tadi.

Dalam keadaan yang terpaksa menahan kesakitan Anna tidak mampu mendengar lagi perbalahan ayah dan ibunya yang memang jelas didengarnya sedari tadi.

"Mak... ayah... maafkan Anna ayah..., biarlah Anna berterus-terang," pinta Anna pada mak dan ayahnya.

"Eh... Anna kau ada rupanya, kenapa muka nampak pucat ni?" Ibu Anna terperanjat dengan kehadiran Anna di sisinya.

"Mak... ayah, sebenarnya Anna tak nak lagi keruhkan keadaan ini, kalau itulah yang ayah inginkan, Anna sanggup memenuhi kehendak ayah tapi ayah, sebenarnya si Khairul tu sudah pun ada teman wanita," jelas Anna dengan nada sayu.

Lihat muka 13



PUISI

TRAGEDI BULAN DISEMBER

Sedih di luhuk hati
masih berparia luka di jiwa
kisah-kisah kelmarin
masih jelas terbayang di kelopak mata.

Tragedi di bulan Disember
mengajakku untuk amati
mengajarku untuk berjaga diri
betapa saat-saat lalu
amat perlu aku sandarkan.

Kesan-kesan pahit
adalah calak perjalananku
betapa aku harus bersyukur
sedia dengan diri
akan apa di hadapanmu.

Walau perit luka terasa
walau hati enggan terima
itu kenyataanku
buat pesan untuk teman
buat lintasan pandangan zahir.

Tragedi bulan Disember
tetap di mataku
tidak mungkin kulepasi
kerana itu takdir ilahi
kerana itu kugenggam la
betapa aku pasrah....!

A. Seroja

WANG DAN CITA-CITA

Wang bisa cari
hilang bisa ganti
cita-cita terbuka hati
terhalang bisa mati.

Wang bisa hilang
kalau kena dalang
cita-cita terhalang
kalau atasan curang.

Wang mesti cari
cita-cita mesti gali
walau penghalang besi gerigi
hasrat segulung ijazah mesti ditempuhi.

Wang dan segulung ijazah
mesti kucari kagali walau diperit bumi
walau dengan keringat dan air mata basah
walau aku mengemis
di bumi sendiri

'mau belajar mesti bayar'
'ambuk dalam hutan lagi kau susui'
inikan pula bangsa sendiri?

Entahlah...
saudagar lupa sejarah
langit tidak selalu cerah
simisikin bisa jadi pengarah.

Imam

KUNCI SYURGA

Kunci syurga ialah mencintai
orang-orang miskin
inilah sifat yang mulia
umatnya bersikap pemurah
dermawan disertai dengan keikhlasan.

Menjadi contoh generasi akan datang
menunjukkan akhlak yang baik
dari itu
bantulah kepada orang
yang memerlukan.

Hidurkanlah apa yang ada
dengan hati yang ikhlas
bersyukurlah kepada Allah
atas nikmatnya

Ami As

IKTIBAR

Kamu bangun dari
tidur lalu menceritakan
segala keaiban manusia
tetapi kamu lupa keaiban
kamu sendiri.

Kamu telah berkata
bahawa neraka itu
benar tetapi kamu
tidak lari dari
padanya.

Kamu telah kebumikan
mayat-mayat manusia
tetapi kamu tidak mengambil iktibar
dari pada mereka.

Kamu tahu mengumpat
itu berdosa besar
tetapi mengapa kamu
amalkan juga
tidak mejuar diri
dari sikap mengumpat.

Norain Abd Sani

SANG NASIB

Ucap kian terkian tiada menghalus
ada haram di ujung kuku
tak berkikisan.

Ke mana pun jua kau bermukim
tiada dapat menghapus tabiat angina
hampir saja kau pengsan tanpa nafas
bagi membelanya
baik selalu
tenggelam ...

Ketika kau berkata-kata di khalayak
memalukan bangsamu
tak terpelihara bahasa
terkeluarlah dari mulut angina mu
bagai berludat ke langit
kena muka sendiri!

Bagaimana pun kau rasakan dihati
tidak ada pernah sebaliknya
begitulah orang lain rasakan
betapa sinis pedih
dalam hilang peri melayang
sentosa!

Ke mana pun kau berpergian
tabiat lamamu masih menuntut gayanya
bagai anjing dengan tulangnya
yang tak sempat termamah.

Sang nasib
tiada dapat menahan dada radang
menikarkan lembutmu
bahasa terpelihara
santun bijaksana
di jiwamu
tapi, kau masih mengenangkan menungkat
langit
nikap titik manusia angkis!

Adi Misere

Dari muka 12

"Macam mana pula kau tahu semua ni kan kau tu tunangannya?" Tanya ayah Anna.

"Lima bulan lepas Ameera ada berjumpa Anna ayah," Anna membuka cerita yang selama ini menjadi rahsia hatinya.

"Siapa pula Ameera tu?" Tanya ayah Anna kebingungan.

"Dia adalah kekasih Khairul, dan mereka sama-sama menuntut di sana, dia yang memohon agar Anna lupkan saja si Khairul tu" Anna menjelaskan satu persatu.

"Ameera telah menerangkan segalanya pada Anna, ayah rupanya Khairul dalam diam terpaksa menerima Anna menjadi tunangannya hanya semata-mata ingin memenuhi kehendak ayah dan maknya sendiri," sambung Anna lagi.

"Itulah abang, memang selalu hendak menjaga hati bekas teman wanita abang sehinggakan menyeksa anak sendiri," emak Anna menyampuk membenarkan kata-katanya tadi.

Ayah Anna tergamam dan dia memang tidak tahu keadaan sebenarnya, yang dia tahu Anna adalah tunangan Khairul - anak lelaki kesayangan bekas teman wanitanya dulu. Khairul masih menuntut di luar negeri, dalam bidang pakar saikologi dan masih ada dua tahun lagi pengajiannya.

Semua persoalan telah terjawab, ayah dan mak Anna akur akan keputusannya untuk memutuskan pertunangannya dengan Khairul.

Dalam suasana beginilah Anna sangat memerlukan seorang teman, sekadar untuk berbincang dan untuk memujuk hatinya yang kecewa tak terucapan.

Pemuda 'magic' Ya dialah yang bertakhta di hatinya entah macam mana dia boleh jatuh hati dengan hanya sekadar meneliti perkataan demi perkataan yang senang diluahkan dan berbekalkan sekeping gambar yang dikirimkan memang cukup membuat hati Anna resah gelisah. Sedangkan dengan tunangannya sendiri Khairul tidak pula pernah dia merasakan perasaan yang cukup menyeksakan-nya ini.

"Anna... macam mana kamu buat kerja ni ha, kenapa akhir-akhir ini kerja kamu banyak yang tertangguh?" Dengan nada yang marah dan kasar Tuan Helmi menghempaskan kertas kerja yang dibuat oleh Anna semalam.

Tersentak Anna oleh suara yang keras itu. Rupanya kelakuannya memang sudah lama diperhatikan oleh pihak atasannya.

"Anna... saya tak nak dengar masalah kamu yang saya mahu kamu kembalikanlah semangat kerjaya cemerlang yang selama ini kamu amalkan." Kata Tuan Helmi lagi dengan nada kesal.

Memang benar, Anna adalah salah seorang pekerja cemerlang di tempat kerjanya. Azan fardu Zuhur berkumandang, Anna bergegas mengambil beg pakaianannya dan menuju ke balai ibadat. Hari ini Anna berpuasa. Selesai sembahyang Anna berdoa. Linangan air matanya tidak dapat ditahan hanya Tuhan saja yang tahu isi hatinya. Dalam keadaan yang tidak bermaya Anna bangun dan beredar ke tempat kerjanya.

Anna menjadi serba salah siapa yang patut disalahkan? Adakah perasaannya yang mudah menerima segala kata-kata manis atau entah siapa lagi... lagi dan lagi...

"Anna anak mak kau dah sedar rupanya," Tanya mak Anna sebaik saja Anna membuka matanya.

"Anna di mana ni mak?" Tanya Anna pada maknya kehairanan.

"Kau jatuh di tempat kerja dan tak sedarkan diri tadi, Tuan Helmi yang mengejarkan kau ke hospital," terang mak Anna bila melihat Anna masih lagi kehairanan.

"Anna ni kenapa sayang... sudahlah tu jangan diturutkan sangat perasaan Anna tu....," sambung mak Anna lagi.

"Mak... Anna sihatkan?" Tanya Anna pada maknya sambil tersenyum untuk meyakinkan emaknya yang dia sudah sihat.

"Entahlah... esok doktor akan memberi keputusan setelah menjalankan pemeriksaan pada kau tadi," kata mak Anna kesayuan.

"AMEERA telah menerangkan segalanya pada Anna, ayah rupanya Khairul dalam diam terpaksa menerima Anna menjadi tunangannya hanya semata-mata ingin memenuhi kehendak ayah dan maknya sendiri," sambung Anna lagi.

Dalam diam Anna terfikir yang selama ini dia memang menyeksakan diri sendiri, sedangkan selama ini yang dirindunya yang diratapinya langsung tidak mahu ambil kisah. Kini dia sedar dunia siber terlalu melalaikannya.

"Mak, Anna boleh keluar hospital hari ini kan?" Anna cuba meyakinkan emaknya lagi.

"Nantilah apa kata doktor," kata mak Anna dengan linangan air mata yang sedari tadi cuba ditahannya.

Setelah membuat perjanjian untuk datang ke hospital semula keesokan harinya. Anna dibenarkan pulang.

Di dalam perjalanan pulang Anna berazam akan menghapuskan semua kenangan yang menyeksa perasaannya terpaksa berputus kasih dengan teruna pilihannya, putus tunang dengan pemuda pilihan ayahnya dan kini yang paling menyeksakannya dan sukar untuk dilupakannya dan memang dia tak akan lupa dalam terpaksa ia sudah berjanji untuk menukarkan perasaan cintanya pada pemuda 'magic' itu menjadi seorang kawan biasa sekadar teman untuk bersembang di alam siber.

Hari-hari yang mendatang Anna mengharapkan khabar berita daripada pemuda 'magic' tapi hingga kini ke saat ini Anna masih menanti... Menanti... Dan menanti... tapi masih tak kunjung tiba.

Sakit yang dideritainya semakin menjadi-jadi dan hari-hari yang dilaluinya hanyalah sekadar memenuhi ruang usia yang dipinjamkan oleh Allah Subhanahu Wataala. Tapi cinta saktinya dengan pemuda 'magic' itu terlalu sukar dilupakannya. Anna sedar ia boleh berdiri sendiri dengan keadaannya sekarang apa lagi yang dicari kemewahan, kerjaya, pangkat... Semua sudah ditaklukinya tapi yang satu ini Cinta Sakti - entah bila lagi ia menjadi kenyataan.

Sekadar memujuk perasaannya yang tak ketentuan, Anna membisikkan kata hatinya.

"Jikalau impian itu tidak mungkin menjadi kenyataan maka akan kubiarkan kenyataan itu menjadi impianku buat selama-lamanya."

Jika dulu, Nordin pemuda pilihan hatinya yang terpaksa dilupakannya atas kehendak ayahnya kini Anna terdengar lagi perbualan ayah dan ibunya yang semacam bersetuju menerima lamaran seorang duda.

Anna termenung seketika, "Siapalah duda tu... adakah aku harus patuh lagi akan kata-kata orang tuaku ini, kerana selama ini sikit pun cakap mereka tak pernah ku bantah?" Anna tertanya-tanya di dalam hatinya.

Di atas singgahsana, Raja sehari ... Dalam terpaksa menerima Nordin pemuda pertama yang mengetuk cintanya. Kini dah bergelar duda ... Yang nyata cintanya telah pudar pada duda itu. Kini sudah menjadi miliknya ... Suaminya yang sah. Di sana jugalah Anna mengalirkan air mata bila teringatkan pemuda 'magic' yang benar-benar tak dapat dilupakannya.

Tetamu, rakan-rakan, sanak saudara, ayah dan ibunya dan semua yang ada langsung tak tahu rahsia air mata yang mengalir itu yang mereka tahu hanyalah Anna dah sah menjadi isteri Nordin, mungkin itu yang membuatkan airmata Anna mengalir. Itu tanggapan mereka.

Ajal, maut, jodoh dan pertemuan semuanya di tangan Tuhan hanya dialah yang menentukannya, manusia hanya mampu merancang dan berusaha. Sudah hampir tiga tahun perkongsian hidup antara Anna dan suaminya kini dia dah disahkan mengandung oleh doktor yang merawatnya.

Sebenarnya dari awal perkahwinan lagi Anna telah diberitahu oleh doktor yang dia tak dapat mengandung disebabkan penyakit yang dideritainya itu. Tapi dia tak sampai hati dengan suaminya. Dia ingin mengandungkan zuriat suaminya.

